

Bil. 16

Khamis  
8 Disember 2011



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

## K A N D U N G A N

### JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

#### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kediaman Terhad (Pemasuhan) 2011	(Halaman 24)
Rang Undang-undang Buang Negeri (Pemansuhan) 2011	(Halaman 36)
Rang Undang-undang Perbekalan 2012	(Halaman 42)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. " Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. " Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. " Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. " Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. " Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) - *Timbalan Menteri Luar Negeri I*
8. " Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) - *Timbalan Menteri Kewangan II*
9. " Dato' Azian bin Osman (Perak)
10. " Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
11. " Tuan Boon Som a/l Inong (Dilantik)
12. " Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
13. " Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
14. " Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
15. " Datuk Chiw Tiang Chai (Dilantik)
16. " Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. " Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) –  
– *Timbalan Menteri Kewangan II*
18. " Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
19. " Datuk Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
20. " Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
21. " Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) - *Timbalan Menteri Belia dan Sukan I*
22. " **Datuk Heng Seai Kie (Perak) – *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat***
23. " Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
24. " Mejaz Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. " Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
26. " Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
27. " Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. " Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
29. " Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
30. " Tuan Lihan Jok (Sarawak)
31. " Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz – *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
32. " Datuk Maijol Mahap (Sabah)
33. " Dr. Malasingam a/l Muthukumaru (Dilantik)

34. Yang Berhormat Puan Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
35. " Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
36. " Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Sumber Manusia*
37. " Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
38. " Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
39. " Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
40. " Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
41. " Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
42. " Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
43. " Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
44. " Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
45. " Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
46. " Tuan Ng Fook Heng (Pahang)
47. " Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
48. " Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
49. " **Dato' G. Palanivel (Dilantik)**  
**– Menteri Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi II**
50. " Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
51. " Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
52. " Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator – Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
53. " Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
54. " Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
55. " Datuk Hj. Saat bin Hj. Abu (Melaka)
56. " Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
57. " Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – *Senator Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
58. " Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan (Dilantik)
59. " Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
60. " Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
61. " Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
62. " Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
63. " Dato' Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
64. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
65. " Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)
66. " Dato' Zaitun binti Mat (Pahang)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Dato' Ngah Senik

**Setiausaha Dewan Negara**  
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Encik Che Seman bin Pachik

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail  
Suriyani binti Mohd. Noh  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijannah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya  
Mulyati binti Kamarudin  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Azmir bin Mohd Salleh  
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir  
Noraidah binti Manaf  
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil  
Mohd. Zaidi bin Mahmood  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Ainuddin bin Ahmad Tajuddin  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Siti Norlina binti Ahmad  
Hazwani Zarifah binti Anas



**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****Khamis, 8 Disember 2011****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Tuan Yang di-Pertua:** *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuuh dan salam sejahtera.* Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, sebelum pertanyaan lisan dimulakan, izinkan saya mengingatkan dan memberi pandangan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan mengemukakan pertanyaan-pertanyaan dan juga wakil-wakil kementerian, saya berharap kalau boleh, Yang Berhormat tengok, kita tiap-tiap hari ada berpuluhan-puluhan soalan lisan. Akan tetapi biasanya kita hanya dapat lebih kurang 10, lebih-lebih 12 soalan. Saya mohon kerjasama semua pihak sama ada yang bertanya, Ahli-ahli Yang Berhormat atau pun pihak kementerian kalau boleh fokus khusus kepada soalan yang ditanya.

Kalau jawapan itu pun ya atau tidak. Ya atau tidak sahaja, cukup. Selepas itu baru soalan tambahan. Sama juga dengan pihak kementerian, saya mohon juga kalau boleh fokus, tekankan kepada soalan-soalan yang dikemukakan sahaja untuk membolehkan kita dapat mengemukakan soalan lebih banyak yang boleh mendapat manfaat kepada Dewan. Sekian, itu pandangan saya pada pagi ini dan saya mulakan dengan pertanyaan yang pertama daripada Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, sekiranya kementerian bermaksud untuk mengadakan kaedah 'kawalan harga rumah' untuk mengelakkan para pemaju berleluasa mengambil keuntungan yang berlebihan dan juga sekali gus juga untuk memastikan pemilikan rumah kediaman dengan harga yang lebih wajar.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi dan salam sejahtera. Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan berkaitan kawalan harga rumah dari Yang Berhormat-Yang Berhormat seperti berikut:

- (i) Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah yang dijadualkan pada hari ini;
- (ii) Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin bertarikh 13 Disember;
- (iii) Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi bertarikh 15 Disember;
- (iv) Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop bertarikh 14 Disember;
- (v) Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat bertarikh 15 Disember; dan
- (vi) Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Olian bin Abdullah bertarikh 22 Disember tahun ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya persetujui.

**Datuk Seri Chor Chee Heung:** Ya. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan tidak berhasrat untuk mengawal harga rumah kerana ianya ditentukan sendiri oleh faktor pasaran ataupun *market forces*. Ini memandangkan Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan ekonomi bebas atau pun *free market economy* seperti negara-negara lain di dunia ini termasuk juga negara China walaupun sebuah negara sosialis pun tidak mengawal harga rumah yang dijual oleh pemaju swasta. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa mekanisme kawalan telah pun dilaksanakan oleh kerajaan bagi mengawal kenaikan harga rumah.

Pertamanya cukai keuntungan harta tanah atau pun CKHT. Dalam pengumuman belanjawan tahun 2012 baru-baru ini, kerajaan telah pun bersetuju untuk menaikkan kadar CKHT daripada 5 peratus kepada 10 peratus bagi harta tanah yang dilupuskan dalam tempoh kurang daripada dua tahun. Bagi tarikh tanah yang dilupuskan di antara tiga hingga lima tahun, kadar CKHT kekal sebanyak 5 peratus dan tiada CKHT dikenakan bagi hartanah yang dilupuskan melebihi lima tahun. Kenaikan CKHT adalah merupakan langkah kerajaan mengawal kenaikan harga rumah melalui tekanan kepada aktiviti spekulator.

Keduanya nisbah pembiayaan perumahan atau pun *margin of finance*, dengan izin. Melalui mekanisme ini, nisbah pembiayaan bagi pembelian rumah ketiga adalah ditetapkan pada kadar 70 peratus sahaja. Tindakan ini akan mengurangkan keupayaan kewangan individu yang terlibat dalam aktiviti spekulator.

Ketiga, Program Perumahan 1Malaysia atau pun (PR1MA). Kerajaan juga telah melancarkan Program Perumahan 1Malaysia yang berkoncepkan *public private partnership* dengan objektif untuk memastikan golongan yang berpendapatan sederhana, pendapatan isi rumah di antara RM2,500 hingga RM7,000 sebulan mampu memiliki rumah tersendiri dengan harga yang berpatutan iaitu di antara RM150,000 hingga RM400,000. Salah satu program lagi yang di bawah Skim Rumah Pertamaku di mana rumah yang berharga RM400,000 dan ke bawah akan diberikan pinjaman 100 peratus kepada pembeli yang berjaya membeli rumah dan harga rumah PR1MA adalah lebih murah berbanding harga pasaran kerana pembinaan PR1MA adalah di atas tanah milik kerajaan dengan usaha sama pemaju swasta. Dengan adanya Program Perumahan 1Malaysia, ianya akan memaksa pemaju-pemaju swasta untuk membina rumah dengan harga penjualan dengan harga sederhana.

Yang keempat, di bawah Program Perumahan Rakyat atau pun (PPR), dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan telah pun menyasarkan pembinaan sebanyak 161,000 unit rumah mampu milik yang merangkumi sebanyak 78,000 unit yang dibina oleh kerajaan termasuk rumah di bawah Program Perumahan Rakyat dan sebanyak 83,000 unit dibina oleh pemaju swasta khususnya bagi memenuhi permintaan golongan yang kurang berkemampuan. Sekian, terima kasih.

#### ■1010

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semangat atau yang tersirat daripada soalan saya ini ialah untuk memastikan bahawa penduduk-penduduk atau rakyat yang kurang berkemampuan berupaya untuk memiliki rumah dengan sewajarnya. Sehubungan dengan itu ada dua soalan yang saling berkait yang ingin saya kemukakan. Pertama, tadi Yang Berhormat Menteri menyebut tentang pembinaan rumah mampu milik iaitu satu peraturan yang mewajibkan pemaju-pemaju membina sebanyak 30 peratus daripada keseluruhan projeknya terdiri daripada rumah-rumah mampu milik.

Walaupun disebut tadi memang ada dibuat tetapi yang saya hendak pasti, adakah bilangan yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri itu benar-benar menepati 30 peratus daripada keseluruhannya? Kalau tidak ada, adakah usaha untuk memantau supaya pemaju-pemaju benar-benar memenuhi pembinaan rumah mampu milik 30 peratus itu. Saya syak barangkali perkara ini tidak dipatuhi oleh pemaju. Oleh kerana itu patut ada langkah-langkah yang lebih tegas untuk memastikan pemaju-pemaju benar-benar membina rumah mampu milik yang terdiri daripada 30 peratus.

Kemudian semalam soalan yang ada *related* berhubung kait Yang Berhormat Menteri, iaitu apabila saya menanyakan projek-projek terbengkalai dikatakan 167 projek yang melibatkan 34,768 pembeli menjadi mangsa oleh projek rumah terbengkalai ini. Saya rasa langkah-langkah yang lebuh wajar patut diambil untuk menolong pembeli-pembeli yang teraniaya kita projek terbengkalai ini. Bilangan ini bukan sedikit dan saya tahu secara peribadi sebahagian daripada mereka yang membayar RM800 hingga RM1000 sebulan tanpa membuat apa-apa manfaat. Jadi soalan saya ialah apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membela pembeli-pembeli yang teraniaya akibat projek terbengkalai ini? Jadi ada dua soalan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak, *assalamualaikum*.

**Datuk Seri Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Dato' Dr. Firduz. Dua soalan yang pertama ialah rumah mampu milik. Di mana Yang Berhormat sudah menyatakan bahawa kerajaan-kerajaan negeri memang melalui dasar-dasar setiap negeri ingin memastikan bahawa pemaju-pemaju mengagihkan 30 peratus daripada keseluruhan tanah untuk membina rumah mampu milik untuk golongan yang kurang kemampuan.

Memang benar, tetapi ini adalah di bawah dasar negeri-negeri masing-masing dan kerajaan persekutuan sentiasa dengan sedaya upaya memantau. Jika terdapat kekurangan di mana pemaju-pemaju swasta tidak memenuhi 30 peratus ini, Kerajaan Persekutuan melalui kementerian saya akan sentiasa memperingati supaya kerajaan negeri lebih tegas di mana kita hendak melihat unjuran yang saya mengatakan tadi akan tercapai.

Yang kedua, mengenai projek terbengkalai, memang benar. Setakat hari ini terdapat 167 projek yang terbengkalai. Akan tetapi melalui usaha gigih oleh kerajaan, setakat ini kita telah berjaya memulihkan 83 projek terbengkalai dan 62 masih dalam peringkat-peringkat pemulihan. Tinggal 22 yang masih kita hendak cari kontraktor penyelamat. Walaupun tidak berjaya lagi, tetapi kita sedang mencuba dengan lebih gigih dan untuk menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan amatlah mementingkan bawah projek-projek terbengkalai ini dipulihkan dengan secepat mungkin.

Di bawah Belanjawan pada tahun hadapan, Kerajaan Persekutuan telah pun memperuntukkan sebanyak RM63 juta untuk memulihkan 1,270 buah rumah dan apabila kita darab 1,270 dengan tiga ataupun empat, maka banyak juga pembeli-pembeli yang sudah beli rumah-rumah di projek terbengkalai akan menerima manfaat. Walau bagaimanapun, kerajaan melalui kementerian saya baru-baru juga telah pun memperoleh kelulusan dari Dewan Rakyat dan tidak lama lagi ia akan masuk ke Dewan Negara untuk dibahaskan. Kita harap dapat kelulusan iaitu pindaan-pindaan yang telah dibuat kepada Akta Kemajuan atau *House Developers Act*, Akta 118 di mana pindaan-pindaan yang kita memperkenalkan ialah untuk memastikan bawah semua skim perumahan swasta yang dimajukan oleh pemaju swasta harus menepati pindaan-pindaan bila ianya diluluskan.

Saya percaya kalau semuanya berjalan dengan lancar pada tahun hadapan dan salah satu syarat ialah jika sebuah syarikat pemaju ini dalam pembinaan dan apabila menemui dengan masalah-masalah kemudian berhenti pembinaan tanpa apa-apa alasan yang kukuh dan lari. Maka kerajaan berhak untuk membuka kertas siasatan dan jika didapati mereka ini mempunyai niat untuk menipu, maka mereka ini akan didakwa di mahkamah dan mereka ini boleh dipenjarakan.

Yang kedua, bakal-bakal pemaju lain kali setakat ini kita hanya meminta RM200,000 sahaja sebagai cengkeram deposit dengan kementerian. Akan tetapi lain kali kita akan minta 3 peratus dari jumlah kos pembinaan. Maksudnya kalau hendak jadi pemaju, mereka perlu ada kewangan yang kukuh. Melalui cara ini kegagalan projek perumahan akan dikurangkan lagi. Sekian terima kasih.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah bagi mengurangkan kos rumah supaya rakyat mampu memiliki rumah, adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan kemudahan infrastruktur untuk jalan masuk utama, bekalan elektrik, bekalan air, dan telefon bagi projek perumahan iaitu seperti yang sedang dijalankan atau dilaksanakan di negara-negara lain di Asia Tenggara dan beberapa negara Barat.

Yang kedua, adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan *clawback pricing* iaitu seperti yang telah dilaksanakan dengan jayanya di Ireland yang mana jika pemilik rumah yang harganya diberi subsidi oleh kerajaan, menjual sebelum tempoh 20 tahun, mereka akan dikehendaki membayar perbezaan harga berdasarkan harga semasa. Asal yang telah diberikan subsidi oleh kerajaan dan jika tidak apakah sebabnya? Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat, dua soalan juga. Satu mengenai kemudahan seperti jalan masuk keluar, skim-skim perumahan. Setakat ini kerajaan memang tidak membuat ataupun membina kemudahan-kemudahan seperti jalan-jalan masuk keluar ke skim-skim perumahan yang dimajukan oleh pihak swasta. Walau bagaimanapun, jika ianya jatuh dalam golongan rumah yang dibina oleh kerajaan macam di bawah PPR, mampu milik maka segala kemudahan-kemudahan akan diberikan dan dibina oleh kerajaan bagi manfaat rakyat yang akan membeli rumah.

Kedua mengenai sistem penjualan ataupun sistem pengagihan penjualan rumah ke rakyat di mana kalau tidak sampai ke sekian-sekian tahun dipulang balik segala keuntungan. Memang kita ada buat satu kajian termasuk juga yang dipraktikkan di Ireland tetapi kita masih belum mempunyai syarat-syarat seumpama ini. Ini kerana kita juga rasa jika seseorang rakyat sudah beli rumah melebihi sekian-sekian tahun, maka kita kena ambil kiralah, jika ada keuntungan kita patut bagi balik kepada mereka. Akan tetapi ini tidak bermaksud bahawa kita tidak akan memberi pertimbangan. Apabila sampai sesuatu masa, kita akan menggunakan pelbagai cara seperti yang dipraktikkan di Ireland untuk kita memastikan rakyat sebenarnya menduduki rumah yang dibeli. Terima kasih.

#### ■1020

2. **Dr. Malasingam a/l Muthukumaru** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, jumlah warga kita yang telah ditahan di luar negara bagi kesalahan pengedaran dadah atau 'keldai dadah' bagi tempoh lima tahun ini dan berikan mengikut pecahan kaum dan negaranya.

**Timbalan Menteri Luar Negeri I [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini seramai 616 orang rakyat Malaysia yang telah ditahan di luar negara atas kesalahan dadah bagi tempoh lima tahun kebelakangan iaitu dari tahun 2007 hingga November 2011. Jumlah tersebut meliputi:

Kaum	Ditahan atas kesalahan dadah (jumlah / orang)
Cina	449
Melayu	104
India	50
Lain-lain kaum	13

Negara	Ditahan atas kesalahan dadah (jumlah / orang)
Thailand	192
Singapura	155
Republik Rakyat China	92
Indonesia	43
Taiwan	32
Australia	23
Sepanyol	20
Brazil	17
Jepun	10
Brunei	8
Kemboja	8
Peru	8
Venezuela	8

Terima kasih.

**Dr. Malasingam a/l Muthukumaru:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri yang memberi jawapan yang paling sedikit. Okey, soalan tambahan saya kita sedar bahawa terdapat ramai pihak keluarga yang tidak dimaklumkan akan tahanan ahli keluarga mereka sehingga memakan masa hampir satu bulan atau lebih, khasnya anak-anak perempuan dan wanita yang dijadikan keldai dadah.

Apakah kerajaan mempunyai satu dasar untuk memantau semua rakyat kita khasnya wanita yang keluar masuk ke negara-negara yang berisiko dan penahanan yang tinggi? Ini bagi memastikan sebarang bantuan atau inisiatif boleh diambil serta memaklumkan kepada anggota keluarga mereka supaya tindakan sewajarnya dapat diambil oleh pihak keluarga dengan secepat mungkin. Terima kasih.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya dalam *Vienna Convention* memang terdapat iaitu *receiver country must inform the sender country* di mana negara penerima tersebut harus memberitahu kepada negara penghantar. Namun begitu, apa yang berlaku ialah di dalam *Vienna Convention* dan juga *on Consular Relation* 1963 memang terdapat juga di mana hak bagi yang ditahan untuk meminta kerajaan tersebut supaya tidak memberitahu keluarga mereka. Mereka mempunyai hak untuk meminta. Jadi ini sebenarnya menyukarkan kita sehingga seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat di mana mengambil masa sehingga *even* beberapa bulan. Namun begitu, kementerian melalui wakil kita di luar negara kita terus memantau keadaan ini dan kita juga biasanya akan melawat pesalah-pesalah ini atau yang dituduh ini supaya memastikan kebaikan mereka terus dipelihara dan kita akan, Wisma Putra memang sentiasa akan memberitahu keluarga tersebut.

Namun begitu, bagi Wisma Putra kita telah mengambil beberapa langkah untuk menyedarkan untuk menguar-uarkan, memberi kesedaran kepada anak-anak kita supaya tidak terlibat bukan sahaja bagi mengambil kira negara-negara berisiko tinggi, tetapi kita secara keseluruhan memang memberi penerangan kepada anak-anak muda kita di mana beberapa temu duga dalam RTM dan sebagainya, di mana saya sendiri telah mengambil bahagian dalam memberi penerangan akan keldai dadah dan sebagainya. Di samping itu, baru-baru ini dalam, "Apa Kata Wanita", dalam program itu pun saya telah menerangkan akan penglibatan anak-anak muda kita terutamanya perempuan yang dijadikan sebagai keldai dadah dalam aktiviti-aktiviti penyeludupan dadah ini. Jadi program-program kesedaran ini perlu diteruskan supaya anak-anak muda kita ini tidak terlibat.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Bagaimanakah kerjasama dengan Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Dalam Negeri, Jawatankuasa Kelab Putra 1Malaysia dan IPT di mana mahasiswa dan mahasiswi kerap kali menjadi mangsa keldai dadah dan juga bagaimana Kementerian Luar Negeri sendiri memikirkan jangka panjang penyelesaian masalah terbabit dengan negara-negara terbabit? Mohon penjelasan daripada kementerian. Terima kasih.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kalau kita lihat Wisma Putra bersama-sama dengan Bahagian Narkotik, Bahagian Kementerian Dalam Negeri, universiti-universiti tempatan sama ada kerajaan maupun swasta. Memang kita menganjurkan program-program kesedaran seperti ini.

Namun saya mengakui tidak mencukupi. Harus kita meneruskan program seumpama ini dan yang peting ialah kesedaran kepada anak-anak kita supaya tidak mudah terpengaruh dengan aktiviti sindiket-sindiket yang merekrut begitu ramai anak-anak muda kita terutamanya dalam golongan 20 hingga 35 tahun.

Jadi kita harus sama-sama mengambil inisiatif menganjurkan lebih program kesedaran dan penerangan sejelas-jelasnya supaya anak-anak muda kita ini tidak terlibat. Sekian.

3. **Tuan Ng Fook Heng** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, bilakah pembaharuan tarikh tamat lesen memandu mengikut tarikh lahir pemegang lesen dimulakan. Berapa ramaikah telah selesai ditukarkan untuk tujuan ini. Berapa keskah yang dikesan dalam setahun bahawa pemandu lupa memperbaharui lesen memandu mereka sebelum kaedah ini dikuatkuasakan.

**Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Kong Cho Ha]:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan terdapat ramai orang apabila menghadapi penguatkuasaan JPJ dan polis atau apabila terlibat dalam kemalangan baru dikesan bahawa lesen memandu telah tamat tempoh sah laku. Alasan yang diberi selalunya sukar mengingati tarikh tamat tempoh lesen memandu justeru menyebabkan mereka dikenakan saman oleh pihak berkuasa. Perkara yang membimbangkan ialah mereka juga tidak dilindungi insurans kerana memandu tanpa lesen yang sah dan berkuat kuasa. Lagi pun bagi mereka yang gagal memperbaharui lesen memandu melebihi tiga tahun selepas tamat tempoh sah laku mereka perlu menjalani ujian kekompetenan bagi memperbaharui lesen memandu.

#### ■1030

Tuan Yang di-Pertua, sebagai *touch point* kepada rakyat, kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan penyelarasan terhadap tarikh tamat lesen memandu mengikut tarikh lahir pemegang lesen melalui 20 November 2011. Inisiatif ini adalah bertujuan untuk memudahkan orang ramai mengingati tarikh tamat lesen memandu mereka. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejak mula dilaksanakan pada 20 November tahun ini, sehingga 30 November tahun ini, jadi dalam masa lebih kurang 11 hari, sebanyak 183,143 lesen memandu telah diperbaharui dan diselaraskan mengikut tarikh lahir. Sehingga kini, penyelarasan lesen memandu ini telah berjalan dengan lancar dan tiada sebarang aduan diterima oleh JPJ.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, orang ramai tidak perlu pergi segera untuk memperbaharui lesen memandu sekiranya lesen memandu mereka masih lagi berkuasa untuk tempoh yang masih panjang. Hanya pemegang lesen memandu yang akan tamat tempoh sahaja perlu memperbaharui lesen memandu seperti biasa dan seterusnya diselaraskan mengikut tarikh lahir mereka. Oleh sebab itu, program ini akan mengambil masa lebih kurang lima tahun untuk semua lesen memandu diselaraskan dengan tarikh lahir pemegang lesen.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu tahun lebih kurang 40 ribu kes dikesan oleh pihak JPJ melalui penguatkuasaan dan kes-kes kemalangan di mana lesen memandu telah tamat tempoh sah. Untuk mereka yang tidak dikesan dan kemudiannya memperbaharui lesen memandu selepas tarikh tamat tempoh sah, kita percaya ada banyak kes lagi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ng Fook Heng:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Saya puji kementerian kerana sensitif terhadap masalah ini. Apakah langkah ataupun tindakan yang akan diambil sekiranya proses pembaharuan lesen ini semua sudah tamat, sudah habis dijalankan dan masih terdapat orang yang tidak ingin memperbaharui lesen mereka kerana mereka bukan sahaja membahayakan diri sendiri, mereka juga membahayakan semua pengguna jalan raya. Sekian. Maknanya adakah tindakan yang lebih tegas, lebih *heavier, more severe punishment to them. Thank you.*

**Dato' Seri Kong Cho Ha:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam rekod JPJ kita dapat sejumlah 11.8 juta pemegang lesen memandu tetapi di antaranya ada 2.2 juta yang dikategorikan sebagai pemegang lesen yang tidak aktif. Ini bermakna mereka yang tidak memperbaharui lesen mereka melebihi tiga tahun iaitu tamat tempoh sah laku. Akan tetapi di antara mereka mungkin banyak adalah mereka yang telah meninggal ataupun mereka yang telah berhijrah ke negara-negara lain dan juga di antara mereka juga adalah yang lupa memperbaharui lesen mereka selepas tamat tempoh sah laku. Jadi untuk mereka yang datang semula untuk memperbaharui lesen memandu, kalau tempoh tamat yang tidak melebihi tiga tahun, mereka boleh lagi memperbaharui lesen memandu itu. Akan tetapi selepas melebihi tiga tahun, mereka perlu melalui ujian kekompetenan yang saya sebut tadi. Jadi kalau mereka dikesan melalui proses penguatkuasaan, kompaun ataupun saman akan dikeluarkan. Terima kasih.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, oleh sebab kerajaan telah memperkenalkan pengecualian untuk *road tax* bagi penunggang motosikal beberapa tahun lepas, adakah kerajaan bercadang untuk memberikan lesen memandu secara percuma kepada rakyat seperti mana yang dibuat oleh Thailand, sekali dapat lesen dikira seumur hidup. Adakah kerajaan pernah membuat sebarang kajian kegagalan mereka memperbaharui lesen menyebabkan mereka kemalangan dan jumlah kutipan kerajaan terhadap pembaharuan lesen setiap tahun oleh JPJ.

**Dato' Seri Kong Cho Ha:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pada masa sekarang untuk motosikal kecil, kita tidak mengenakan *road tax* lagi, hanya kita kenakan RM2 untuk bayaran *this road tax* sahaja. Untuk jenis-jenis kendaraan yang lain, kerajaan pada masa sekarang tidak ada rancangan hendak ubah apa-apa jenis kutipan kadar *road tax* lagi. Soalan berkenaan dengan lesen memandu ataupun kita memberi lesen memandu yang *free*. Pada masa sekarang, kerajaan belum ada rancangan untuk melaksanakan lesen memandu yang percuma. Ada satu soalan lagi saya tidak sempat catat, apa ya? Sorry.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Sejauh manakah kerajaan membuat kajian kepada kegagalan orang memperbaharui lesen melibatkan kemalangan dan yang kedua berkenaan dengan jumlah kutipan setahun daripada kutipan untuk pembaharuan lesen memandu. Kutipan kerajaan daripada JPJ...

**Dato' Seri Kong Cho Ha:** Oh jumlah.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Ya.

**Dato' Seri Kong Cho Ha:** Sebenarnya bayaran lesen memandu ialah RM30 untuk kelas D ke atas dan untuk lesen motosikal hanya RM20 sahaja. Jadi tidak melebihi RM30 untuk setiap pemegang lesen memandu iaitu bayaran yuran setahun. Untuk mereka yang hanya memegang lesen motosikal sahaja, bayarannya ialah RM20 setahun. Untuk mereka yang dibabitkan kesalahan, kita ada *the merit points* yang telah pun diimplementasikan untuk *suspend* lesen-lesen memandu mereka mengikut *the seriousness of the offends*. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum saya memulakan, saya ingin merakamkan terima kasih kepada semua Jemaah Menteri yang sempat hadir pada pagi ini, nampak tiga menteri hadir. Itu menunjukkan bahawa keprihatinan pihak Menteri kepada Dewan Negara. Saya ucapkan tahniah, biasanya Timbalan-timbalan Menteri sahaja datang, ini Menteri datang. Jadi soalan-soalan Yang Berhormat semua mestilah elok-elok, yang betul-betul mempunyai satu kualiti yang boleh kita harapkan.

#### ■1040

4. **Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan, strategi-strategi kerajaan untuk memastikan para pesara swasta dilindungi dengan skim insurans/takaful kesihatan memandangkan kos perubatan/rawatan yang semakin meningkat dan risiko mendapat penyakit yang kronik pada usia persaraan.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah kerana mengemukakan soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan menjalankan aktiviti-aktiviti promosi kesihatan dan pencegahan penyakit kronik termasuk Penyakit Tidak Berjangkit atau NCD atau dalam bahasa Inggerisnya, *Non-Communicable Diseases*, dengan izin. Antara strategi-strategi utama adalah:

- (i) mewujudkan rakyat sihat dengan cara menggalakkan rakyat menghayati kesihatan, mengamalkan cara hidup sihat iaitu pemakanan sihat, melakukan aktiviti fizikal, tidak merokok, bijak menangani *stress* dan mengesan penyakit di peringkat awal;
- (ii) menjalankan aktiviti-aktiviti pengesanan penyakit seperti diabetes, hipertensi, kanser pangkal rahim dan payudara serta rawatan awal penyakit tidak berjangkit; dan

- (iii) menjalankan 220 buah projek *Non-Communicable Diseases (NCD) Project 1Malaysia* yang melibatkan komuniti, tempat kerja dan sekolah.

Seterusnya, ini akan dapat mengurangkan beban kos rawatan kepada individu dan kerajaan serta meningkatkan kualiti hidup rakyat. Adalah sukar untuk golongan pesara ini mendapatkan perlindungan insurans kesihatan swasta disebabkan oleh faktor umur dan risiko yang tinggi untuk menghidap penyakit kronik. Kerajaan juga menyedari tentang masalah peningkatan kos perubatan serta rawatan di negara ini. Pada masa ini, rakyat banyak membuat perbelanjaan kesihatan sama ada melalui insurans kesihatan swasta, perbelanjaan pihak majikan dan lebih-lebih lagi perbelanjaan wang saku persendirian ataupun *out of pocket spending*, dengan izin.

Keadaan ini amat membimbangkan terutama kepada golongan pesara kerana golongan ini berisiko tinggi menghadapi masalah kesihatan kronik yang memerlukan penjagaan rawatan kesihatan yang berpanjangan dengan kos rawatan yang tinggi. Golongan ini berkemungkinan tidak mempunyai perlindungan kewangan ataupun *financial protection*, dengan izin, yang mencukupi dan seterusnya akan mengalami kemudaratan kewangan besar atau *catastrophic health spending*, dengan izin, sekiranya mendapat rawatan di sektor swasta. Walau bagaimanapun, mereka boleh mendapatkan rawatan daripada hospital kerajaan secara percuma dan bayaran minimum.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kerajaan sedang meneliti perancangan Skim Insurans Kesihatan Sosial ataupun *Social Health Insurance*, dengan izin, berasaskan perkongsian kos dan risiko untuk menangani keadaan tersebut. Di bawah skim *Social Health Insurance* (SHI), rakyat akan dilindungi pada setiap peringkat umur termasuk mereka yang menghidap penyakit kronik. Para peserta ataupun para pesara di bawah perlindungan skim SHI ini boleh mendapat rawatan di klinik dan hospital sama ada di sektor swasta mahupun kerajaan.

Caruman untuk SHI ini merupakan gabungan sumbangan dari kerajaan, pihak majikan dan juga pekerja. Pesara yang tidak berkemampuan akan terus dilindungi melalui pembentukan kerajaan yang lebih fokus dan telus. Butiran terperinci transformasi sistem kesihatan sedang dikenal pasti dan di bincang dengan pelbagai pihak yang berkepentingan iaitu *stakeholders*, dengan izin, dan di usaha giatkan. Ia perlu dirancang dengan berhati-hati dan penelitian yang sangat rapi agar pelaksanaannya kelak dapat diterima pakai dan tidak membebankan rakyat. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Baru-baru ini penjawat awam yang dalam skim pencen KWSP telah diumumkan akan menerima perlindungan insurans termasuk juga skim pesara yang berpencen telah memang sedia ada. Masalahnya, kalau kita tengok di Malaysia, kadar hayat atau *life expectancy* adalah lebih kurang 72 tahun untuk lelaki dan 76 tahun untuk wanita. So, antara ketika seseorang pesara itu berumur 50 tahun sehingga 72 tahun ada perbezaan 17 tahun. Pada masa inilah yang memerlukan *medical care*. Adakah kementerian bercadang, mungkin dengan kolaborasi Kementerian Sumber Manusia bagi memulakan skim '*medicare*' sebagaimana yang terdapat di Amerika. Apabila seseorang itu telah bersara, kerajaan menanggung melalui skim *medicare* tersebut. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Seperti yang saya nyatakan Yang Berhormat, sememangnya kerajaan sedang meneliti perancangan skim Insurans Kesihatan Sosial ini. Coveragenya lebih menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat termasuklah kepada pesara-pesara kerajaan, penjawat awam ataupun bukan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, ini merupakan satu skim di mana kita namakan sebagai penjagaan 1Malaysia iaitu dalam bahasa Inggerisnya *1Care* yang merupakan satu cadangan transformasi sistem kesihatan negara.

Dalam proses ini Yang Berhormat, penstrukturkan semula sistem penyampaian kesihatan negara digabungkan bersama dengan pembangunan mekanisme pembiayaan kesihatan itu sendiri supaya sistem kesihatan kita akan lebih berkesan dan memberi manfaat kepada semua rakyat. Jadi, untuk menjawab persoalan Yang Berhormat, perkara ini memang sedang diteliti dan *insya-Allah* untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, *1Care* ini akan dilaksanakan secara berperingkat Yang Berhormat.

Perancangan terperinci penstrukturkan semula sistem penyampaian dan pembiayaan kesihatan ini sedang dibuat dan *blueprint* *1Care* ini sedang disediakan dalam tempoh dua tahun ini. Perancangan dibuat bersama serta mengambil kira maklum balas daripada rakyat dan pelbagai pihak yang berkepentingan ataupun *stakeholders* secara berterusan. Dengan persetujuan kerajaan serta orang ramai, *insya-Allah* pelaksanaan secara berfasa akan dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Rancangan Malaysia Ke-11, Yang Berhormat. Terima kasih di atas soalan tadi.

**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengemukakan soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan sama ada kerajaan pernah melihat sendiri pelaksanaan skim-skim insurans kesihatan atau skim pencen swasta yang telah dilaksanakan di beberapa buah negara seperti di Singapura, Jepun, Afrika Selatan dan beberapa negara lain. Apakah yang kita boleh pelajari dari mereka terutama tentang masalah-masalah yang boleh menggagalkan usaha seperti ini? Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Jawapan kepada persoalan Yang Berhormat itu, sebenarnya memang benar Kementerian Kesihatan telah lama meneliti, memantau serta melihat kepada keperluan perkembangan serta limitasi kepada sistem kesihatan negara kita. Mengambil kira pengalaman-pengalaman negara luar sebagai satu panduan untuk kita melaksanakan *1Care* ini secara menyeluruh, Yang Berhormat. Kita akui walaupun negara kita mempunyai sistem kesihatan yang baik dan ini telah diiktiraf oleh *World Health Organization* sendiri di mana kita mempunyai sistem yang mampu untuk memberi kecapaian dan akses kesihatan kepada semua lapisan masyarakat, Yang Berhormat.

Namun pada masa yang sama, kita akui juga ia masih mempunyai kelemahan-kelemahan yang perlu kita perbaiki. Sudah tentu pelbagai cabaran yang dihadapi terutama sekali dari segi kualiti, kos dan kecapaian rakyat itu masih memerlukan pendekatan untuk diperbaiki. Skim-skim yang ada sekarang ini sebenarnya masih menjurus kepada dikotomi sektor kesihatan awam dan swasta. Dengan wujudnya *1Care* ini Yang Berhormat, kita mengoptimumkan kekuatan kedua-dua sektor ini supaya kedua-dua sektor ini dapat memberikan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan kosnya sudah tentu mampu untuk digaras oleh rakyat. Tanpa melupakan satu tanggungjawab iaitu kita akan terus memberikan perkhidmatan kesihatan kepada mereka yang kurang mampu dengan tidak mengenakan apa-apa pembayaran sekalipun. Terima kasih Yang Berhormat.

**5. Datuk Majol Mahap** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apakah jenis-jenis faedah, subsidi, geran dan sebagainya yang diberikan kepada Syarikat Kecil dan Sederhana (SME) dan bagaimanakah cara mereka untuk mendapatkannya dan berapa jumlah wang yang diberikan oleh kerajaan setiap tahun untuk ini.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan sembilan soalan yang lain yang hampir sama dengan soalan ini termasuk yang dibangkitkan sendiri oleh Yang Berhormat Datuk Majol pada 12, 13, 15, 19, 20 dan 21 Disember serta soalan daripada Senator Dr. Malasingam pada 21 Disember yang semuanya berkaitan dengan perusahaan kecil dan sederhana. Saya dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya jawab sekali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat, silakan.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perusahaan kecil dan sederhana ataupun PKS merupakan antara sektor yang utama yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara yang seimbang dan menyeluruh. Berdasarkan banci terkini Jabatan Perangkaan, 99.2 peratus daripada keseluruhan entiti perniagaan negara ini adalah PKS iaitu berjumlah kira-kira 550,000 semuanya PKS dalam negara kita. Pada tahun lalu, PKS menyumbang kira-kira 32 peratus kepada KDNK dan 56 peratus kepada guna tenaga negara.

Definisi PKS adalah berdasarkan kepada dua kriteria iaitu nilai jualan tahunan, sebuah perniagaan atau bilangan pekerja sepenuh masa. Secara terperinci, definisi PKS boleh dikategorikan sebagai ataupun kepada yang pertama ialah PKS, kalau PKS dalam sektor pembuatan ianya merupakan PKS sekiranya jualan kurang daripada RM25 juta ke bawah dan pekerjanya kurang 150 orang dan bagi sektor perkhidmatan. Tadi pembuatan, kalau sektor perkhidmatan jualannya kurang RM5 juta dan pekerjanya 50 orang ke bawah. Itu definisi PKS untuk makluman Ahli Yang Berhormat.

Berdasarkan saiz, kebanyakan enterprise ini adalah mikro. Mikro ini jualannya cuma RM25,000 ke bawah dan pekerjanya lima orang. Ini enterprise mikro. Sederhana adalah antara jualannya RM250,000 sehingga RM10 juta dan pekerjanya lima hingga 50 orang dan yang selebihnya ditakrifkan sebagai enterprise sederhana. Majoriti PKS merupakan perusahaan mikro iaitu sebanyak 434,000 kira-kira 80 peratus manakala 100,000 adalah merupakan perusahaan kecil dan yang selebihnya sederhana iaitu kira-kira 13,000.

Tuan Yang di-Pertua, majoriti PKS terdapat di Selangor dengan jumlah sebanyak kira-kira 99,000 dan keduanya ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan jumlah kira-kira 96,000. Perbadanan perusahaan kecil dan sederhana ataupun SME Corp yang sebelum ini dikenali sebagai SMIDEC iaitu sebuah agensi di bawah MITI telah ditubuhkan pada tahun 2009 sebagai agensi penyelaras untuk pembangunan PKS seluruh negara. Ia dipertanggungjawabkan untuk menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan dasar, strategi dan program bagi PKS dalam semua sektor ekonomi yang dilaksanakan oleh 17 buah kementerian dan lebih 70 agensi.

Tuan Yang di-Pertua, faktor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan baik PKS adalah penggubalan dan pelaksanaan dasar yang mantap oleh kerajaan khususnya selepas penubuhan Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Perdana Menteri. MPPK ini ditubuhkan pada tahun 2004. Majlis ini berfungsi sebagai badan tertinggi yang menggubal dasar dan strategi pembangunan PKS secara terselaras dan menjadikan pembangunan PKS sebagai salah satu agenda keutamaan negara.

Bagi memastikan sumbangan PKS yang memberangsangkan, kerajaan telah menyediakan pelbagai program dan bantuan kewangan kepada PKS untuk meningkatkan operasi perniagaan mereka. Program pembangunan dilaksanakan oleh 17 kementerian melalui 70 agensi. Ia meliputi tiga teras strategik. Yang pertama iaitu akses kepada pembiayaan, yang kedua membangunkan kapasiti dan yang ketiga mengukuhkan infrastruktur. Bagi tahun ini, jumlah peruntukan yang disediakan untuk PKS ialah RM5.9 bilion bagi 219 program di mana objektifnya ialah untuk meningkatkan prestasi mereka.

Daripada RM5.9 bilion tersebut, RM5.3 bilion adalah untuk pembiayaan manakala RM77 juta adalah untuk program infrastruktur. Itu untuk tahun 2011, daripada tahun 2005 hingga kini, SME Corp Malaysia telah menyediakan pelbagai skim bantuan kewangan kepada PKS bertujuan untuk meningkatkan perniagaan mereka. Di bawah skim bantuan yang diberikan oleh SME Corp dalam bentuk geran, kira-kira RM1.6 bilion juta telah diluluskan dalam tempoh enam tahun ini melibatkan kira-kira 24,000 projek. Manakala bagi skim pinjaman mudah pula kira RM920 juta telah diluluskan melibatkan 1,464 projek.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soalan PKS di Sabah, saya dimaklumkan terdapat kira-kira 23,000 PKS di Sabah. Ia menyumbang 4.2 peratus kepada jumlah PKS dalam negara. Sehingga kini SME Corp telah memberi bantuan geran dan pinjaman mudah kepada 420 syarikat di Sabah. Ini termasuk pinjaman dan juga geran. Jumlahnya ialah RM82 juta setakat ini bagi negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai strategi khusus menyokong pembangunan PKS di peringkat yang lebih tinggi, SME Corp telah melaksanakan program enterprise 50 sejak tahun 1997. Program ini adalah untuk membimbing syarikat-syarikat kecil sederhana bagi disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur dan setakat ini 57 PKS telah pun disenaraikan di Bursa Saham Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan juga bahawa kerajaan telah meluluskan satu rancangan jangka panjang iaitu pelan induk PKS untuk tahun depan sehingga tahun 2020, baru diluluskan bulan November yang lalu dalam Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan dan pelan ini adalah untuk memandu pertumbuhan PKS untuk tempoh lapan tahun akan datang. Kita berharap PKS akan menyumbang 41 peratus kepada KDNK menjelang 2020 dan kira-kira 25 peratus kepada eksport negara.

Bagi memantapkan lagi pembangunan PKS secara menyeluruh, mesyuarat Majlis PKS juga telah bersetuju untuk merasionalisasikan program sedia ada dan juga peranan SME Corp diperkuatkannya lagi. Kita dapat pada masa ini oleh kerana terlalu banyak kementerian terlibat membangunkan PKS dan program juga banyak, maka kerajaan telah buat keputusan untuk memastikan bahawa peranan SME Corp dalam menyelaras pembangunan SME ini dapat dimantapkan lagi. *Insya-Allah* kita jangka pertengahan tahun depan kita akan dapat menyusun semula SME Corp untuk membolehkan ia memainkan peranan yang lebih berkesan bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana di seluruh negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Majol Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat menteri. Dalam Bajet 2012 yang dibentangkan baru-baru ini, kerajaan telah memperkenalkan Unit Peneraju Agenda Bumiputera ataupun TERAJU untuk menyelaras dan memacu transformasi serta memperkuatkannya penyertaan masyarakat bumiputera dalam perniagaan. Dalam skim ini, TERAJU akan memilih dan membimbing 1,100 syarikat. Saya percaya syarikat-syarikat ini adalah daripada kalangan syarikat PKS.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua ialah apakah kriteria atau bagaimana kerajaan memilih dan membimbing syarikat-syarikat PKS seperti ini supaya lebih merangkumi ataupun lebih adil kepada setiap syarikat PKS. Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** TERAJU ditubuhkan untuk memperkasakan lagi pencapaian syarikat-syarikat bumiputera supaya peranan bumiputera dalam bidang perniagaan termasuklah dalam bidang pembuatan dan perkhidmatan dapat ditingkatkan dan antara strategi utamanya ialah mengenal pasti syarikat-syarikat PKS yang berdaya maju, berdaya saing untuk diberi bimbingan. Pemilihan ini akan dibuat secara telus. Kami di SME Corp terlibat secara langsung bersama-sama dengan TERAJU untuk mengenal pasti syarikat-syarikat tersebut.

#### ■1100

Secara umumnya, syarikat-syarikat tersebut telah menunjukkan prestasi yang baik dengan izin, ia punya *track record* yang baik, mempunyai prestasi kewangan yang baik yang berpotensi untuk dimajukan. Selain itu, kita juga akan memberi ruang kepada syarikat-syarikat yang ada potensi untuk dibangunkan. Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa pemilihan akan dibuat secara terus oleh pihak TERAJU bersama-sama dengan SME Corp dan ia berdasarkan kepada *track record* pencapaian prestasi syarikat-syarikat masa lampau. Pada masa yang sama kita tidak mengecualikan syarikat-syarikat yang mempunyai potensi untuk dimajukan di masa akan datang. Terima kasih.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan tidak berat mulut saya untuk mengucapkan tahniah di atas usaha yang dilakukan untuk membantu PKS tetapi tidak ada kejayaan 100 peratus yang kita boleh lakukan. Ini bermakna bahawa tentulah ada sebahagian daripada PKS ini gagal untuk menjalankan perniagaan mereka. Jadi pertanyaan saya berapa peratuskah daripada jumlah keseluruhan PKS dalam negara kita yang gagal dan apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk membantu mereka memulihkan perniagaan. Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin. Daripada kira-kira 550,000 PKS yang kita banci pada tahun 2005 kita tidak ada angka-angka peratusan yang gagal.

Sudah pasti dalam mana-mana perniagaan ia menjadi lumrah alam. Jikalau kita lihat dalam beberapa bidang umpamanya dalam francais mengikut beberapa kajian yang dibuat umpamanya, ini adalah bidang francais di peringkat antarabangsa bagi setiap 10 perniagaan, lapan atau sembilan gagal. Itu di peringkat antarabangsa. Jadi tahap kegagalan ini agak tinggi dalam beberapa sektor.

Dalam pada itu saya ingin memaklumkan di sini bahawa kerajaan melalui program-program pembiayaan dan juga dengan izin, *capacity building* latihan, umpamanya bimbingan termasuklah untuk membimbing mereka disenaraikan di Bursa Malaysia termasuklah bimbingan untuk mereka menembusi pasaran luar negara. Kita dapat bahawa dasar-dasar kerajaan telah mampu untuk meningkatkan prestasi mereka. Sebanyak 57 buah syarikat yang disebutkan tadi yang merupakan dengan izin, *award winners* syarikat-syarikat yang berjaya mendapat anugerah *enterprise* 50 sejak tahun 1957 yang telah diperkenalkan program ini, 57 ini telah disenaraikan dan ini boleh dianggap sebagai syarikat-syarikat berjaya. Syarikat-syarikat seperti *Top Glove*. *Top Glove* ialah sebuah syarikat yang membuat sarung tangan, berjaya menembusi pasaran dunia. Syarikat-syarikat dalam bidang *oil and gas*. KNM umpamanya. Ini juga merupakan PKS telah berjaya bukan sahaja memasarkan barang di Malaysia tetapi juga di luar negara. Banyak lagi contoh syarikat-syarikat dalam bidang pengeluaran makanan yang berjaya dalam negara dan luar negara.

Jadi kita tidak menafikan ada yang gagal tetapi melalui program bimbingan kerajaan melalui latihan, membantu mereka menembusi pasaran eksport pembiayaan mudah (*soft loans*) ini telah membantu untuk meningkatkan prestasi mereka dan *insya-Allah* apabila SME Corp diperkasakan kira-kira pertengahan tahun depan kita yakin bahawa ia akan dapat memainkan peranan yang lebih berkesan lagi bagi membimbing PKS supaya mereka berjaya. Jadi kita harap kita akan dapat mengurangkan peratusan dan bilangan PKS yang gagal di negara kita.

**6. Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim** minta Perdana Menteri menyatakan, usaha Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) membantu nasib 60 peratus daripada 25,000 bas sekolah yang bakal terjejas oleh arahan kementerian untuk tidak mengeluarkan permit kepada bas yang berusia lebih dari 30 tahun dan ke atas.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini terdapat sebanyak 18,156 lesen bas sekolah di seluruh negara sehingga 30 November 2011. Daripada jumlah tersebut bilangan bas yang berusia 30 tahun dan ke atas adalah sebanyak 1,916 bas atau 10.5 peratus sahaja. Sehubungan itu, kenyataan Yang Berhormat bahawa 60 peratus daripada 25,000 bas terjejas ekoran penetapan had usia itu adalah tidak benar.

Keputusan membenarkan had usia penggunaan bas sehingga 30 tahun dibuat setelah mengambil kira faktor ekonomi pengusaha bas sekolah yang bukannya mendapat keuntungan besar untuk khidmat mereka. Walau bagaimanapun, faktor keselamatan adalah menjadi keutamaan bagi SPAD dalam menetapkan Dasar Pengangkutan Negara dan bas sekolah khususnya. Bagi bas sekolah yang telah mencapai had usia 30 tahun semua pengusaha diwajibkan untuk membuat gantian kenderaan. Bagi tujuan untuk tidak membebankan pengusaha bas sekolah dasar semasa SPAD membenarkan supaya bas atau van terpakai yang berusia tidak lebih daripada 20 tahun boleh dilesenkan sebagai bas sekolah sehingga genap usianya 30 tahun.

Oleh yang demikian, para pengusaha bas sekolah pada hakikatnya mempunyai pilihan sekiranya mereka tidak berkemampuan membeli kenderaan baru. Juga bagi meringankan beban pengusaha, SPAD akan memberi kelulusan pembaharuan lesen selama satu tahun lagi sehingga akhir tahun 2012 kepada pemilik-pemilik bas yang berusia melebihi 30 tahun iaitu untuk bas sekolah yang akan tamat tempoh pada tahun 2011.

Keputusan yang dicapai ini dapat memberi lebih masa kepada pengusaha untuk mendapat kenderaan gantian. Dalam tempoh setahun lanjutan tersebut, pengusaha dikehendaki membuat gantian kenderaan.

Walau bagaimanapun, sekiranya kenderaan itu masih gagal disediakan sebelum tamat tempoh berkuat kuasa lesen tambahan satu tahun lagi akan diberi kepada pengusaha iaitu hingga akhir tahun 2013. Walau apapun, semua bas dan kenderaan pengangkutan awam wajib menjalani dan mendapatkan kelulusan pemeriksaan daripada Puspakom tanpa mengira had usia bagi memastikan fizikal kenderaan dalam keadaan baik demi menjamin keselamatan penumpang khasnya anak-anak kita yang menaiki bas sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan Bajet 2012 pada 7 Oktober lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa kerajaan komited untuk meningkatkan keselesaan dan kualiti perkhidmatan bas terutama di kawasan luar bandar. Sehubungan itu, peruntukan tambahan RM150 juta akan disalurkan kepada Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam di SME Bank bagi membolehkan pengusaha bas termasuk bas sekolah menikmati pinjaman mudah dengan kadar faedah hanya 4 peratus untuk membeli atau membaik pulih bas. Kemudahan pembiayaan ini akan disediakan mulai 1 Januari 2012. SPAD tentunya juga melihat standard antarabangsa dan menjadikan negara luar sebagai rujukan pengangkutan awam. Seperti Singapura yang mengehadkan usia kenderaan bas sekolah kepada 20 tahun, Amerika Syarikat 15 tahun dan Brunei pula hanya sepuluh tahun sahaja. Terima kasih.

**Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sangat jelas dan komprehensif jadi saya tidak hendak membuang masa lagi. Terima kasih banyak. Jadi tidak ada soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Inilah contoh yang cukup baik sekali. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin melihat kepada pengangkutan awam untuk pelajar-pelajar ke sekolah. Saya lihat kalau di luar bandar pengangkutan awam bas ini tidak cukup dan tidak ada pun kadang-kadang. Jadi saya melihat ibu bapa membiarkan anak-anak mereka pergi ke sekolah dengan menaiki motosikal sedangkan pelajar-pelajar ini tidak mempunyai lesen. Jadi adakah pihak Kementerian Pengangkutan memikirkan untuk memberikan kelonggaran khas kepada pelajar-pelajar yang tertentu supaya meringankan beban ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang benar apa yang berlaku itu, di mana di kawasan luar bandar pelajar-pelajar sekolah terutamanya sekolah menengah menaiki motosikal dan mereka tidak mempunyai lesen. Urusan ini adalah urusan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk memberikan keputusan tentangnya.

#### ■1110

Walau bagaimanapun, pada pandangan SPAD, PIBG (Persatuan Ibu Bapa dan Guru) boleh diberikan lesen untuk melaksanakan pengangkutan bas sekolah dan syarat-syarat untuk PIBG dibenarkan mempunyai lesen bas sekolah ini mungkin kita boleh longgarkan daripada syarat yang ada sekarang. Sekarang ini syaratnya ialah:

- (i) modal 30 peratus daripada harga kenderaan yang hendak dibeli sama ada van ataupun bas;
- (ii) terdapat sokongan daripada sekolah;
- (iii) lesen memandu yang berkaitan yang hendak memandu kenderaan berkaitan;
- (iv) jika lebih daripada 12 tempat duduk, kena ada konduktor; dan

- (v) had umur kenderaan yang digunakan jika kita ingin memberikan bantuan untuk luar bandar, kelonggaran untuk PIBG bukan hanya untuk luar bandar tetapi juga untuk bandar, PIBG boleh melaksanakan usaha bas sekolah ini kerana sebenarnya tidak untung banyak pun sebab kita mengawal kos ataupun tambang-tambang bas sekolah itu supaya tidak membebankan.

**7. Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah kedudukan ekonomi negara setakat ini serta apakah langkah yang diambil oleh kerajaan dalam memastikan negara kita tidak terjejas akibat suasana ekonomi dunia yang semakin mencabar dan tidak stabil terutama negara-negara Eropah.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Datuk Subbaiyyah a/l Palaniappan bersama-sama dengan soalan Tuan Muhammad Olian bin Abdullah, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman dan Yang Berhormat Tuan Ng Fook Heng serta Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar yang dijadualkan dijawab pada 8, 12, 13, 15 dan 22 Disember 2011 kerana semuanya menyentuh perkara dan isu yang serupa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah ekonomi terbuka, keadaan persekitaran luar yang tidak menentu termasuk kelembapan pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat dan krisis hutang kerajaan di Eropah yang berlarutan boleh memberi kesan dalam jangka masa panjang bergantung setakat mana masalah-masalah ini mempengaruhi keadaan ekonomi dunia keseluruhannya.

Namun demikian, dalam jangka masa pendek, kesan luaran ini dijangka memberi impak yang minimum kepada negara kita memandangkan struktur pasaran luar negara yang kini lebih pelbagai serta disokong oleh kekuatan daya tahan dalaman dan asas-asas ekonomi negara kita yang mapan. Di samping itu perancangan kerajaan untuk memastikan ekonomi berkembang kukuh terutamanya melalui pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi dan Program Transformasi Kerajaan serta program-program lain termasuk Program Transformasi Luar Bandar dan Program Transformasi Digital akan mencergaskan lagi aktiviti ekonomi dalam negara.

Prestasi ekonomi negara dianggar terus berkembang pada tahun ini meskipun berhadapan dengan ketidaktentuan persekitaran luar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam tempoh sembilan bulan pertama 2011, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sudah mencatat pertumbuhan 5.1 peratus dengan mengambil kira pertumbuhan 5.8 peratus dalam tempoh suku ketiga. Pertumbuhan kukuh ini disokong terutamanya oleh perbelanjaan penggunaan dan kecergasan aktiviti pelaburan. Perbelanjaan penggunaan mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 8 peratus dalam tempoh sembilan bulan pertama berikutan peningkatan pendapatan hasil daripada harga komoditi yang kekal tinggi dan prospek pekerjaan yang stabil.

Sementara itu, pelaburan swasta terus cergas dirangsang oleh peluang perniagaan daripada pelaksanaan projek ETP dan GTP serta pelaksanaan beberapa inisiatif utama kerajaan dalam menarik pelaburan. Usaha-usaha untuk menarik pelaburan ini akan meningkatkan potensi pertumbuhan ekonomi negara dan mengurangkan kesan daripada ketidaktentuan sektor luar.

Selain daripada itu, prestasi ekonomi rantau Asia dijangka terus positif terutamanya bagi negara membangun berkembang pesat seperti Cina, India dan Indonesia. Perkembangan ini menyokong pertumbuhan perdagangan *intra* serantau dan seterusnya akan mengimbangi sebahagian daripada kesan kelembapan Amerika Syarikat dan Eropah.

Di samping itu kerajaan akan memastikan ekonomi negara terus kukuh dengan melaksanakan langkah-langkah bagi mengurangkan beban rakyat dan merancakkan aktiviti penggunaan domestik.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2012 pula, pertumbuhan KDNK Malaysia akan dipacu terutamanya oleh permintaan domestik berikutan prospek ekonomi global yang lebih mencabar. Asas-asas ekonomi yang kukuh seiring dengan dasar pengurusan mikro ekonomi yang pragmatik akan meningkatkan sumber pertumbuhan ekonomi dalam negeri, didorong oleh pelbagai inisiatif kerajaan termasuk yang diumumkan di bawah Belanjawan 2012. Pelaburan swasta dan awam dijangka terus teguh disokong oleh pelaksanaan projek ETP dan *Second Rolling Plan* di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Kerajaan yakin dengan pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan ini dapat mengurangkan impak kemerosotan ekonomi yang dialami oleh negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat dengan mengambil kira perkembangan ini, kerajaan yakin unjuran KDNK antara 5 peratus hingga 5.5 peratus bagi tahun 2011 akan dapat dicapai dan ianya akan kekal kukuh dalam tahun 2012. Terima kasih.

**Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin bertanya memandangkan negara-negara ASEAN dijangka mencatat pertumbuhan ekonomi antara 5.7 peratus hingga 6.4 peratus tahun ini, sedarkan kerajaan bahawa peningkatan ini merangkumi kerangka ekonomi ASEAN yang didapati kukuh. Ini adalah kerana ASEAN memiliki aset yang relevan dengan isu-isu global antara lain, ASEAN memiliki hutan yang cukup, sumber daya alam dan komoditi, ruang maritim yang strategik dan sumber daya.

Persoalannya adalah apakah kita telah mengambil langkah-langkah yang positif dalam memelihara elemen-elemen tersebut ini yang membantu negara kita dalam memperkasakan pertumbuhan ekonomi di peringkat global amnya dan khasnya peringkat Asia?

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat sebahagian pertama soalan bagaimana negara-negara ASEAN telah mengambil langkah-langkah untuk memperkuatkannya keadaan ekonomi mereka dan kekuahan ekonomi serantau bukan sahaja ASEAN tetapi juga merangkumi negara-negara Cina, India, Indonesia yang mana saya sebut tadi akan memberi satu sumber pengukuhan kepada ekonomi di rantau ini termasuklah negara kita. Penglibatan kita di peringkat antarabangsa untuk memastikan kestabilan ekonomi dunia baik di peringkat *World Bank*, IMF ataupun perbincangan lain, semuanya ialah untuk memastikan ekonomi dunia ini akan terus kukuh dan membuka peluang untuk negara-negara pedagang seperti negara kita kerana walaupun negara kita ini masih lagi merupakan sebuah negara pedagang antarabangsa yang sebenarnya lebih besar daripada saiz negara kita dari segi kedudukan dalam ekonomi dunia.

Jadi kita memang mengambil berat tentang keadaan ekonomi di rantau dan di dunia. Di samping itu seperti mana yang kita tahu, Program Transformasi Ekonomi kita ini ialah untuk menjana sumber kekuatan dalaman negara sendiri dari segi permintaan domestik kita baik penggunaan domestik ataupun pelaburan domestik.

#### ■1120

Jadi bermakna kita menghala usaha kita ke pelbagai matlamat di peringkat *regional*, di peringkat global dan juga peringkat dalaman. Ini kerana kita tidak boleh mengharap semata-mata kepada perkembangan ekonomi luar tanpa mengambil langkah-langkah yang boleh menjana sumber-sumber kekuatan ekonomi dalaman seperti mana yang dilaksanakan melalui Program Transformasi Ekonomi ini yang telah pun menjanjikan yang sebenarnya jumlah pelaburan yang agak besar melebihi RM117 bilion kalau tidak silap saya daripada segala program-program yang telah diumumkan ini. Walaupun pelaksanaannya dalam peringkat tahun pertama ini dianggarkan RM15 bilion, tetapi ini adalah kekuatan-kekuatan dalaman kita yang akan menyumbang kepada prestasi ekonomi negara kita yang diharapkan lebih baik berbanding dengan apa yang berlaku di luar sana. Terima kasih.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, hutang negara kita sekarang ialah 53.1 peratus daripada KDNK. Jadi dalam keadaan ekonomi antarabangsa yang merosot, bagaimanakah kita memperbaiki keadaan hutang sekarang ini? Oleh sebab kita sudah pun hampir dekat dengan siling 55 peratus. Kita hanya ada 1.9 peratus sahaja untuk capai siling.

Jadi apakah tindakan kerajaan untuk kurangkan hutang-hutang ini dalam keadaan ekonomi yang merosot di antarabangsa? Terima kasih

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. Satu langkah penting untuk mengurangkan hutang ini ialah dengan mengurangkan defisit. Ini kerana apa sahaja defisit yang kita alami pembayarannya mestilah dalam bentuk hutang. Jadi matlamat kerajaan mengurangkan defisit kepada 4.7 peratus pada tahun ini dan dijangka usaha ini akan berterusan sehingga ke paras kurang daripada 3 peratus menjelang tahun 2015. Ini adalah usaha yang cukup penting. Oleh sebab itu disiplin kewangan cukup penting. Jangan kita merasa lega dan merasa bahawa kita mempunyai sumber.

Walaupun kita boleh berbuat demikian, tetapi peningkatan defisit dan hutang akoran daripada defisit ini dalam jangka masa panjangnya tidak baik. Apa pun kadar kita 53 peratus ini sebenarnya jauh lebih baik daripada kebanyakan negara. Ada negara yang 100 peratus pun ada. Akan tetapi bukan bererti bila negara lain ada kadar hutang melebihi 100 peratus, maka kita perlu mengikuti jejak langkah mereka. Itu tidak menjadi ikutan kita. Akan tetapi penting dinyatakan bahawa walaupun 53 peratus ini agak hampir dengan siling yang kita tetapkan tetapi di peringkat antarabangsa, ia bukanlah merupakan di kalangan yang tertinggi. Itu pertama.

Keduanya hutang yang kita buat ini dalam negara kita, sebahagian daripada disiplin kewangan ini Tuan Yang di-Pertua, ialah hutang untuk membayai perbelanjaan pembangunan bukan untuk menampung keperluan perbelanjaan mengurus. Jikalau kita berhutang untuk membayai perbelanjaan mengurus maka kita akan berhadapan dengan masalah. Akan tetapi pembangunan ini diharap membuka ruang dan kapasiti untuk negara kita menjana pertumbuhan yang seterusnya dan ini akan membolehkan negara kita membayar hutang-hutang ini dan rekod negara kita dari segi pembayaran hutang ini adalah cukup bagus. Sehingga hari ini pun, ramai yang hendak memberi hutang kepada kita. Sukuk yang kita keluarkan baru-baru ini dilanggar 4.5 kali lebih daripada yang kitakehendaki.

Bermakna dari segi minat kepada hutang Malaysia ini adalah cukup tinggi hari ini. Akan tetapi bukan bererti apabila minat itu tinggi, maka kita seharusnya mengikuti minat ini. Jadi apa yang hendak saya hendak tegaskan di sini, hutang tidak menjadi masalah, disiplin kewangan penting dan dalam jangka masa panjang sekiranya defisit ini kita dapat kurangkan, maka dengan sendirinya kadar hutang 53 peratus ini akan dapat kita kurangkan di dalam jangka masa panjang. Terima kasih.

**8. Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, kesediaan kerajaan untuk meminda AUKU dalam masa yang segera untuk membolehkan mahasiswa kita dapat melibatkan diri secara proaktif dalam isu dan polisi negara secara matang dan penuh bertanggungjawab dan peratusan penglibatan belia kita yang pernah terlibat di arena antarabangsa dalam diskusi dan polisi berbanding dengan jumlah belia dalam negara.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai penglibatan belia kita yang pernah terlibat di arena antarabangsa dalam diskusi dan polisi, yang ini kita tidak ada data yang jelas namun kita sentiasa menggalakkan mereka termasuk mahasiswa. Sama ada mengikuti program-program kurikulum ataupun ko-kurikulum yang melibatkan peserta antarabangsa di dalam negara ataupun di luar negara. Malahan dari segi kurikulum, kita telah pun melancarkan dan telah mula melaksanakan program yang dipanggil mobiliti pelajar di mana pelajar kita boleh mengikuti kursus yang sama di universiti lain di luar negara dan ada pertukaran kredit yang sesuai.

Mengenai soalan asas Yang Berhormat, untuk makluman Dewan yang mulia ini pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak di Dewan Rakyat pada 24 November 2011 untuk meminda seksyen 15, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) bagi membenarkan mahasiswa menjadi ahli parti politik adalah mercu tanda amat penting dalam transformasi politik negara iaitu dari segi mengiktiraf suara dan peranan mahasiswa.

Dari satu segi, soalan asas Yang Berhormat itu sebenarnya telah dijawab melalui pindaan AUKU 2009 tetapi ini adalah peningkatan daripada pindaan 2009.

Dari segi kerajaan, ia satu perubahan paradigma yang radikal iaitu daripada sikap dingin terhadap partisipasi politik mahasiswa kepada pengiktirafan bahawa mahasiswa mempunyai hak partisipasi politik. Ia bukti bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mendengar dan cuba sedaya upaya memenuhi permintaan mahasiswa. Ia juga memberi definisi terhadap partisipasi politik mahasiswa yang kalau sebelum ini ditafsirkan dengan pelbagai cara. Kini definisinya adalah jelas iaitu mahasiswa dibenarkan menjadi ahli parti politik. Sebagai ahli mahasiswa akan mempunyai hak-hak yang ditentukan oleh partinya.

Dari segi mahasiswa, ini adalah sebahagian daripada keberhasilan perjuangan yang panjang dalam menuntut partisipasi penuh dalam struktur dan proses membuat keputusan dalam pelbagai bidang dan di pelbagai peringkat. Ia hasil kerjasama dengan pelbagai pihak yang sealiran seperti gerakan belia, wanita, akademia, profesional, masyarakat sivil dan parti politik. Pindaan ini kita akan pastikan dibuat secara progresif dan komprehensif dan tidak secara regresif dan *restrictive*. Ia perlu selaras dengan hala tuju transformasi politik ke arah demokrasi yang matang. Pada masa yang sama, ia juga perlu selari dengan perjuangan meningkatkan mutu universiti dengan erti kata yang sebenar yang meliputi antara lain pengukuhan roh universiti, budaya ilmu, autonomi, dan kebebasan akademik, melahirkan insan baik bukan sekadar pekerja baik serta idealisme perjuangan dan penghadupayaan mahasiswa. Matlamat pindaan AUKU ini ada dua:

- (i) menegakkan hak mahasiswa berpolitik yang dijamin oleh Perlembagaan; dan
- (ii) meningkatkan partisipasi mahasiswa dalam membuat keputusan.

Menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mahasiswa yang terlibat ialah yang mencapai umur baligh undang-undang atau *age of majority*. Menurut *Age of Majority, [Act 1971]*, umurnya ialah 18 tahun iaitu seperti yang dijelaskannya dalam ucapannya di Perhimpunan Agung UMNO pada 1 Disember yang lalu. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turut menyatakan politik kepartian dilarang memasuki kampus. Ini bagi menjaga kedamaian dan keharmonian kampus sebagai pusat pendidikan tinggi. Namun ini akan dijelaskan supaya tidak disalah tafsir. Kita perlu mewujudkan iklim yang lebih banyak membenarkan daripada lebih banyak melarang. Contohnya perbincangan diskusi dan forum politik yang melibatkan ahli-ahli panel daripada pelbagai parti politik adalah dibenarkan.

### ■1130

Supaya konsisten, maka di samping AUKU [*Akta 30*], beberapa akta yang berkaitan juga perlu dipinda bersama. Contohnya, Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*] dan Akta Institusi Pendidikan (Disiplin) 1976 [*Akta 174*]. Peluang meminda ini perlu juga digunakan untuk membincangkan peningkatan penghadupayaan mahasiswa. Sebagai contohnya ialah, apakah kita telah bersedia untuk membenarkan mahasiswa melaksanakan sendiri pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan mempermudah atau mengurangkan karenah birokrasi dalam meluluskan program-program anjuran mahasiswa.

Sebuah jawatankuasa pindaan AUKU akan ditubuhkan dan akan diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi tidak lama lagi dan akan melibatkan mereka yang pakar dalam bidang ini termasuk juga mungkin mereka yang terlibat dalam pindaan pada tahun 2009 seperti Profesor Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi. Perundingan dan perbincangan yang luas dan terbuka akan kita adakan dan kita galakkan dengan atau antara pelbagai pihak yang berkepentingan seperti badan-badan mahasiswa, akademia, belia profesional, masyarakat sivil dan parti politik. Sebagai contohnya, pada 17 Disember ini, saya akan menganjurkan dan mempergerusikan meja bulat pindaan AUKU di Kuala Lumpur. Pindaan ini, *insya-Allah* dijangka disiapkan untuk dibentangkan di Mesyuarat pertama Parlimen tahun 2012. Terima kasih.

**Puan Hajah Mumtaz binti Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, oleh kerana kita melihat soalan ini telah pun disediakan sebelum pada tarikh 24 November, oleh kerana kita melihat ada sedikit kesediaan kerajaan untuk membenarkan mahasiswa terlibat dengan politik.

Walau bagaimanapun, kita lihat, keputusan di peringkat atasan iaitu autonomi universiti sendiri yang menghalang kehadiran pemimpin-pemimpin parti politik dalam diskusi-diskusi awam ataupun politik di universiti. Itu satu perkara. Adakah ini akan diperhatikan oleh pihak kementerian?

Kedua, bila mana kerajaan membenarkan pelajar terlibat dengan politik, adakah kerajaan akan bersedia untuk membenarkan universiti-universiti menjadi pusat untuk pengundian pada PRU akan datang dan bagaimanakah mekanisme untuk tempoh berkempen itu dibenarkan dalam universiti bagi masa Pilihan Raya Umum Ke-13? Terima kasih.

**[Timbalan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]**

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Ini satu rahmat saya dapat menjawab di hadapan dua orang yang duduk di kerusi Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kita sedar tentang beberapa kes yang mana terdapat pentadbir universiti yang sedikit keberatan... [Ketawa] Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak boleh masuk di sebuah universiti tempatan. Jadi, ini pun termasuklah perkara-perkara ini soal mindalah. Saya tidak berapa ingin hendak komen sebab diri sendiri pun terpaut dalam kes ini. Nanti orang kata saya *bias* tetapi saya faham Dewan yang mulia ini tentu maklum tentang itu. Oleh sebab itu saya sudah sebut tadi termasuk soal karenah birokrasi.

Tentang soalan yang kedua, inilah antara perkara-perkara yang perlu dibincangkan. Kita berharap bahawa idea-idea yang berasaskan dibawa ke tengah. Saya faham akan kerisauan Yang Berhormat dan saya tahu ramai yang mempunyai kerisauan yang sama. Kerisauan itu ialah kerana pada satu pihak, kita memberikan kebebasan kepada mahasiswa untuk menjadi ahli parti politik. Kemudian, pada waktu yang sama, kerana kita ingin menjaga keharmonian dan kedamaian kampus sebagai pusat pendidikan tinggi yang baik, maka kita harus juga mempunyai peraturan yang sedikit sebanyak mengurangkan kebebasan yang telah pun kita berikan.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, mungkin sesuai untuk kita mengambil ingatan daripada satu penghakiman yang dibuat oleh Tan Sri Gopal Sri Ram dalam kes di Mahkamah Persekutuan pada tahun 2009, yakni kes Sivarasa dan Majlis Peguam Malaysia yang antara lain Tan Sri Gopal Sri Ram menyatakan dalam penghakimannya dan, dengan izin, "*The fundamental liberties... must be generously interpreted. And the provisos or restrictions that limits or derogates from a guaranteed right must be read restrictively*". Ini yang tadi Tuan Yang di-Pertua, saya sebut dari awal-awal lagi dengan penuh ketegasan. Mesti diluaskan kebebasan dan jangan diluaskan yang sebaliknya. Kalau tidak, tidak ada gunanya dibuat pindaan seksyen 15 itu. Terima kasih.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Soalan yang pendek sahaja. Pertama, tidak tahu sama ada disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi atau tidak. Adakah dengan pindaan ataupun pemansuhan AUKU ini, bermakna bahawa pelajar-pelajar, mahasiswa-mahasiswa dibenarkan menjadi ahli jawatankuasa parti-parti politik? Satu perkara.

Kedua, tidakkah ada ura-ura untuk memastikan supaya pelajar-pelajar yang dibenarkan aktif dalam politik itu mempunyai CGPA tertentu? Ertinya, jangan dibenarkan pelajar-pelajar yang hendak aktif itu mestilah mempunyai CGPA paling kurang 3.5 umpamanya. Ini untuk memastikan supaya pelajar-pelajar berkenaan tidak terjejas pengajian mereka semata-mata kerana asyik berpolitik. Terima kasih.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Inilah yang saya maksudkan tadi. Kita harus mempunyai pandangan alam atau *world view* atau *tasawwur* yang tepat. Jadi, itulah jawapan saya. Terima kasih.

9. **Datuk Chiw Tiang Chai** minta Perdana Menteri menyatakan, jumlah kakitangan kontrak, sambilan dan sementara dalam perkhidmatan awam dan nyatakan adakah kerajaan bercadang untuk mengurangkan jumlah kakitangan perkhidmatan awam yang sedia ada sekarang.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Senator Tuan Boon Som a/l Inong, bernombor 25 pada hari ini dan juga soalan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu bertarikh 12 Disember 2011 kerana isu yang dibangkitkan adalah merupakan isu yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan maklumat sehingga 1 Disember 2011, jumlah pegawai lantikan kontrak dan sementara yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam Persekutuan adalah sebanyak 27,935 orang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, faedah yang diterima oleh pegawai bertaraf kontrak adalah sama seperti mana yang ditetapkan di dalam skim perkhidmatan pegawai tetap. Ini termasuklah gaji dan juga elaun. Selain itu, pegawai akan dibayar ganjaran setelah pegawai memenuhi tempoh kontrak perkhidmatannya tertakluk jika pegawai telah memberi perkhidmatan yang memuaskan. Pegawai lantikan kontrak juga telah pun diberikan kemudahan perubatan percuma di hospital dan juga klinik kerajaan semasa dalam tempoh perkhidmatan kontrak.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak berhasrat mengurangkan jumlah kakitangan perkhidmatan awam sedia ada melalui penamatian perkhidmatan atau pembuangan pekerja. Walau bagaimanapun, saiz dan sumber manusia sektor awam akan disusun untuk mencapai penggunaan tenaga yang optimum melalui pelaksanaan dasar perkhidmatan awam yang kejap. Melalui dasar ini, tenaga kerja sedia ada akan digembung melalui strategi:

- (i) kawalan saiz;
- (ii) semakan skim perkhidmatan;
- (iii) kajian pertindihan fungsi agensi;
- (iv) penajaran fungsi utama perkhidmatan;
- (v) peluasan perkhidmatan yang boleh dialih daya; dan
- (vi) perekayasaan ataupun dengan izin, *re-engineering* proses kerja.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

■1140

**Datuk Chiw Tiang Chai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan saya tadi, soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan syabas dan tahniah ke atas jaya dan sumbangsan penjawat awam dan menyumbang khidmat dan bakti kepada negara. Soalan saya sejauh manakah kajian yang dibuat agar penjawat awam di negara kita ini dapat menyumbang khidmat cemerlang agar mutu perkhidmatan awam di negara ini mencapai tahap yang cemerlang serta apakah skim SBPA (Skim Perkhidmatan Awam Baru) yang akan dilaksanakan benar mendatangkan manfaat kepada penjawat awam serta negara amnya. Sekian terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Chiw Tiang Chai. Soalan tambahan seperti yang saya telah nyatakan tadi ialah bahawa pihak kerajaan buat setakat ini akan menggunakan penggunaan tenaga yang optimum dan melalui dasar yang telah pun disebutkan tadi iaitu Dasar Perkhidmatan Awam yang kejap. Ini adalah satu strategi yang digunakan untuk memastikan bahawa perkhidmatan awam di negara ini akan terus lebih efisien dan mengambil strategi-strategi yang saya telah pun umumkan tadi.

Disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi mengenai semakan skim perkhidmatan. Ini adalah di mana skim yang tidak perlu diperlukan lagi akan dimansuhkan dan semakan skim perkhidmatan ini akan diperluaskan untuk memastikan seperti yang saya katakan tadi di mana yang tidak diperlukan akan dimansuhkan oleh pihak jabatan tersebut. Terima kasih.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah oleh sebab perkhidmatan awam ini terdapat di dalam perlumbagaan di bawah Perkara 132 dan 153 dan biasa disentuh sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. Soalan saya ialah, apakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan suruhanjaya untuk mengkaji kelemahan pentadbiran awam seperti mana kita menubuhkan Suruhanjaya Polis. Kedua, oleh sebab ada yang mengatakan bahawa perkhidmatan awam kita berpaksikan kepada, dengan izin, *first class policy* tetapi *poor delivery*, apakah kaedah dan perspektif kerajaan melihat perkara-perkara yang saya sebutkan tadi? Sekian, terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin di atas soalan tambahan ini. Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita melihat daripada perlumbagaan, kita tidak dapat menafikan bahawa penjawat awam ini adalah satu hab, seksyen di mana pentadbiran kerajaan dijalankan dengan adanya *civil service* yang telah pun diturunkan daripada pihak Kerajaan British semenjak sebelum kemerdekaan lagi. Jadi sekiranya kita melihat daripada jumlah penjawat awam yang kita ada pada setakat ini ialah kurang lebih dalam 1.3 juta orang, berbanding dengan jumlah penduduk kita yang sedia ada iaitu 28 juta, jadi nisbahnya ialah kurang lebih dalam 1:23 orang yang berada di negara kita ini. Namun kita jangan lupa bahawa jumlah sivil servis ini terdiri daripada anggota-anggota daripada askar ataupun daripada pihak polis dan juga daripada pihak guru-guru dan juga doktor-doktor *medical service* termasuk semua penjawat awam daripada pihak negeri-negeri dan juga *statutory body* dan majlis perbandaran. Ini semua terkumpul dan menjadikan jumlah sivil servis di negara kita ini.

Jadi mereka ini menjalankan perkhidmatan yang begitu baik dari sejak kemerdekaan dan kita perlu mengadakan lebih lagi perkhidmatan daripada pihak mereka memandangkan negara kita kini membangun dan akan menuju kepada satu negara yang lebih berwawasan dengan pendapatan yang lebih tinggi dan kita perlu mengadakan penjawat awam yang lebih efisien.

Jadi buat setakat ini, kerajaan telah pun mengadakan strategi-strategi yang telah pun saya sebutkan tadi. Jadi oleh sebab yang demikian, suruhanjaya yang disebutkan oleh pihak Yang Berhormat itu, saya rasa tidak dapat diwujudkan pada masa ini kerana strategi yang sedia ada ini dapat mengatasi segala masalah yang telah pun timbul dan kerajaan sentiasa prihatin untuk memastikan *delivery system* ini dapat terus dipertingkatkan. Itu sahaja. Terima kasih.

**10. Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, adakah kerajaan bercadang untuk mengurangkan lagi harga atas jalan (OTR) bagi kenderaan hibrid dan elektrik selaras dengan Dasar Hijau Negara bagi menjadikan kenderaan ini lebih berdaya saing dari segi harga dan mampu milik.

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Noriah binti Kasnon]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada ketika ini kenderaan hibrid dan elektrik sememangnya merupakan satu inisiatif teknologi hijau yang baru bukan sahaja di Malaysia malah di negara-negara lain juga. Kerajaan juga amat komited untuk menghijaukan sektor industri automatif yang turut menjadi sebahagian daripada kandungan Dasar Automotif Negara dengan izin, NAP.

Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi memperluaskan lagi penggunaan kenderaan hibrid dan elektrik di dalam negara. Sebagai yang Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah melanjutkan pengecualian cukai import dan eksais ke atas motosikal dan kereta hibrid serta elektrik sehingga 31 Disember 2013 sewaktu pembentangan belanjawan, Bajet 2012 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dengan pengecualian cukai tersebut, harga kereta hibrid dan elektrik pasaran tempatan telah pun menurun dan ini telah menggalakkan lebih ramai lagi rakyat Malaysia memiliki.

Langkah ini Tuan Yang di-Pertua sejajar dengan strategi dan Dasar Teknologi Hijau Negara adalah lebih baik dan penting dalam mempromosikan teknologi hijau yang lebih bersih selain mewujudkan rakyat dan negara yang prihatin terhadap alam sekitar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kerajaan melalui kementerian ini telah membangunkan *roadmap* infrastruktur kenderaan elektrik yang melibatkan program *Fleet Test Vehicle* (FTV) dengan izin, di Putrajaya dan Cyberjaya. Pelaksanaan FTV ini akan menjadi penanda aras dalam membangunkan pelan strategik dan rangka kerja bagi tujuan memperluaskan penggunaan kenderaan hibrid dan elektrik di dalam negara.

Salah satu aspek yang akan diteliti di dalam penyelidikan pelan berkenaan ialah strategi-strategi yang akan membolehkan kereta hibrid dan elektrik mampu dimiliki oleh rakyat jelata. Ini termasuklah:

- (i) penetapan tarif yang rendah untuk mengecas kenderaan hibrid dan elektrik;
- (ii) keutamaan untuk ruang meletak kereta dan *parking* yang khas;
- (iii) skim pinjaman dengan kadar faedah yang rendah untuk pembelian bateri bagi kereta hibrid dan elektrik;
- (iv) tempoh pinjaman yang lebih lama; dan
- (v) lain-lain kemudahan dan insentif yang akan dikenal pasti dan sedang dalam pertimbangan untuk menjadikan kenderaan ini lebih berdaya saing.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Menteri yang berkenaan. Soalan tambahan saya ialah pada fahaman saya terdapat perbezaan di antara *hybrid vehicle* (HV) dan *electrical vehicle* (EV) *extender* tetapi matlamatnya adalah sama, menyelamat alam sekitar dari pencemaran. Hari ini pengeluar model import seperti Toyota dan Honda giat mempromosi kenderaan hibrid dan elektrik di negara kita. Proton pula khabarnya bakal membawa model seumpama ini seawal tahun 2012.

#### ■1150

Soalan saya ialah adakah kementerian bakal menetapkan kuota begitu jualan kenderaan di negara kita yang perlu merangkumi jenis kenderaan ini dalam usaha mengurangkan kenderaan yang menggunakan petrol dan diesel. Bagaimana bentuk insentif dan penambah galak potongan cukai kepada pengeluar dan pelbagai francais pada kenderaan jenis ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Noriah binti Kasnon:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus yang telah mengajukan soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat sedikit perbezaan di antara kereta hibrid dan juga kereta elektrik (EV) ataupun HV. Ini kerana ia merangkumi penggunaan tenaga elektrik 100 peratus untuk penggunaan kereta elektrik yang memang melalui kajian mengeluarkan kosong karbon monoksida. Manakala kereta hibrid pula adalah cantuman, gabungan daripada penggunaan pengecasan bateri dan juga pada masa yang sama sekiranya kehabisan bateri yang sudah dicas itu, boleh secara automatik bertukar kepada petrol ataupun diesel yang digunakan. Maknanya ia ada sedikit perbezaan dan maka sebab itu *electrical vehicle* (EV), dengan izin adalah jauh lebih baik dari segi mengurangkan pencemaran alam Tuan Yang di-Pertua.

Manakala tentang kuota pula, sama ada kerana sekarang ini negara *alhamdulillah* kerana menjadi negara tumpuan kepada penjualan ataupun kemasukan kereta-kereta model daripada luar negara seperti *Toyota*, *Honda*, *Mitsubishi* dan sebagainya untuk kereta hibrid dan elektrik ini.

Kita belum lagi menyasarkan atau menetapkan sebarang kuota kemasukan kenderaan ini tetapi kita melalui Proton sedang giat untuk turut sama bersaing dalam pasaran untuk kereta hibrid dan EV ini. Untuk itu, Proton sedang melaksanakan *fleet test vehicle*, maknanya sedang mengkaji keupayaan untuk turut sama menyaingi kereta-kereta hibrid dan elektrik, kemasukan daripada model luar ini Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai sasaran itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengharapkan sasaran sebanyak 10 peratus penggunaan kereta-kereta hibrid dan juga elektrik ini di atas jalan menjelang tahun 2020 dan maka itu kita akan *insya-Allah* melaksanakan kempen-kempen dan kesedaran awam bagi menggalakkan pengguna menggunakan, beralih penggunaan kepada kereta kenderaan hibrid dan juga elektrik ini sama ada untuk motosikal mahupun kereta. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**11. Tuan Saiful Izham bin Ramli** minta Menteri Kewangan menyatakan, jumlah rizab semasa antarabangsa negara serta adakah pihak kerajaan mempunyai sebarang perancangan untuk menggunakan sebahagian rizab antarabangsa negara bagi menampung jumlah defisit belanjawan negara yang semakin meningkat dan membesar sejak 13 tahun lalu, sedangkan pada masa yang sama, rizab antarabangsa negara sering dilaporkan sebagai meningkat dari setahun ke setahun.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan rizab antarabangsa negara semakin kukuh dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Sehingga 30 November 2011, rizab antarabangsa negara terus meningkat kepada RM429.1 bilion atau USD134.8 bilion yang merupakan 9.8 bulan import tertangguh dan empat kali ganda hutang luar negeri jangka pendek. Peningkatan rizab ini didorong oleh lebihan imbalan perdagangan yang tinggi dan aliran masuk pelaburan langsung asing berterusan serta aliran masuk dana portfolio jangka pendek.

Namun aliran dana terutamanya dana portfolio bukan merupakan bahagian rizab yang kekal dan mempunyai kemungkinan mengalir keluar apabila sentimen pelabur berubah yang mungkin dicetuskan oleh perkembangan ekonomi global, serantau ataupun dalam negara. Walau bagaimanapun, rizab antarabangsa negara yang tinggi telah meningkatkan daya tahan dan keupayaan Malaysia sebagai *buffer*, dengan izin, atau penampang terhadap perkembangan luar negara sama ada yang dijangka atau tidak dijangka. Menggunakan sebahagian daripada rizab antarabangsa negara bagi membiayai defisit fiskal merupakan satu tindakan yang berisiko tinggi malahan sebarang penurunan rizab yang ketara berpotensi menurunkan penerapan Malaysia, rating dan mengurangkan keyakinan luar terhadap negara yang seterusnya boleh memberikan tekanan ke atas nilai ringgit.

Kedudukan rizab antarabangsa negara yang kukuh adalah penting untuk mengurangkan impak daripada aliran modal yang tidak menentu ke atas kadar pertukaran ringgit dan ekonomi Malaysia di samping memberi keyakinan kepada komuniti antarabangsa terhadap keupayaan Malaysia untuk memenuhi obligasi luar negara. Berdasarkan sebab-sebab ini kerajaan tidak pernah dan tidak bercadang untuk menggunakan rizab antarabangsa negara untuk membiayai defisit fiskal.

Ahli-ahli Yang Berhormat, defisit belanjawan Kerajaan Persekutuan boleh ditampung melalui pinjaman dalam negeri. Kedudukan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem kewangan negara boleh membiayai perbelanjaan pembangunan kerajaan persekutuan. Pada masa yang sama kerajaan akan terus komited bagi memastikan pengurusan defisit adalah sentiasa berhemah di samping mengambil langkah-langkah bagi meningkatkan hasil negara supaya defisit dapat dikurangkan di bawah 3 peratus menjelang tahun 2012. Terima kasih.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Tiada soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak ada soalan tambahan? Silakan Yang Berhormat.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Okey, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Rizab yang kita ada boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri beri penerangan dalam bentuk apa, adakah dalam *US Dollar, Euro*, dalam bentuk mana ataupun dibentuk *gold barkah?* *Can you explain* di dalam bentuk apa. Terima kasih.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Memang rizab antarabangsa kita adalah dalam pelbagai bentuk aset yang boleh memberikan nilai yang kukuh dan stabil. Sebahagiannya dalam bentuk *gold bar*, sebahagiannya adalah dalam bentuk *US Dollar*. Sebahagian lagi dalam bentuk *Euro, Yen, Swiss France*, bahkan baru-baru ini ada juga usaha Bank Negara untuk meningkatkan hubungan dengan negara China dengan memilih mata wang China, Renminbi sebagai sebahagian daripada rizab antarabangsa kita. Jadi memang dia, tetapi biasanya mata wang yang kukuh dan sebahagiannya adalah dalam bentuk *gold bar*. Jikalau pun kita ada dalam bentuk mata wang, dia bukan semestinya *cash*. Dia juga boleh dalam bentuk bon-bon kerajaan asing. Ini semua adalah merupakan sebahagian daripada pengurusan yang telah lama kita buat dan setakat ini nampaknya berjaya mengekalkan nilai rizab kita ini. Terima kasih.

**12. Puan Doris Sophia ak Brodi** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, apakah persefahaman yang dicapai di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia dalam mengatasi masalah jerebu yang saban tahun berterusan tanpa sebarang jalan penyelesaian.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani isu jerebu merentasi sempadan, Malaysia mengambil pendekatan bekerjasama dengan negara serantau ASEAN yang terdiri daripada Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei dan Thailand. Di bawah platform ini, usaha diteruskan untuk mendapatkan komitmen Indonesia bagi mengurangkan bilangan kebakaran tanah dan hutan di Sumatera dan Kalimantan serta mengesahkan Indonesia meratifikasi perjanjian ASEAN bagi menangani jerebu merentasi sempadan yang telah ditandatangani pada tahun 2002. Selain itu, telah diwujudkan *Serve Regional Inner Steering Committee on Trans Boundary Air Pollution (MHC)* yang dianggotai oleh lima buah negara iaitu Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura dan Thailand sejak tahun 2006.

#### ■1200

Forum MSC ini telah mula menunjukkan keberkesanannya apabila pihak Indonesia telah menggubal dan komited untuk melaksanakan Pelan Tindakan Indonesia bagi menangani masalah pencemaran jerebu merentasi sempadan atau dengan izin, *Indonesia's Plan of Action in Dealing with Transboundary Haze Pollution (PoA)*. Dalam pelan ini, Kerajaan Indonesia menyasar untuk mengurangkan sebanyak 20 peratus bilangan titik panas atau *hot spot* berdasarkan bilangan *hot spot* pada tahun 2006 setiap tahun mulai pada tahun 2010. Dalam Mesyuarat Kedua Belas MSC tersebut yang telah diadakan di Bangkok Thailand pada 23 September 2011, negara-negara ahli telah mempersetujui syor seperti berikut:

- (i) menambahkan kawasan-kawasan untuk melaksanakan projek kerjasama dua hala antara Malaysia dan Indonesia; dan
- (ii) menyeru pihak ASEAN sekretariat memainkan peranan yang lebih proaktif dalam menyelaras dan menguruskan tindakan negara-negara ahli dalam menangani kejadian jerebu merentasi sempadan.

Selain itu, Malaysia juga telah menandatangani memorandum persefahaman, *memorandum of understanding* (MoU) dengan Indonesia pada 3 Jun 2008 di Jakarta bagi melaksanakan kerjasama dua hala yang melibatkan Program Pencegahan Kebakaran Tanah dan Hutan serta jerebu di wilayah Riau Sumatera bagi tempoh 2008 dan 2009. Antara pencapaian MoU tersebut ialah:

- (i) pelaksanaan program pencegahan kebakaran melibatkan masyarakat setempat;
- (ii) *capacity building* atau bina upaya untuk masyarakat tempatan, peladang, syarikat perladangan dan pemegang konsesi;
- (iii) projek perintis bagi amalan pembakaran sifar atau *zero burning techniques*;
- (iv) pemuliharaan tanah gambut yang terbiar; dan
- (v) sistem amaran awal dan pengawasan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun MoU tersebut telah tamat, Malaysia bersedia untuk meneruskan kerjasama dua hala dengan Indonesia bagi menangani isu jerebu merentasi sempadan seperti mana yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat MSC Kedua Belas tersebut. Sekian.

**Puan Doris Sophia ak Brodi:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih, juga kepada pihak Yang Berhormat Menteri. Oleh sebab jawapan yang diberi oleh pihak Menteri begitu bernes dan komprehensif, saya tidak ada soalan tambahan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa amat mencemburui kita. Maka, setakat ini sahaja pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan untuk pagi ini.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KEDIAMAN TERHAD (PEMANSUHAN) 2011

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[7 Disember 2011]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar menyambung berucap.

**12.04 tgh.**

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya bercakap tentang bertindih, *redundant*. Saya ada sebut, ada sepuluh akta kanun yang bertindih yang menjaga, menangani keselamatan. Itu saya fikir sudah cukup baik untuk negara ini menjaga keselamatan melalui akta kanun dan sebagainya. Semalam saya ada sebut. Akta Perhimpunan Aman 2011 yang akan dibentangkan; Kanun Keseksaan; Akta Pendaftar Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini 1969; sambung Akta Pencegahan Jenayah; sudah tentulah Perlombagaan Persekutuan; Akta Hasutan 1948; Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971; Akta Polis 1967; Akta Dadah Berbahaya 1952; Akta Senjata 1960 dan beberapa akta lain yang berkaitan.

Jadi, saya boleh katakan undang-undang yang disebut melalui kanun atau akta yang setara terhadap keperluan keselamatan dalam menangani isu jenayah dan mereka yang terlibat dengan jenayah sama ada terancang atau perseorangan dibendung, di kanun, *dibind* dalam akta yang saya baca atau bukan akta yang saya baca tadi.

Oleh itu, saya ingin menarik perhatian Dewan, Akta Kediaman Terhad 1933 yang lapuk, yang lama dan *outdated* ini perlu dimansuhkan. Saya juga ingin mengatakan bahawa pemansuhan akta ini juga bermakna yang ditahan dibebaskan.

Saya *solute*, hormat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak yang mengotakan janji, bila akta ini dimansuhkan beliau akan bebas melalui Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk orang yang ditahan di bawah Akta Kediaman Terhad. Sebagai buktinya, Kerajaan Barisan Nasional telah membebaskan seramai 125 orang tahanan di bawah Akta Kediaman Terhad. Tahniah dan syabas.

Kedua, kerajaan dahulu sebelum akta ini dikemukakan, sebanyak 200 orang yang menghadapi tahanan atau waran tangkap juga telah dibatalkan. Syabas kerajaan Barisan Nasional. Jadi, yang disebut dikotakan, yang dijanjikan dibuat. Itulah yang menjadi bukti kepada amalan Demokrasi Berparlimen hari ini.

Ketiga, kebaikan kerajaan setelah bilamana sempena Hari Malaysia telah mengumumkan bahawa proses transformasi buat permulaan akan memberikan pemansuhan kepada tiga Proklamasi Darurat yang sedang berjalan.

#### ■ 1210

Ini termasuk darurat tahun 1969 yang melibatkan seluruh negara. Pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yakni ISA. ISA dimansuhkan, dibatalkan bukan tekanan pembangkang bukan kerana DAP bukan kerana PKR bukan juga kerana PAS. Akta ISA dimansuhkan kerana perubahan. Oleh kerana kerajaan mendengar rintihan dan suara rakyat, prihatin akan rakyat. Akta Buang Negeri yang akan kita bincangkan nanti ini ada akta akan dimasukkan juga. Saya tidak bercadang hendak mendahulukan akta yang belum dibentangkan ini. Akan tetapi Akta Buang Negeri ini telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan sebentar nanti selepas akta ini, terhad ini akan dibincangkan di Dewan Negara.

Jadi bagi saya Akta Buang Negeri 1959 adalah relevan dengan pemansuhan dengan keadaan semasa negara. Turut membabitkan juga Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 serta seksyen 27, Akta Polis 1967. Jadi inilah tambahan kepada transformasi, satu Transformasi Kerajaan (GTP) dan Transformasi Ekonomi (ETP) dan menjelaki untuk bersama-sama dengan Model Baru Ekonomi yang tujuannya untuk memastikan wawasan negara ke negara maju, moden, demokratik dan memperoleh pendapatan yang tinggi.

Jadi menjelang tahun 2020 tapi mesti ingat walaupun kita buat ini telah kita gila. Ada orang gila minta supaya penjara dirobohkan. Saya hendak tanya kenapa Allah SWT menjadikan syurga dan neraka? Jadi kesimpulan saya, ada sebab Allah menjadikan neraka. Kerajaan BN adakan penjara untuk kita memenjarakan orang yang salah, yang langgar undang-undang, yang buat kacau. Jadi bodoh...

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Yang Berhormat minta laluan sedikit.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Saya cuma hendak bertanya satu soalan sahaja. Siapa yang hendak roboh penjara?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Yang Berhormat Gombak. Yang Berhormat Gombak, hendak roboh penjara. Saya hendak tanya balik apa tujuan dia. Tidak tahu? Tujuan dia hendak bela seseorang, mungkin yang akan dipenjarakan. Saya tidak tahu. Saya tidak mahu dahlulukan mahkamah. Nanti orang kata saya subjudis. Jadi kita cukup membuang akta yang tidak relevan macam Akta Polis, Akta Buang Daerah, Akta Kediaman Terhad. Akan tetapi tidak logik, bodoh dan gila hendak buang penjara. Oleh sebab itu Tuhan menjadikan neraka, cukup? Ada sesiapa hendak tanya? *Clear, clear, clear*, terang? Jadi kesimpulannya antara keperluan keselamatan kebangsaan dan kebebasan individu dengan mengambil kira kemajuan negara yang kompleks sifatnya, *multiracial country* dan mengambil kira ancaman keganasan global atau domestik ia sudah tentu muncul akta ini.

Keganasan global *you* tahu, kita tahu termasuk pasca tragedi 11 September 2001. Saya tidak kata Allahyarham Osama bin Laden. Saya tidak kata Iran. Saya tidak kata mana-mana pun negara Islam. Mungkin yang buat itu Amerika sendiri, mungkin. Mungkin Yahudi, mungkin sahaja. Saya tidak *confirm*.

Akan tetapi yang terjadi, yang terbukti ialah peristiwa 11 September itu ribu-ribu orang mati, tiga-empat ribu. Tuan Yang di-Pertua tahulah, berapa ribu saya tidak tahu angka sebenarnya. Akan tetapi saya kira lebih daripada empat ribu. Satu bangunan runtuh.

Jadi bertolak daripada contoh peristiwa itu maka muncullah pelbagai cara, pelbagai kaedah bagaimana kerajaan BN hendak jaga negara itu, hendak jaga negara ini supaya selamat. Kita sudah ada bunga-bunga. Kita tidak bom bangunan. Orang tidak runtuh bangunan macam di Amerika itu. Akan tetapi bunga-bunga api, percikan api, permainan sudah muncul. Contoh, BERSIH 2.0. Itu bukti yang nyata. Jadi kadang-kadang manusia ini ajar dengan perkataan. Ajar dengan peringatan dia tidak makan. Oleh itu ajar dengan akta, yang salah ditangkap. Kerajaan tidak perlu takut, tidak perlu ragu-ragu demi keselamatan, demi keharmonian, demi masa depan negara.

Kita sama sekali tidak mahu orang-orang yang tidak ada sebab yang munasabah buat kacau. Hatta, dia bernama presiden parti sekali pun, yang salah tangkap, yang tidak betul, dakwa. Bersalah penjarakan. Oleh sebab itu akta ini yang saya baca sebelum tadi betul-betul berfungsi menjaga negara, menjaga keamanan. Jikalau orang baik belaka tidak perlu akta ini. Tidak ada satu pun negara sebebas-bebasnya boleh lakukan apa sahaja. Mana-mana negara kena ada akta masing-masing untuk jaga keselamatan. Contoh, Singapura masih lagi kekal ISA. Betul, betul?... ‘Angguk’ kuat sikit lah... [Ketawa] Eropah, Amerika, China, Jepun, Korea semua ada akta masing-masing demi keselamatan. Oleh sebab ada rakyat yang tidak reti bahasa. Bertindak melakukan sesesuatu perkara ikut suka dia.

## ■1220

Tidak ada negara dalam dunia bebas sebebasnya, hatta bernama demokrasi. Demokrasi bagi kita ialah terpimpin, *guidance democracy*. Kalau hendak *guidance democracy*, mesti melalui akta. Melalui cara tetapi sudah lapuk, bertindih macam Akta Kediaman Terhad, macam akta bawah negeri kita mansuhkan. Saya ingat semua Ahli Dewan bersetuju dengan saya supaya akta yang lapuk itu dibuang, dibuang! Saya juga hendak suruh kepada mana-mana kementerian, tidak usahlah tunggu Jabatan PEGUAM NEGARA untuk semak, untuk membaharui akta. Semalam, kita Ahli Dewan Negara patut tahu....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila gulung ya, saya bagi dua minit lagi.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih. Kita ada berjumpa dengan dia. Beliau berkata Jabatan PEGUAM NEGARA tidak ada hak untuk melakukan mana-mana akta yang baru atau ubah yang lama kecuali dengan persetujuan kementerian tersebut. Betul, tidak boleh! Jadi, saya seru mana-mana akta, mana-mana kementerian, yang sudah lapuk buang sahaja. Tidakkan tahun 1933 berapa lama, 68 tahun baru hendak buat. Apa pun bukan kondem, saya ingat tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan juga kepada Yang Berhormat Menteri daripada Jabatan Perdana Menteri. Tahniah, syabas, bagus, *you bagus*.

Akhirnya, saya hendak simpul. Perjalanan ini, akta ini bukanlah akibat tekanan mana-mana pihak. Lanya ikhlas daripada Kerajaan Barisan Nasional setelah mengambil kira tentang perubahan negara, kencangnya dunia serta aspek-aspek kemanusiaan. Jadi, boleh dikatakan kerajaan ini bertanggungjawab merasai denyut nadi rakyat, mendengar keluh kesah rakyat dan memahami aspirasi massa orang ramai. Sebab itu tanpa rasa takut, rasa cuak, kerajaan bertanggungjawab untuk membebaskan massa. Sesuailah dengan cogan kata, ‘1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan’.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekian, terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Saya menyokong Akta Kediaman Terhad dimansuhkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, Yang Berhormat minta maaf ya. Masa cukup.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Cukup. Saya ingat cukuplah. Cukup, cukup, cukup, cukup. Terima kasih, saya sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi.

#### 12.24 tgh.

**Puan Doris Sophia ak Brodi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk sekali lagi membahaskan satu lagi rang undang-undang yang bernama rang undang-undang untuk suatu akta untuk memansuhkan Akta Kediaman Terhad 1933. Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat rang undang-undang untuk memansuhkan Akta Kediaman Terhad 1933 sebagai suatu langkah proaktif dan konsisten dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang sejak April 2009 lagi telah mengusulkan pemansuhan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini juga bukan hanya sudah lapuk seperti yang telah dikatakan oleh rakan saya sebentar tadi. Ianya juga sudah tidak relevan dan perlu diganti seiring dengan peredaran zaman. Justeru, saya juga mengambil kesempatan ini menyokong penuh iltizam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan akta ini memang sudah lanjut usianya iaitu sudah menjangkau 68 tahun, sudah tentulah kita melihat kelemahan undang-undang kolonial penjajahan British ini. Tambah lagi landskap dunia tanpa sempadan telah memudahkan individu yang dikenakan sekatan menghubungi rakan-rakan sejenayah melalui alat komunikasi, maka rang undang-undang ini sudah *defeat the purpose*, dengan izin, atau sudah tidak sesuai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan kesalahan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, Akta Dadah Berbahaya 1985 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 memungkinkan kementerian mengeluarkan perintah kediaman terhad ini. Saya juga memohon bertanya kepada pihak kementerian apakah *standard operation procedure*, dengan izin, ataupun jenis peraturan yang dikeluarkan oleh kementerian dalam menguakuasakan Akta Kediaman Terhad 1933 ini. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga difahamkan tindakan buang daerah bukanlah satu hukuman tetapi kaedah pencegahan dan pemulihan terhadap individu terbabit.

Ini kerana pelbagai program khusus seperti bantuan kebaikan dan motivasi diberikan kepada yang terlibat. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon bertanya apakah program utama dan *syllabus* pemulihan yang diterapkan sepanjang hukuman kediaman terhad ini. Apakah kejayaannya dan dari segi statistik dan prestasi orang yang dihukum.

Saya pasti kementerian mempunyai data dan statistik lengkap kerana saya difahamkan jumlah yang dikenakan di bawah akta ini tidak begitu ramai. Data yang saya perolehi pada Disember 2010 ialah seramai 1,030 orang termasuk 23 orang di Negeri Sembilan, 17 orang di Terengganu, 11 orang di Pahang dan 16 orang di Johor.

Ini mungkin data lama kerana diperolehi dalam tahun berakhir 2010. Mungkin kementerian mempunyai data baru. Jadi, saya ingin juga tahu berapakah jumlah terkini mereka yang dikenakan tindakan buang daerah tahun 1933 sehingga hari ini. Selama 68 tahun sudah, mengikut negeri. Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap agar keberkesanan dan pencapaian pelaksanaan akta ini dijadikan sebagai salah satu penilaian terhadap Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi kementerian, juga mungkin akta baru yang bakal digubal menggantikan akta ini dikekalkan sebagai KPI kementerian berkenaan. Saya juga Tuan Yang di-Pertua, ingin mengambil kesempatan menyokong penuh pemansuhan ini atas faktor-faktor yang akan saya sebut di bawah ini.

Kemungkinan ada yang tidak sependapat dengan saya Tuan Yang di-Pertua tetapi saya berpandangan sebagai rakyat Malaysia kita seharusnya lebih menghargai dan sayangkan keamanan serta keselamatan negara daripada kebebasan individu. Kedua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jelas mengotakkan janji beliau yang dibuat semasa menjadi Perdana Menteri pada 3 April 2009 bahawa beliau akan menyemak semula ISA dan lain-lain undang-undang yang berkaitan. Nampaknya, majoriti rakyat pada masa itu setuju kekuatan beliau ialah kata di kota, janji ditepati. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

### ■1230

Tuan Yang di-pertua, jelas tertera perkara 149 dan 150 yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan terus menjamin keselamatan kita sekalipun lebih luas ruang kebebasan diberikan di bawah perkara 10 dan 11 di perlembagaan yang sama. Selain itu juga Tuan Yang di-Pertua, saya juga terpanggil untuk menghuraikan beberapa isu mengapa ianya tidak lagi sesuai akta ini. Selain faktor globalisasi, saya mendapatkan pemilihan kediaman terhad ini hanya bercorak fizikal di mana hanya tubuh badan dihadkan pergerakannya tetapi orang yang dihukum masih bebas berhubungan dengan orang luar melalui *hand phone, internet*, dan pelbagai access lagi.

Contohnya Tuan Yang di-Pertua, rakan saya yang berasal dari Pulau Pinang mungkin tahu pasal individu yang bernama "Datuk Kabi" di Pulau Pinang yang banyak kali ditahan dan dikenakan tindakan tetapi setelah dibebaskan masih terjerumus ke kancah jenayah. Malah ada dakwaan beliau bebas keluar masuk ke sana ke mari malah masih sempat membuat jenayah penipuan membeli kereta mewah walaupun di dalam tahanan terhad. Masih sempat menggunakan kemudahan bank, isu cek palsu dan cek tendang. Bagaimanakah ini boleh berlaku?

Satu lagi perkara ialah rasuah bola sepak dan hukuman kediaman terhad. Imbas kembali sekitar 1994 di mana bola sepak negara dikejutkan dengan isu rasuah dan menjual permainan. Majoriti pemain utama bola sepak Liga Malaysia di dapati bersalah dan ada yang dikenakan tindakan buang daerah. Antaranya pemain profesional dan berbakat. Ketika itu, lebih 100 pemain kalau tidak silap saya serta jurulatih yang disyaki mengatur keputusan perlawanan Piala Malaysia dan Liga Perdana ditahan pihak berkuasa untuk disoal siasat.

Hasilnya, Kementerian Dalam Negeri ataupun KDN mengenakan hukuman di bawah Akta Kediaman Terhad terhadap kalau tidak silap saya 26 pemain pada masa itu yang menyaksikan mereka dibuang daerah, manakala Lembaga Disiplin FAM pula menggantung penyertaan antara satu hingga lima tahun terhadap 57 pemain serta seorang penolong jurulatih. Kesannya mutu bola sepak kita menjunam dan masih ditakuk lama dan masih mencari-cari pemain bermutu untuk diketengahkan di peringkat antarabangsa.

Inilah kesannya pada negara jika rasuah berleluasa. Akan tetapi saya ada mendengar walaupun sudah dibuang daerah mereka bakal kembali bermain tetapi *bookie* masih berleluasa dan terus menabung wang. Masalahnya di sini pemain ditangkap tetapi hanya segelintir kecil *bookie* menerima hukuman. Lainnya masih bebas dan bermaharajalela. Sepatutnya *bookie* ditangkap dan dikenakan tindakan tegas, bukan setakat Kediaman Terhad sahaja. Jadi saya mohon pendapat pihak kementerian berkenaan dengan hal ini. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, maka sekian sahajalah perbahasan saya. Saya mohon menyokong pemansuhan Akta Kediaman Terhad 1933. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap. Selepas itu Yang Berhormat Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg dan sebelum itu saya ingin tahu berapa orang lagikah Ahli-ahli Yang Berhormat turut berbahas? Terima kasih.

### 12.34 tgh.

**Datuk Maijol Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk turut berbahas Rang Undang-undang Kediaman Terhad (Pemansuhan) 2011. Melalui rang undang-undang ini kita diberitahu bahawa kerajaan kini mengambil keputusan untuk memansuhkan undang-undang atau Akta Kediaman Terhad dengan sebab-sebab yang sudah pun diutarakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memandang bahawa keputusan ini adalah penting dan juga sesuai kerana undang-undang dimaksudkan sudah pun luput ditelan zaman dan tidak lagi relevan kepada masyarakat kini.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini adalah sepatutnya tidak statik. *Law is a living things*. Ia dinamik sentiasa berubah mengikut zaman dan demikianlah dengan undang-undang ini juga apabila tidak relevan lagi maka sudah tentu kerajaan hendak membuat keputusan untuk memansuhkan undang-undang tersebut.

Apa yang saya faham ialah undang-undang ini adalah bertujuan memberikan perlindungan dan juga kebebasan kepada orang ramai dan masyarakat. Kebebasan itu adalah amat penting sekali. *The freedom by virtue of the law*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Sebagai contoh kalau kita berjalan di jalan raya kita pelukan isyarat lampu, *traffic light* barulah kita ada kebebasan. Kalau tidak ada *traffic light* maka semuanya berebut-rebut apabila saya sampai di simpang jalan. Jadi ia memberikan kebebasan kepada kita, ia memberikan keyakinan kepada kita bahawa semuanya mendapat peluang. Semuanya kepentingan kita itu dilindungi oleh undang-undang. Jadi, dengan sedemikian ertinya undang-undang ini meliputi segala aspek hidup manusia.

Kita dalam Dewan Negara yang mulia ini setiap persidangan kita membuat undang-undang yang amat berguna kepada masyarakat yang mempunyai pekerti yang tinggi kepada masyarakat kita ini. Namun dalam masa yang sama juga kita juga melihat tentang undang-undang yang sudah dibuat berpuluhan-puluhan tahun lamanya yang kini tidak lagi sesuai untuk memenuhi kehendak ataupun objektif rang undang-undang tersebut yang sudah dibuat berpuluhan-puluhan tahun yang lalu. Hari ini kita lihat bahawa Rang Undang-undang Kediaman Terhad dan juga nanti satu lagi rang undang-undang yang juga akan dihapuskan.

Di Malaysia Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai satu jawatankuasa *Law Reform Committee* ialah Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang yang baru juga ditubuhkan lebih kurang setahun atau dua tahun yang lalu. Ia dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Datuk Liew Vui Keong sendiri di mana jawatankuasa inilah bertujuan untuk melihat tentang undang-undang yang sudah lapuk dan tidak relevan lagi kepada masyarakat kita. Itulah fungsi utama ia setakat ini.

Saya difahamkan bahawa jawatankuasa ini berjalan dengan begitu baik melihat tentang undang-undang yang sudah lama dan harus diperbaharui serta diberi nafas baru. Ada juga rang undang-undang yang tidak relevan maka perlu dimansuhkan seperti undang-undang ini. Sepatutnya undang-undang yang tidak lagi relevan itu tentu sekalinya undang-undang yang boleh menghambat pembangunan komersial, *to impede the development of commercial at Malaysia* juga harus diperbaharui yang mana sedang dibuat oleh jawatankuasa tersebut yang berfungsi begitu baik sekali.

Dalam kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru kepada semua kementerian supaya melihat tentang undang-undang masing-masing di bawah jagaan kementerian masing-masing sama ada adakah undang-undang tu masih relevan atau tidak. Ini kerana merekalah yang sepautnya tahu sebelum ia tahu bagaimanakah status undang-undang di bawah kawalan kementerian masing-masing. Adakah masih undang-undang itu boleh dipakai, relevan ataupun tidak? Jadi inilah. Saya memang faham bahawa setiap kementerian mempunyai unit undang-undang masing-masing dan unit inilah yang selalu memantau mengenai tentang *relevancy* sama ada perlu atau tidak undang-undang itu diperbaiki, ditambah, dimansuhkan dan sebaliknya. Ini kerana kita mahu supaya undang-undang Malaysia ini sentiasa relevan kepada masyarakat kita.

## ■ 1240

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan tadi dan juga mendengar hujah-hujah daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kelmarin bahawa Akta Kediaman Terhad ini tidak relevan lagi. Keputusan untuk memansuhkan undang-undang ini adalah berlandaskan kepada dua prinsip ataupun faktor. Pertama ialah Prinsip Demokrasi dan Keadilan dan yang kedua ialah Faktor Kemajuan ICT dan Urbanisasi. Apa yang saya lihat di sini ialah ada kesedaran di kalangan ataupun di pihak pemerintah bahawa undang-undang ini dimansuhkan sebab sekarang ini mahkamah atau pun pendakwa raya mempunyai mekanisme yang lebih baik untuk mencari bukti-buktii yang terperinci untuk mendakwa mereka yang tertuduh ini di mahkamah dan tidak mensabitkan pesalah-pesalah melalui rang undang-undang yang kita bahaskan ini. Jadi untuk keadilan *for the justice* Tuan Yang di-Pertua, maka inilah satu mekanisme yang lebih baik melalui proses perundangan yang baik melalui perbicaraan di mahkamah dan sebagainya.

Keduanya adalah atas faktor ICT dan juga Urbanisasi. Memang betul dan saya juga bersetuju dengan hujah-hujah Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar kelmarin bahawa sekarang ini bukan lagi seperti dahulu. Jikalau kita mensabitkan seseorang dan mengehadkan mobilitinya dengan mengurungkan dia dalam rumah atau bangunan dan sebagainya, dia masih boleh membuat kegiatan jenayah dia dengan kecanggihan ICT dengan *Skype* dan telekomunikasi yang baik. Jadi, mengehadkan mobiliti dia itu tidak menjamin bahawa dia tidak membuat jenayah. Jadi, undang-undang yang mengehadkan kediaman itu agak tidak sesuai lagi di zaman ini. Dia boleh menghubungi kawan dia atau pun sekutu dia atau sesiapa sahaja yang bersubahat dengan dia beribu batu jauhnya ada di tempat dia. Jadi, itulah sebabnya undang-undang ini tidak relevan lagi dan harus dimansuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat kepastian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu apabila rang undang-undang ini diluluskan dan juga Akta Kediaman Terhad ini dimansuhkan, saya berharap agar ada mekanisme perundungan yang lain yang boleh dipakai untuk melindungi jenis-jenis kesalahan yang dilindungi oleh undang-undang yang lama ini seperti di *Penal Court*, Kanun Kesejahteraan, dan sebagainya yang boleh dan masih dipakai untuk mensabitkan kesalahan-kesalahan yang sepatutnya terlindung di bawah undang-undang yang lama ini.

Tuan Yang di-pertua, untuk mengakhiri hujah saya yang pendek ini, saya ingin merakamkan terima kasih kepada pihak PDRM yang selama ini telah menjalankan tugas dengan baik untuk menjalankan atau pun melaksanakan tanggungjawab di bawah Akta Kediaman Terhad ini. Ini kerana saya percaya bahawa walau apa pun keadaannya tidak relevan dan dahulu sudah dipakai akta ini, pihak polis telah melaksanakan tugasnya dengan baik sekali.

Sebelum mengakhiri saya ingin menyentuh tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Doris tadi tentang gejala rasuah di kalangan pemain-pemain bola sepak yang telah berlaku 10 atau 20 tahun yang lalu. Saya mengetahui ini sebab saya pun dalam pasukan juga. Apa yang *Football Association Malaysia* (FAM) buat tindakan waktu itu ialah untuk buang negeri atau buang daerah pemain-pemain yang didapati- ada juga segelintir pemain-pemain daripada sebelah Sabah saya masih ingat lagi.

Pemain yang amat berbakat yang mewakili Malaysia yang menjaringkan gol untuk Malaysia berlawan dengan pasukan England telah dibuang daerah kerana telah dituduh atau disyaki terlibat dalam rasuah bola sepak ini. Cuma komen saya di sini ialah saya rasa kesal dan terkilan sebab sewaktu itu pihak FAM telah- jikalau tidak silap saya Tuan Yang di-Pertua pihak FAM telah membuat keputusan untuk membuang negeri dalam masa satu-dua tahun dan selepas itu mereka ini tidak boleh bermain bola sepak dengan cara profesional.

Saya kesal sebab sepatutnya tidak dihukum begitu berat sekali kerana mereka ini adalah aset negara yang telah bermain untuk negara dan telah mengharumkan negara. Apakah faktor ini harus diambil kira? Ini kerana orang yang berbakat dan mempunyai potensi seperti ini kalau disabitkan tidak boleh bermain sehingga seumur hidup, maka ia rugi adalah bola sepak negara dan juga negara kita Malaysia. Jadi itu yang saya terkilan kerana sehingga hari ini mereka ini tidak bermain secara profesional. Mereka hanya bermain di kampung sahaja dan bermain dengan budak-budak, itu sahaja. Jadi bakat yang begitu tinggi yang amat baik sekali terbuang begitu sahaja.

Sepatutnya direhatkan. Contohnya dua tahun atau tiga tahun yang setimpal dengan apa yang mereka buat yang cukup untuk memberi pengajaran dan amaran kepada mereka yang lain itu supaya tidak membuat rasuah ataupun jenayah seperti itu.

Keseimbangan dia untuk menjaga kepentingan orang ramai dan juga untuk kepentingan orang yang terlibat itu. Jadi itu sahaja Tuan Yang di-Pertua ucapan saya ringkas. Oleh itu, saya mohon untuk menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg.

**12.47 tgh.**

**Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam 1Malaysia dan salam perpaduan. Terima kasih atas peluang yang diberi kepada saya untuk turut serta membahaskan Akta Kediaman Terhad (Pemansuhan) 2011. Seperti yang kita sedia maklum, negara kita mengamalkan prinsip demokrasi dan keadilan. Kini, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak, kerajaan kita sedang giat mentransformasikan negara ke arah menjadikan negara maju berpendapatan tinggi dengan melaksanakan pelbagai program dan dasar.

Dengan adanya ledakan sistem teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang serba canggih dan kian meningkat, dunia kini tanpa sempadan. Apatah lagi dalam sesebuah negara. Polis Diraja Malaysia (PDRM) kini lebih profesional dalam menjalankan penguatkuasaan hingga terbukti baru-baru ini bahawa nisbah kes jenayah dapat dikurangkan. Kita juga telah diyakinkan seperti dalam Bajet 2012 bahawa dengan penambahan peruntukannya, pasukan polis kita akan diperingkatkan dan dipermodenkan dengan latihan yang sesuai dengan era baru menggunakan teknologi moden, kelengkapan terkini, dan cara penyiasatan dan pengumpulan bukti yang saintifik dan canggih.

**■1250**

Ketika pembentangan Bajet 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menyatakan dalam ucapan beliau bahawa kita bakal menempa wajah baru landskap sosial politik negara. Pemansuhan, pemindaan dan penggubalan kerangka perundangan baru bagi mengimbangi antara kepentingan keselamatan negara dan kebebasan individu akan memerlukan "*policing in a modern and open society*" dengan izin.

Perbahasan saya ini ringkas sahaja. Tuan Yang di-Pertua, dengan demikian, saya ingin menyokong Akta Kediaman Terhad 1933 dimansuhkan kerana saya berpendapat ianya tidak relevan lagi dengan keadaan dan tuntutan semasa. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

**12.51 tgh.**

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan rang undang-undang untuk memansuhkan Akta Kediaman Terhad 1933. Saya mempunyai beberapa isu untuk dikemukakan kepada pihak kerajaan. Pertama berkaitan dengan apa yang telah pun dibahaskan oleh rakan-rakan tadi berkenaan dengan 125 orang yang dikenakan tahanan di bawah *Emergency Ordinance* yang telah dibebaskan daripada kawasan Kuala Lumpur dan lebih 200 waran tangkap di bawah AKT yang telah dibatalkan.

Persoalan saya ialah daripada jumlah 125 orang yang dibebaskan daripada tahanan EO ini, berapakah jumlah tahanan yang terlibat dengan jenayah kekerasan seperti bunuh, samun bersenjata, rusuhan bersenjata dan layanan kekerasan dan berapa ramai pula di antara mereka yang terlibat dengan aktiviti kongsi gelap yang telah pun ditahan dan kemudian dibebaskan? Berapa ramai bilangan mereka yang dibebaskan daripada kawasan Kuala Lumpur? Sekiranya mereka ini telah dibebaskan, adakah sekarang ini mereka sudah boleh didakwa sekiranya terdapat bukti baru dan adakah kerajaan telah menemui bukti baru untuk mendakwa mereka yang terlibat di dalam kes-kes yang telah saya sebutkan.

Kedua, berkaitan dengan waran tangkap tadi. Berapakah jumlah waran yang dikeluarkan terhadap penganjur pelacuran dan maksiat daripada 200 waran tangkap yang telah pun dibatalkan tersebut? Berapakah jumlah waran yang dikeluarkan terhadap penganjur perjudian? Berapa ramai juga bilangan mereka yang terlibat daripada kawasan-kawasan utama di kawasan-kawasan bandar di Kuala Lumpur dan juga di bandar-bandar lain di seluruh Malaysia.

Seterusnya berkaitan dengan bila mana kita mansuhkan Akta Kediaman Terhad 1933, adalah kerajaan akan mengenakan sistem parol yang telah pun diperkenalkan oleh kerajaan dalam pindaan Akta Penjara 2008 sebagai mana perkenan Diraja pada 24/1/2008. Adakah setelah mereka ini dibebaskan, dibatalkan, kerajaan akan mengenakan sistem parol kepada mereka sebagai mana juga yang dikenakan kepada banduan-banduan bagi memastikan aktiviti mereka dapat dipantau oleh pihak berkuasa.

Saya juga ingin tahu kejayaan sistem parol kalau institusi ini mahu diapplykan kepada mereka, kejayaan yang telah pun kita capai dalam tempoh tiga tahun setelah kita laksanakan? Sekiranya kita lihat kemungkinan ada di bawah yang terlibat dalam Akta Kediaman Terhad 1933 ini, mereka mungkin ada yang ditahan setahun, dua tahun, tiga tahun. Dari segi pemulihan psikologi yang telah pun diperkenalkan oleh pihak kerajaan kepada pesalah atau pun orang-orang yang ditahan tersebut kerana kita percaya bila terlibat dengan tahanan ini mesti ada kesan psikologi sama ada kepada tahanan atau pun kepada keluarga orang yang ditahan.

Adakah kerajaan akan memperkenalkan peraturan atau pun undang-undang sebagaimana langkah-langkah pencegahan khas sebagaimana kes dadah seperti yang telah diperkenalkan untuk mengawal aktiviti dadah kerana kalau tidak cukup bukti, mereka akan ditahan dan ditangkap serta dipantau aktiviti mereka di bawah langkah-langkah pencegahan khas? Adakah dengan kita membatalkan Akta Kediaman Terhad 1933 ini, kita akan memperkenalkan langkah-langkah pencegahan khas bagi kes-kes melibatkan jenayah indeks bagi kita mengawal aktiviti mereka setelah kita gagal untuk mendapatkan bukti bagi menahan mereka secara sempurna.

Saya juga ingin tahu daripada pihak kerajaan, berapakah kos yang telah dibelanjakan sepanjang kita melaksanakan Akta Kediaman Terhad 1933? Ini kerana kita percaya untuk kita menahan atau pun melaksanakan tahanan secara kediaman terhad atau pun waran tangkap ini, banyak tenaga daripada pihak polis khususnya telah pun digunakan. Berapa ramai yang telah terkorban? Berapa banyak yang telah dibelanjakan untuk memastikan ini mencapai satu kejayaan dan telah pun dibuat oleh pihak kerajaan sehingga hari ini membuat keputusan untuk membatalkan akta ini?

Julat umur orang yang ditahan di bawah Akta Kediaman Terhad 1933, berapakah biasanya purata umur mereka supaya kita lihat tidak mahu ada kes yang berulang sebagaimana yang kita sebut oleh Yang Berhormat tadi? Begitu juga dengan adakah setelah kita membatalkan Akta Kediaman Terhad 1933 ini, kerajaan akan menanggung atau pun selepas ini akan menerima kes-kes saman sivil akibat daripada penahanan mungkin tidak sah ini di bawah *Emergency Ordinance* yang akan dibuat oleh pihak yang dibebaskan oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi yang ingin turut berbahas? Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Saya rang undang-undang yang lagi satu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya?

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Yang ini tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Noriah Mahat, tadi sudah hantar hendak berucapkan?

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Saya, 'Rang Undang-undang Buang Daerah'.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apa dia?

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Saya hantar 'Rang Undang-undang Buang Daerah'. Buang Negeri, minta maaf. Saya ini hendak *advance*, saya hantar dahulu. Hendak bercakap petang nanti. Minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau tidak ada lagi, kita minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

**12.56 tgh.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang terdiri daripada Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar, Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia ak Brodi, Yang Berhormat Senator Datuk Majol Nahap, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi kerana telah mengambil peranan dalam perbahasan rang undang-undang ini dengan memberikan fakta yang begitu baik dan juga hujahan yang begitu berhemah.

Sukacita saya maklumkan di sini Tuan Yang di-Pertua bahawa rang undang-udang ini telah pun menerima sambutan yang begitu baik dan sokongan penuh daripada semua Ahli Dewan untuk pemansuhannya. Di sini saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah pun memberi penghargaan kepada anggota-anggota keselamatan kita termasuk pegawai polis, pegawai penjara dan juga pegawai-pegawai kebajikan dan semua yang berkenaan dalam menjalankan tugas semasa Akta Kediaman ini masih lagi hidup kata orang atau pun masih lagi beroperasi.

Di sini, saya hanya akan menjawab soalan-soalan daripada Yang Berhormat Senator yang telah pun menyentuh mengenai pemansuhan akta ini. Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar telah pun membangkitkan tentang perkara mengenai akta ini. Sekiranya dimansuhkan apakah mekanisme lain yang akan digunakan oleh kerajaan dalam mengambil tindakan terhadap pesalah-pesalah tersebut.

Untuk Yang Berhormat Senator dan juga Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia telah pun merangka beberapa strategi dan juga langkah-langkah khusus bagi memastikan seramai 125 orang sekatan di bawah Akta Kediaman Terhad 1933 yang dibebaskan pada 5 Oktober tahun ini tidak mendatangkan ancaman kepada keselamatan dan juga ketenteraman awam.

Sehubungan dengan itu, berkuat kuasa serta-merta selepas kesemua individu itu dibebaskan, semua polis, Ketua Polis Negeri, Ketua Polis Daerah dan juga Ketua Polis Balai di mana mereka ini menetap telah diarahkan membuat pemantauan rapi dan juga serius secara berterusan bertujuan untuk mengetahui sama ada mereka ini terlibat semula dalam aktiviti jenayah atau pun sebaliknya. Sekiranya di dapati ada di kalangan mereka terlibat semula dalam aktiviti-aktiviti jenayah, maka tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka ini.

Selain itu juga undang-undang sedia ada yang lain sememangnya memadai dalam mengambil tindakan ke atas pesalah-pesalah tersebut. Di antaranya Kanun Keseksaan Akta Rumah, Judi Terbuka dan lain-lain akta yang berkenaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, oleh kerana masa tidak mengizinkan, Yang Berhormat boleh menyambung menjawab pada petang nanti.

**Datuk Liew Vui Keong:** Boleh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

**Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, majlis sambung semula. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menyambung ucapan, silakan.

### 2.33 ptg

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan soalan yang telah pun ditanya oleh Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar. Di mana beliau menyatakan mengapakah Akta Kediaman Terhad ini perlu dimansuhkan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sebagaimana dalam teks ucapan saya semalam semasa membacakan rang undang-undang ini kali kedua di Dewan yang mulia ini, undang-undang ini dicadangkan untuk dimansuhkan kerana undang-undang ini sudah lapuk ditelan zaman, dan tidak lagi relevan dengan keadaan semasa melandaskan dua faktor utama, iaitu melandaskan kepada prinsip demokrasi dan keadilan. Kedua faktor kemajuan teknologi maklumat ICT dan juga urbanisasi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia ak Brodi bertanya apakah mekanisme proses pemulihan yang digunakan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan mempunyai garis panduan lengkap dalam melaksanakan program pemulihan terhadap orang, sekatan di bawah Akta Kediaman terhadap 1933. Antaranya program *outreach* bersama-sama dengan agensi-agensi penguat kuasa dan juga pihak-pihak NGO. Program ini dijalankan sebelum sekali lagi bagi memastikan kebajikan mereka diambil berat serta memastikan mereka kembali ke pangkuhan masyarakat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sejak akta ini berkuat kuasa, seramai 4,351 orang telah diambil tindakan di bawah akta ini. Tuan Yang di-Pertua, akta ini tidak terkecuali terhadap mana-mana pihak yang terlibat di dalam kegiatan perjudian termasuklah perjudian seperti *bookie* serta pemain bola sepak seperti mana kenyataan Ahli Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia ak Brodi tadi dan juga daripada Yang Berhormat Senator Datuk Maijol Mahap.

Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia ak Brodi juga bertanya mengenai *standard operating procedure* ataupun SOP pemulihan. Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa pihak Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama PDRM, Jabatan Penjara dan juga Jabatan Kebajikan telah pun mengadakan satu program yang dinamakan *outreach* yang telah pun saya sebutkan tadi dan ini adalah satu tujuan program di mana semua orang sekatan di sesuatu daerah dikumpulkan semasa program ini dijalankan dan segala masalah yang dialami oleh orang-orang sekatan itu diambil tahu dan juga serta nasihat-nasihat itu diberi kepada pihak berkenaan.

Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia juga bertanya mengenai jumlah orang sekatan yang dibebaskan di bawah Akta Kediaman Terhad mengikut kontinjen. Untuk makluman Yang Berhormat Senator,

Kontinjen	Sekatan yang dibebaskan (jum. / orang)
Perlis	3
Kedah	10
Pulau Pinang	9
Perak	21
Selangor	10
Kuala Lumpur	1
Negeri Sembilan	5
Melaka	0
Johor	16
Pahang	8
Terengganu	2
Kelantan	11
Sabah, Negeri Di Bawah Bayu	0
Sarawak	3
Bukit Aman	11
Dari segi komersial	34
<b>JUMLAH</b>	<b>144 orang</b>

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia ak Brodi juga telah pun bertanya mengenai statistik dan kini saya telah pun memberikan maklumat tadi. Seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia ak Brodi juga bertanya mengenai kes perlanggaran syarat perintah sekatan Dato' Kabir.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, beliau telah ditangkap pada 23 Februari 2011 dan dituduh di bawah Mahkamah Majistret Mersing di mana beliau telah didapati bersalah kerana telah melanggar syarat sekatan. Walau bagaimanapun, beliau telah membuat rayuan ke atas majistret tersebut di Mahkamah Tinggi Johor Bahru dan rayuan tersebut masih lagi *pending*. Saya di sini tidak boleh memberi apa-apa pandangan dan maklumat memandangkan kes itu masih lagi *pending* di mahkamah.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator Datuk Maijol Mahap telah pun membangkitkan perkara persoalan mengenai apakah undang-undang yang akan digunakan selepas Akta Kediaman terhad ini dimansuhkan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator selepas akta ini dimansuhkan terdapat undang-undang yang sedia ada yang boleh digunakan dan mencukupi dalam memenangi jenayah *none violent* yang diperuntukkan di bawah akta ini.

#### ■1440

Yang Berhormat senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi bertanyakan statistik waran tangkap dan juga tahanan mengikut kesalahan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator: perjudian melibatkan 108 orang; maksiat melibatkan 78 orang; *Ah long* melibatkan 5 orang; sindiket curi minyak 4 orang; curi lembu seorang; dan juga penyeludupan 4 orang. Jumlah waran tangkap dan tahan ialah 200 orang.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi juga membangkitkan persoalan daripada jumlah 125 orang yang dibatalkan sekatan di bawah Akta Kediaman Terhad 1933, berapakah pecahan statistik mengikut kesalahan jenayah seperti jenayah kekerasan, kongsi gelap, bunuh dan juga samun. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Akta Kediaman Terhad 1933 hanya melibatkan *non violent crime* seperti jenayah perjudian, maksiat pelacuran, penyeludupan dan juga jenayah komersial. Bagi jenayah kekerasan, kongsi gelap, bunuh dan samun, tindakan diambil di bawah Ordinan Darurat (Mencegah Jenayah dan Ketenteraman Awam) 1969.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi juga bertanya mengenai kos yang dibelanjakan sepanjang Akta Kediaman Terhad ini dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, berkaitan kos yang dibelanjakan sepanjang pelaksanaan ini tidak dapat diberikan sekarang. Jawapan secara bertulis akan saya berikan kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi juga bertanya sama ada kerajaan akan menerima saman sivil berikutan pembebasan orang sekatan daripada pemansuhan Akta Kediaman Terhad ini. Untuk makluman Yang Berhormat, orang sekatan yang dibebaskan seramai 125 orang adalah melalui pembatalan perintah sekatan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri. Oleh itu tidak timbul persoalan tindakan sivil akan dikenakan ke atas kerajaan berkaitan pengeluaran pembatalan ke atas orang sekatan kerana tiada perintah mahkamah yang mengisyiharkan perintah sekatan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri ini adalah *null and void*.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi juga bertanya soalan mengenai kejayaan sistem parol. Untuk makluman Yang Berhormat, soalan ini tidak akan dijawab memandangkan sistem parol tidak berkaitan dengan perbahasan Rang Undang-undang Akta Kediaman Terhad (Pemansuhan) 2011. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sistem parol adalah di bawah Akta Penjara 1955. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi juga bertanya adakah orang yang dibebaskan di bawah Akta Kediaman Terhad 1933 akan dikenakan parol sebagaimana sistem parol yang diperkenalkan melalui Akta (Pindaan) Penjara 1955.

Untuk makluman Yang Berhormat, orang dibebaskan di bawah Akta Kediaman Terhad tidak akan dikenakan menjalani parol kerana sistem parol hanya terpakai kepada banduan yang dijatuhkan hukuman penjara oleh pihak mahkamah. Orang yang dikenakan menjalani perintah sekatan bukanlah merupakan banduan.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan yang saya sempat untuk menjawab kepada pihak-pihak Yang Berhormat Senator. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil peranan dalam rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG BUANG NEGERI (PEMANSUHAN) 2011

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**2.47 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Buang Negeri 1959 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang ramai maklum, Akta Buang Negeri 1959 telah tidak diguna pakai sejak 24 tahun yang lalu. Dengan merujuk kepada rekod yang ada, akta ini banyak digunakan semasa tahun 60-an dan yang terakhir ialah pada tahun 1977 iaitu dalam kes Menteri Dalam Negeri lawan Choo Chon Yong *and another*. Ternyata selepas daripada kes tersebut, dan sehingga kini, akta ini tidak pernah digunakan lagi. Bertolak dari situ, kes-kes penahanan dan juga pemulangan warganegara asing kini dikendalikan di bawah Akta Imigresen 1957/63 atau Akta 155 memandangkan peruntukan penahanan dan juga pemulangan warganegara asing yang terkandung dalam Akta Buang Negeri 1959 juga terdapat dalam Akta Imigresen 1959/63.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Akta Imigresen 1959/63 mempunyai peruntukan untuk memindahkan atau *remove*, dengan izin, seseorang yang bukan warganegara sebagaimana yang terkandung di bawah Akta Buang Negeri 1959 iaitu peruntukan subseksyen 33(1) yang memperuntukkan tentang pemindahan orang yang berada di Malaysia secara tidak sah.

Seksyen 32 yang memperuntukkan tentang pemindahan pendatang tanpa izin daripada Malaysia dan subseksyen 56(2) yang memperuntukkan tentang kesalahan-kesalahan di mana seseorang yang bukan warganegara yang memasuki atau memasuki semula secara menyalahi undang-undang atau mencuba secara menyalahi undang-undang untuk memasuki atau memasuki semula ke Malaysia atau berada dalam Malaysia secara menyalahi undang-undang hendaklah sama ada atau tidak mana-mana prosiding diambil terhadapnya berkaitan dengan kesalahan itu dipindahkan daripada Malaysia dengan perintah Ketua Pengarah Imigresen. Maka, pemansuhan Akta Buang Negeri 1959 adalah wajar oleh sebab ia sudah tidak relevan di samping langkah pemansuhan ini akan memperkemaskan lagi sistem perundangan negara.

#### ■1450

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Buang Negeri (Pemansuhan) 2011 memperuntukkan seperti yang berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memansuhkan Akta 79.

Fasal 3 bertujuan untuk mengadakan peruntukan pengecualian yang menyatakan bahawa pemansuhan Akta 79 tidak akan menjelaskan apa-apa waran, perintah arahan atau surat cara lain yang dibuat atau dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta pemansuhan ini.

Dengan kata lain pemansuhan Akta Buang Negeri 1959 tidak menjelaskan apa-apa waran, perintah arahan atau surat cara lain yang telah dibuat atau dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri sebelum tarikh kuat kuasa akta ini. Pemansuhan Akta Buang Negeri 1959 ini juga tidak akan melibatkan sebarang aplikasi kewangan daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, memang masanya dengan izin *high time*, kerajaan mengambil langkah untuk memansuhkan Akta Buang Negeri 1959. Pemansuhan Akta Buang Negeri 1959 ini juga merupakan aspirasi kerajaan ke atas pentadbiran sistem perundangan yang lebih adil dan mendukung prinsip-prinsip di bawah Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, kerajaan juga akan memastikan bahawa keselamatan negara serta ketenteraman, keharmonian dan kesejahteraan rakyat dan negara terus dikekalkan.

Kerajaan juga ingin menegaskan bahawa meskipun dengan pemansuhan Akta Buang Negeri 1959, terdapat mekanisme perundangan lain yang berupaya untuk menangani perkara-perkara yang dihasratkan untuk dilindungi di bawah akta ini yang akan dilaksanakan dengan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan, norma-norma di peringkat antarabangsa serta kepentingan untuk memelihara keamanan dan juga kesejahteraan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk memansuhkan Akta Buang Negeri 1959 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya mempersilakan Puan Hajah Noriah. Kalau beliau tidak ada, dia ada bagi nama tadi. Kalau begitu, ada sesiapa yang mahu terlibat untuk berbahas dalam akta ini? Dipersilakan, Yang Berhormat.

#### 2.53 ptg.

**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut serta untuk membahaskan rang undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Oleh sebab rang undang-undang ini di bentang untuk dimansuhkan, maka saya tidak berhajat untuk mengambil masa yang panjang.

Sekadar saya menyatakan syukur selepas 54 tahun kita merdeka, akhirnya pada hari ini, undang-undang yang dianggap lapuk dan ketinggalan zaman di bawa dalam Dewan yang mulia ini untuk dimansuhkan. Terima kasih. Inilah yang dinanti-nantikan oleh seluruh rakyat Malaysia.

Saya juga ingin menyatakan bahawa masih terdapat banyak undang-undang lapuk malahan undang-undang yang ditinggalkan pada zaman kolonial lagi yang perlu kita lihat dan kaji untuk dibawa dalam Dewan ini untuk dimansuhkan.

Sebagai salah seorang rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, penggubal undang-undang dalam Dewan ini, saya merasa tanggungjawab kita bersama yang mewakili rakyat Malaysia untuk melihat ada satu *political will* bagi kita melihat dan mengambil tindakan mana-mana yang telah ketinggalan zaman, lapuk dan tidak diguna pakai dihapuskan. Jadi saya memohon supaya pihak berwajib mengambil tindakan inisiatif ini supaya perkara tersebut dapat kita atasi dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat ini satu pendekatan yang begitu proaktif. Tadi beberapa rakan telah menyatakan dan saya tidak mahu memanjangkan. Sekadar saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan saya menyeru supaya undang-undang yang kita anggap lapuk di bawa segera untuk kita bincangkan di dalam Dewan ini. Yang perlu kita mansuhkan, kita akan bagi sokongan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari.

## 2.55 ptg.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumussalam.*

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** *Alhamdulillah... [Berucap dalam bahasa Arab]*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana peluang yang telah diberikan untuk membincangkan akta yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri iaitu Akta Buang Negeri. Akta ini akan dimansuhkan kerana ia telah lama ataupun lapuk. Walau bagaimanapun, dalam kesempatan ini saya merasakan ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada orang-orang dahulu yang telah menggubal undang-undang ini untuk menjaga keselamatan pada ketika itu. Cuma kita mungkin agak lama untuk melihat kembali. Setiap undang-undang yang dibuat di dalam kehidupan kita ini ada tujuannya. Sebagai contoh ialah untuk menjaga akal, jiwa, keturunan, harta dan agama. Jadi undang-undang itu kalau sudah tidak mempunyai peranan-peranannya lagi, maka ia adalah dianggap sudah lama dan tidak dapat digunakan dan diistilahkan sebagai lapuk.

Di sini kita boleh melihat satu perkara yang lebih jauh iaitu mana-mana undang-undang yang telah dicipta oleh seseorang manusia atau kumpulan manusia, dia akan menjadi lapuk apabila berlalunya zaman. Mungkin undang-undang yang kita akan luluskan di Parlimen pada hari ini juga mungkin pada masa hadapan dilihat sebagai lapuk. Ini proses masa yang berlalu begitu. Ini mengingatkan kita kepada kelemahan manusia. Walau sebaik mana mereka berfikir, dan sekuat mana mereka bermesyuarat, tetapi kelemahan-kelemahan tetap ada. Dalam lingkungan tidak sampai seratus tahun dianggap sudah lapuk. Ini satu hakikat yang boleh kita lihat di mana-mana dan telah banyak akta yang telah dibawa ke dalam mesyuarat kita ini yang dianggap sudah lapuk.

Pada hari ini, kita melihat hanya ada satu yang tidak lapuk iaitu peraturan yang diturunkan oleh Allah SWT sejak daripada dulu sampai kini dan selamanya. Ini adalah peraturan yang tidak lapuk pada bila-bila masa kerana dia dicipta oleh Yang Maha Pencipta. Kerana itulah ini mengingatkan kita semua supaya...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Mencelah, Yang Berhormat Yang Berhormat. Boleh saya mencelah sedikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, Yang Berhormat. Saya minta... Dipersilakan.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya tertarik dengan pengakuan Yang Berhormat bahawa kesilapan manusia, kesilapan itu adalah sifat seluruh manusia. Akan tetapi bagaimanakah kita hendak membentulkan manusia yang sudah jelas tersilap tetapi terus berdegil. Terima kasih.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih. Saya tidak kata silap tetapi ada kelemahan. Undang-undang itu...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** ...Kelemahan dan kesilapan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Ya manusia ada kelemahan dan juga ada kesilapan. Sebaik-sebaik orang yang lemah meminta tolong kepada yang kuat dan sebaik-baik orang yang salah, memohon kemaafan. Jadi kita sebagai manusia tidak dapat lari dari kelemahan. Jadi kalau kita berbincang tentang undang-undang ini juga maka kita merasai diri kita juga ada kelemahan dan mungkin kita kata lapuk kepada orang dahulu tetapi mungkin juga akan seratus tahun atau dua ratus tahun lagi orang menganggap kita pun juga termasuk undang-undang yang lapuk.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bertanya sedikit kepada Yang Berhormat Menteri. Berapa ramai orang yang telah terlibat dengan akta ini yang telah diambil dan bagaimana keadaan mereka yang telah dibebaskan atau dibebaskan nanti.

#### ■1500

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pertanyaan saya kepada Yang Berhormat Menteri, setelah undang-undang ini dimansuhkan atau dibatalkan, undang-undang lain sebagai untuk mencegah, saya mendengar tadi Menteri memberitahu ada undang-undang lain tapi tidak dijelaskan undang-undang mana. Ini sebab kita melihat undang-undang ini dan juga undang-undang lain kalau sudah kita mansuhkan atau batalkan, maka ia perlu kepada satu undang-undang lain yang boleh, yang lebih kemas dan lebih rapi supaya hal-hal yang tidak diingini berlaku dalam negara akan terkawal.

Oleh kerana itulah kalau kita tengok dalam Islam disebut *Saddu Zarai'*. itu ialah undang-undang pencegahan yang dilihat sebagai undang-undang yang boleh mengekang keadaan-keadaan tidak baik berlaku. Kerana itulah *Saddu Zarai'* atau undang-undang pencegahan itu sangat penting dilihat sebagai satu undang-undang pengawal kepada mana-mana situasi yang tidak baik. Jadi oleh kerana itu saya ucap terima kasih dan *assalamualaikum*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Puan Noriah nak berucap?... Baik. Silakan.

#### 3.01 ptg.

**Puan Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama berbahas dalam Rang Undang-undang Buang Negeri (Pemansuhan) 2011. Akta ini sebelum ini telah banyak membantu negara kita untuk memberikan keamanan kepada negara kita dan ia telah berjalan begitu lama. Namun tahniah kepada kerajaan kerana pemansuhan Akta 79 ini menunjukkan keikhlasan dan aspirasi kerajaan ke arah pentadbiran sistem perundangan yang lebih kemas, adil dan saksama serta memenuhi kehendak semasa dengan mendukung prinsip-prinsip di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Dilaporkan Akta Buang Negeri 1959 yakni Akta 79 tidak diguna pakai sejak 34 tahun lalu, maka ianya sudah tidak relevan dan sudah sampai masanya untuk kerajaan mengambil langkah memansuhkannya.

Kita semua maklum bahawa selaras dengan transformasi kerajaan dalam aspek sosial, ekonomi dan politik, kerajaan telah mengambil langkah untuk mewujudkan satu jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang Malaysia yakni JPUUM di bawah Jabatan Perdana Menteri yang mengkaji dan membaharui undang-undang di Malaysia agar sistem perundangan Malaysia sentiasa relevan dengan perkembangan semasa demi kepentingan rakyat jelata.

Jadi kita percaya undang-undang lapuk sebegini sudah tidak relevan dengan keadaan semasa dan akan dikaji semula dalam tempoh terdekat agar kita dilihat sebagai kerajaan yang progresif dan menjadi contoh negara-negara lain di dunia ini. Tuan Yang di-Pertua, kita berharap walaupun Akta 79 ini dimansuhkan tetapi ianya masih mampu memastikan bahawa keselamatan negara serta ketenteraman, keharmonian dan kesejahteraan rakyat dan negara terus dikekalkan melalui kewujudan mekanisme perundangan yang lain bersesuaian dengan kehendak semasa. Tuan Yang di-Pertua, saya fikir cukup setakat itu perbahasan saya. Dengan ini saya mohon menyokong, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat menteri menjawab.

### 3.04 ptg.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari serta Yang Berhormat Senator Hajah tadi yang telah pun mengambil peranan dalam perbahasan rang undang-undang ini. Saya di sini ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan daripada Yang Berhormat Senator atas pemansuhan akta ini dan terlebih dahulu saya juga ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator tadi mengenai akta-akta yang perlu dikaji semula, dan juga bagaimakah negara ini akan dapat memainkan peranan untuk mengkaji akta-akta yang lapuk dan juga sama ada, ada *political will* daripada kerajaan untuk menjalankan semua ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator dalam Dewan yang mulia ini, apabila Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib Tun Razak menjadi Perdana Menteri yang keenam pada bulan April 2009, beliau telah pun menubuhkan satu jawatankuasa yang dikenali Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang ataupun *Malaysia Law Reform Committee* di mana *Law Reform Committee* ini diketuai oleh saya sendiri dan anggota-anggotanya terdiri daripada pesara-pesara universiti, *law professor* dan juga peguam-pegawai daripada Majlis Peguam Malaysia, *Sabah Law Association* dan juga *Sarawak Law Association* dan juga beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Parlimen ini.

Selain daripada mengkaji undang-undang yang lapuk dan juga yang tidak relevan pada masyarakat kita di sini, selain daripada objektifnya ialah untuk memberikan ruang kepada pihak universiti di mana geran-geran telah pun diberikan kepada semua universiti-universiti yang berminat untuk menjalankan kajian terhadap akta-akta ataupun undang-undang di mana *term of reference* diberikan oleh pihak jawatankuasa.

Buat setakat ini sambutan daripada pihak universiti tempatan amatlah menggalakkan dan saya tidak ada statistik tetapi yang terakhir sekali saya difahamkan terdapat ada 54 *term of reference* yang telah pun diberi kepada mereka. Ada setengah yang telah pun kembali dengan laporan mereka yang mereka mengatakan mereka berminat untuk mengambil peranan dalam menjalankan kajian tersebut. Geran-geran yang diberi ini dianalisis oleh sesuatu jawatankuasa penilaian di mana mereka akan menentukan jumlah geran kepada pihak yang mengambil kajian tersebut.

Buat setakat ini, jawatankuasa ini juga amat aktif untuk mengkaji *business law* ataupun *commercial law* yang agak *complicated* dan juga yang lapuk atau *outdated* yang dapat menjejaskan pembangunan komersial ataupun *business* di negara ini. Jawatankuasa ini telah pun juga melawat beberapa negara terutamanya di Australia dan juga di England untuk mengadakan pemantauan mengenai suruhanjaya perundangan di negara-negara tersebut iaitu *the law commission*.

Untuk makluman Yang Berhormat bahawa negara Malaysia dikenali sebagai sebuah negara dalam *Commonwealth* yang terbesar di mana belum ada lagi satu *law commission*. So mungkin masanya telah pun sampai untuk kita dalam Dewan yang mulia ini untuk mengkaji dan juga mungkin memberi pandangan sama ada kita bersedia untuk mengadakan satu *law commission* di mana *law commission* ini boleh diketuai ataupun dianggotai oleh hakim-hakim yang telah pun bersara daripada Mahkamah Persekutuan, *professor of law* atau peguam-peguam yang telah pun bersara tetapi amat berpengalaman dalam memberikan pandangan untuk mendrafkan undang-undang yang penting untuk negara ini.

Semua *Commonwealth country* yang ada *law commission* ini *drafting of the law done by all this law commission*. Jadi saya telah pun mendengar tadi daripada seorang YB. Senator Dato' yang telah pun maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Tan Sri AG semalam telah pun memberi taklimat kepada pihak Senator di mana di maklumkan kajian-kajian undang-undang di negara ini hanya dijalankan apabila ada *request* dan telah pun dibuat oleh kementerian-kementerian tersebut ataupun daripada kerajaan. Jadi mungkin apabila penubuhan *law commission* ini dapat dijalankan, mungkin nanti kita dapat mengadakan *drafting* yang akan dibuat oleh pihak suruhanjaya perundangan tersebut. Jadi di sini saya hanya ada dua soalan yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat yang bertanya mengenai berapa ramaikah orang yang terlibat dengan akta ini dan bagaimakah keadaan orang yang dibebaskan.

#### ■ 1510

Untuk makluman Yang Berhormat, berkaitan dengan jumlah orang yang terlibat saya buat setakat ini tidak ada statistik dan saya akan memberi jawapan secara bertulis kemudian. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat juga bertanya mengenai undang-undang mana yang digunakan untuk menggantikan undang-undang ini. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang saya nyatakan tadi ialah Akta Imigresen 1959/63 yang akan digunakan terhadap mereka yang telah pun disyaki melanggar undang-undang berkenaan.

Jadi dengan itu, sekiranya saya tidak sempat untuk menjawab apa-apa soalan yang telah pun dibangkit oleh Yang Berhormat Senator saya akan memberikan jawapan secara bertulis dan pada masa yang sama saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang telah pun mengambil peranan dalam perbahasan tadi dan saya ambil maklum dengan cadangan dan juga teguran yang telah pun diberi oleh Yang Berhormat Senator. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Begitulah sudahnya tadi berkenaan rang undang-undang yang telah pun kita luluskan. Saya sendiri pun berasa amat gembira melihat ini melambangkan kerajaan kita begitu peka dan prihatin.

Syabas dan tahniah diucapkan atas inisiatif dan tindakan tegas yang telah diambil dan kita juga berharap supaya jawatankuasa Yang Berhormat sendiri untuk mengkaji semula semua rang undang-undang yang dianggap telah lama tidak boleh dipakai lagi wajar dibawa semula ke Dewan ini untuk dikemaskinikan ataupun dimansuhkan. Ini satu tindakan pembaharuan yang telah dibawa. Saya fikir amat dialu-alukan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

[**Fasal-fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

## RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2012

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**3.15 ptg.**

**Timbalan Menteri kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuH.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumusalam.*

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bertajuk suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2012 dan bagi peruntukan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* dipanjatkan pujian dan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana saya dapat membentangkan Bajet 2012 di Dewan yang mulia ini. Sesungguhnya Bajet ini digubal untuk memastikan kesinambungan pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

Bajet ini juga telah mengambil kira senario semasa ekonomi global yang dijangka lebih mencabar dalam suasana kenaikan harga komoditi dan bahan makanan serta perdagangan dunia yang lebih perlakan. Kerajaan juga telah berbincang dan mengambil kira pandangan pelbagai pihak daripada sektor awam, sektor swasta, ahli akademik, media massa, *blog-blog*, Ahli-ahli Parlimen serta mengadakan sesi perbincangan dan konsultasi kumpulan fokus.

Kerajaan telah menggariskan falsafah induk dengan memandu hala tuju negara iaitu 1Malaysia Rakyat Didahului, Pencapaian Diutamakan. Kemudian ia telah disusuli dengan pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dengan tujuh NKRAnya. Program Transformasi Ekonomi (ETP) dengan 12 NKEA, Model Baru Ekonomi dengan lapan SRI dan Program Transformasi Politik. Selain itu, bagi melengkapkan proses transformasi keseluruhan kerajaan akan memetakan lagi beberapa program transformasi sektorol termasuk Program Transformasi Luar Bandar. Kesemua program dan inisiatif ini akan berpayung kepada Dasar Transformasi Nasional (DTN) yang bermula pada tahun 2011 sehingga 2020.

Prestasi dan cabaran ekonomi Tuan Yang di-Pertua, bagi suku ketiga 2011 ekonomi negara berkembang kukuh pada 5.8 peratus meskipun persekitaran luar semakin mencabar. Pertumbuhan bagi tempoh sembilan bulan pertama 2011 mencatat 5.1 peratus. Pertumbuhan ini disokong oleh prestasi ekonomik domestik yang kukuh terutama penggunaan dan pelaburan swasta yang lebih rancak sejajar dengan sentimen pengguna yang positif dan prospek perniagaan yang terus menggalakkan. Dengan ini, kerajaan yakin sasaran pertumbuhan antara 5 peratus hingga 5.5 peratus bagi tempoh 2011 boleh dicapai.

Kemasukan pelaburan langsung asing telah kembali rancak dan menunjukkan trend yang meningkat. Pelaburan langsung asing (FDI) berkembang hampir enam kali ganda kepada RM29 bilion pada tahun 2010 mencatat pertumbuhan yang tertinggi di Asia. Kemasukan FDI terus melonjak kukuh sebanyak 42 peratus kepada RM26.4 bilion dalam tempoh sembilan bulan pertama 2011 berbanding RM18.6 bilion bagi tempoh yang sama tahun 2010.

Rizab antarabangsa pula terus kukuh mencatat RM429.1 bilion pada 30 November 2011 mampu membiayai 9.8 bulan import tertangguh serta empat kali hutang luar jangka pendek. Pendapatan per kapita dianggarkan meningkat kepada RM28,725 pada tahun 2011 berbanding RM26,175 pada tahun 2010.

Bagi tahun 2012 pula, prospek ekonomi global dijangka lebih mencabar. Ia berikutan kelembapan ekonomi di Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun. Tekanan inflasi akibat kenaikan harga komoditi, krisis hutang negara Eropah serta perdagangan dunia yang lebih perlahan. Perkembangan global ini sudah tentunya memberi impak langsung ke atas ekonomi Malaysia. Mengambil kira faktor ini kerajaan akan menyusun strategi merancakkan aktiviti ekonomi domestik terutamanya pelaburan swasta dan awam serta penggunaan swasta.

Pelaburan swasta dan awam dijangka meningkat 15.9 peratus dan 7 peratus manakala penggunaan swasta di unjur meningkat 7.1 peratus. Dari sudut penawaran sektor perkhidmatan dijangka berkembang 6.5 peratus manakala sektor pembinaan meningkat 7 peratus.

#### ■1520

Oleh itu, pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 2012 diunjurkan antara 5 peratus hingga 6 peratus. Peruntukan Bajet 2012 Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2012 akan menyediakan peruntukan RM232.8 bilion bagi melaksanakan semua program dan projek pembangunan kerajaan termasuk projek dan program di bawah *Second Rolling Plan*, NKEA, NKRA dan SRI khususnya menumpukan kepada kesejahteraan rakyat.

Daripada jumlah tersebut, RM181.6 bilion adalah bagi peruntukan perbelanjaan mengurus dan RM51.2 bilion bagi perbelanjaan pembangunan. Di bawah peruntukan mengurus, RM52 bilion adalah emolument dan RM30.5 bilion disediakan bagi perkhidmatan dan bekalan. Manakala RM96.5 bilion diperuntukkan kepada pemberian dan berkenaan bayaran tetap. Sejumlah RM1.1 bilion disediakan untuk pembelian aset dan baki RM1.5 bilion untuk perbelanjaan lain.

Bagi peruntukan pembangunan pula, RM29.8 bilion disediakan kepada sektor ekonomi untuk menampung keperluan infrastruktur perindustrian serta pertanian dan pembangunan luar bandar. Sejumlah RM13.6 bilion diperuntukkan bagi sektor sosial termasuk pendidikan dan latihan, kesihatan, kebajikan, perumahan serta pembangunan masyarakat. Seterusnya RM4.4 bilion diperuntukkan bagi pembangunan sektor keselamatan, RM1.4 bilion bagi pentadbiran am dan RM2 bilion bagi simpanan luar jangka.

Dari segi kutipan hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2012, jumlahnya dianggarkan meningkat 1.9 peratus kepada RM186.9 bilion berbanding RM183.4 bilion pada tahun 2011. Dengan mengambil kira anggaran hasil dan perbelanjaan defisit Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2012, dijangka terus berkurangan kepada 4.7 peratus daripada KDNK berbanding 5.4 peratus pada tahun 2011.

Dalam menangani persekitaran luar yang semakin mencabar, usaha akan terus dilaksanakan bagi memperkuuh ekonomi domestik. Bagi memantapkan lagi pertumbuhan ekonomi negara, kerajaan akan melaksanakan pakej rangsangan khas dibiayai melalui *Private Financing Initiative* (PFI). Keadaan ini telah terbukti berjaya merangsang ekonomi negara melalui penambahan projek-projek yang produktif dan boleh meningkatkan kesejahteraan rakyat. Melalui inisiatif ini, beberapa projek awam seperti pembaikan dan penyelenggaraan sekolah termasuk pembinaan blok baru, menaik taraf hospital, rancangan tambatan banjir, menaik taraf infrastruktur asas luar bandar seperti pembinaan perumahan rakyat termasuk perumahan golongan nelayan dan golongan berpendapatan rendah dapat dilaksanakan. Bagi tahun 2012, jumlah projek yang akan dilaksanakan melalui pakej rangsangan khas ini adalah berjumlah RM6 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2012 dirangka dan dirancang bertemakan Dasar Transformasi Nasional: Bajet Membela Rakyat, Mensejahtera Negara dengan memberi penekanan kepada lima fokus utama. Fokus pertama meligat pelaburan. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan menyasarkan sektor ini mencapai 60 peratus kepada KDNK menjelang tahun 2015.

Kerajaan telah mengumumkan liberalisasi 27 subsektor-subsektor perkhidmatan pada 2009 dan sebagai tambahan 17 lagi subsektor perkhidmatan akan di liberalisasi secara berfasa pada tahun 2011 merangkumi perkhidmatan hospital swasta, perkhidmatan pakar perubatan dan pergigian, arkitek, kejuruteraan, perakaunan dan percukaian, perundangan, perkhidmatan *courier*, perkhidmatan pendidikan dan latihan serta perkhidmatan telekomunikasi. Inisiatif ini akan membolehkan hak pegangan ekuiti asing sehingga 100 peratus dalam subsektor terpilih.

*Second Rolling Plan* tahun 2012 juga merupakan tahun pertama pelaksanaan *Second Rolling Plan* bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh dengan peruntukan sebanyak RM98.4 bilion, RM49.2 bilion bagi tahun 2012 dan RM49.2 bilion lagi bagi tahun 2013. *Second Rolling Plan* akan menumpukan kepada projek pembangunan berimpak tinggi dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan juga akan memperuntukkan RM978 juta untuk merancakkan pembangunan di lima wilayah koridor, merancakkan industri perbankan kewangan dan pasaran modal.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ikhtiar merancakkan industri perbankan kewangan dan pasaran modal, usaha berterusan akan diambil bagi menggalakkan pembangunan perkhidmatan kewangan yang lebih berintegrasi dan komprehensif. Ini akan dicapai dengan penubuhan pusat pengurusan perbendaharaan yang akan menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan berdaya saing di rantau ini. Bagi menarik syarikat multinasional memilih Malaysia sebagai destinasi utama perkhidmatan pengurusan perbendaharaan, kerajaan mencadangkan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70 peratus selama lima tahun, pengecualian cukai pegangan ke atas pembayaran faedah pinjaman serta pengecualian *duty stamp* ke atas surat cara perjanjian pinjaman dan perjanjian perkhidmatan.

Dalam ucapan Bajet 2011, kerajaan bersetuju untuk membangunkan Pusat Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIFD) dan menimbang pakej insentif yang menarik. Dengan ini kerajaan mencadangkan:

- (i) pengecualian cukai pendapatan 100 peratus bagi tempoh sepuluh tahun dan pengecualian *duty stamp* ke atas surat cara perjanjian pinjaman dan perjanjian perkhidmatan bagi syarikat berstatus KLIFD;
- (ii) elaun bangunan industri dan elaun modal dipercepatkan bagi syarikat berstatus KLIFD *Marquee*; dan
- (iii) pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70 peratus selama lima tahun bagi pemaju harta tanah di KLIFD.

Mempergiat pasaran modal dan kewangan Islam. Pada tahun ini kita berjaya menerbitkan Sukuk Global Wakala pertama di dunia bernilai USD2 bilion dengan lebih lanjut 4.5 kali ganda. Bagi terus menggalakkan penerbitan sukuk yang menggunakan struktur wakala, potongan cukai diberi bagi tempoh tiga tahun ke atas perbelanjaan penerbitan Sukuk Wakala mulai tahun taksiran 2012 manakala pengecualian cukai pendapatan ke atas penerbitan dan urus niaga sukuk bukan ringgit dilanjutkan lagi selama tiga tahun sehingga taksiran 2014.

*Exchange-Traded Fund* (ETF) merupakan salah satu produk kewangan inovatif. Ciri kepelbagaiannya portfolio yang merangkumi keseluruhan spektrum ekuiti, bon dan komoditi membolehkan para pelabur meneroka peluang pelaburan baru melalui pasaran ETF. Untuk merancakkan lagi pembangunan produk ETF, I-VCAP anak syarikat ValueCap Sdn. Bhd. akan menyediakan dana permulaan patuh syariah berjumlah RM200 juta.

Amanah Pelaburan Hartanah (REIT), kerajaan telah memberi kadar cukai konsesi 10 peratus ke atas dividen pelabur institusi bukan korporat dan pelabur individu dalam Amanah Pelaburan Hartanah sehingga 31 Disember 2011. Bagi terus menggalakkan perkembangan Amanah Pelaburan Hartanah (REIT), kerajaan mencadangkan galakan cukai dilanjutkan selama lima tahun lagi mulai 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2016.

Mempergiat aktiviti perusahaan kecil dan sederhana atau PKS. Sebagai usaha meningkatkan lagi sumbangan PKS kepada pertumbuhan ekonomi, satu skim dana pembiayaan PKS patuh syariah berjumlah RM2 bilion yang dikendalikan oleh bank-bank Islam terpilih akan diwujudkan pada tahun 2012. Kerajaan akan menanggung 2 peratus daripada kadar keuntungan pembiayaan.

Kegagalan para usahawan bukan semuanya disebabkan oleh ketidakupayaan bermiaga tetapi juga oleh faktor di luar kawalan seperti kemelesetan ekonomi dan kenaikan kos. Usahawan yang ikhlas dan gigih dalam perniagaan mesti diberi peluang kedua. Bagi tujuan ini, kerajaan akan menyediakan SME *Revitalization Fund* dengan izin, dengan dana RM100 juta. Skim ini menawarkan pinjaman mudah dengan maksimum RM1 juta kepada golongan peniaga untuk membangunkan semula perniagaan mereka. Dana ini akan diuruskan oleh SME Bank dan akan ditawarkan pada Januari 2012.

Kerajaan juga bercadang untuk menubuhkan satu dana kecemasan PKS sebanyak RM10 juta untuk membantu PKS yang terlibat dengan bencana alam. Penubuhan dana ini adalah satu langkah proaktif bagi membantu PKS supaya dapat beroperasi semula seperti biasa dalam tempoh yang singkat. Dana ini akan disalurkan kepada PKS dalam bentuk geran dan pinjaman mudah melalui SME Corporation dan MIDF. Skop pembiayaan dana akan meliputi pembelian mesin dan peralatan untuk menggantikan mesin yang musnah dalam bencana alam, pembelian bahan mentah dan membaik pulih premis.

Menggalakkan sektor pelancongan. Bagi terus menggalakkan pelancongan dari dalam dan luar negara, destinasi menarik khususnya Pulau Langkawi akan dibangunkan semula. Pelan induk lima tahun pembangunan pelancongan Pulau Langkawi akan dilancarkan dengan peruntukan sebanyak RM420 juta. Antara inisiatif yang akan diambil ialah menyusun semula Lembaga Pembangunan Langkawi, penubuhan pasukan renjer hutan, menaik taraf muzium kawasan pantai dan perniagaan serta menyediakan sistem pengangkutan yang lebih efisien.

#### ■1530

Bagi menggalakkan lagi pelaburan dalam bidang perhotelan supaya setanding dengan hotel terkemuka di dunia, kerajaan mencadangkan pengusaha yang melabur dalam hotel baru yang bertaraf empat dan lima bintang di Semenanjung Malaysia diberi galakkan tarif perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70 peratus elauan atau elauan cukai pelaburan sebanyak 60 peratus bagi tempoh lima tahun. Kajian semula Kadar Cukai Keuntungan Hartanah (RPDT). Pada masa ini Kadar Cukai Keuntungan Hartanah yang rendah iaitu 5 peratus didapati tidak begitu berkesan untuk membendung aktiviti spekulasi dalam pasaran hartanah. Bagi menangani masalah ini, kerajaan mencadangkan kadar RPDT dikaji semula bagi hartanah yang dilupuskan dalam tempoh pegangan selama dua tahun. Kadar RPDT adalah 10 peratus bagi hartanah yang dilupuskan dalam tempoh pegangan melebihi dua hingga lima tahun, RPDT dikekalkan pada kadar 5 peratus. Bagi hartanah yang dilupuskan selepas lima tahun pula, RPDT tidak dikenakan langsung.

Fokus kedua mengungguli modal insan, mencerna kreativiti dan mencetus inovasi. Tuan Yang di-Pertua, inovasi membolehkan rantaian nilai ekonomi dianjak ke tahap yang lebih tinggi melalui pencetusan idea baru, menjadi nilai komersial berdaya maju. Inovasi perlu diterap dan diamalkan oleh semua termasuk sektor swasta, sektor awam, NGO, ibu bapa, institusi pengajian tinggi, pelajar sekolah, hatta kanak-kanak prasekolah. Dengan ini kerajaan mengumumkan tahun 2012 sebagai tahun Gerakan Inovasi Nasional. Bagi menjayakan hasrat ini, kerajaan telah mengatur inisiatif strategik dengan peruntukan RM100 juta.

Antara program yang akan dilaksanakan adalah Program Penerapan dan Pembangunan Inovasi di peringkat sekolah dan IPTA serta di kawasan luar bandar. Program menggalakkan pencetusan idea baru dan pengkomersilan produk. Anugerah Cipta 1Malaysia, bagi mengiktiraf reka cipta yang paling inovatif di peringkat nasional serta penganjuran *World Innovation Forum* dan *Asian Business Angel Forum*. Selain itu *Market Validation Fund* dengan peruntukan permulaan RM30 juta akan diwujudkan bagi memastikan sesuatu produk perlu melalui *market validation* untuk menentukan daya maju komersial.

Kerajaan juga akan menyediakan dana inovasi pengkomersilan patuh syariah berjumlah RM500 juta pada kadar keuntungan yang menarik untuk membolehkan syarikat PKS memulakan perniagaan produk penyelidikan baru dan pengkomersilan di mana produknya telah menjalani proses pengesahan pengkomersilan pasaran. Dana ini akan disediakan oleh bank-bank Islam terpilih mulai tahun 2012 dengan kerajaan menanggung 2 peratus daripada kadar keuntungan.

Memantapkan pembangunan pendidikan untuk menuju aspirasi negara maju berpendapatan tinggi, kerajaan memberi keutamaan kepada pembangunan sistem pendidikan yang dapat melahirkan tenaga kerja berbakat, kemahiran tinggi, mempunyai daya kreativiti, serta berinovatif. Sektor pendidikan akan diperuntukkan RM50.2 bilion bagi tahun 2012. Bagi Kementerian Pelajaran, peruntukan pembangunan sebanyak RM1.9 bilion akan dibelanjakan untuk semua jenis sekolah, terdiri daripada sekolah kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil, sekolah mualigh dan sekolah agama bantuan kerajaan. Sebagai tambahan, peruntukan RM1 bilion akan diwujudkan melalui Tabung Khas Pembinaan, Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah khusus bagi keperluan mendasak untuk membaik pulih bangunan sekolah, penyelenggaraan, pembelian peralatan dan pembinaan blok tambahan. Daripada peruntukan tersebut, RM500 juta kepada sekolah kebangsaan, RM100 juta disediakan kepada sekolah jenis kebangsaan Cina, RM100 juta sekolah jenis kebangsaan Tamil, RM100 juta sekolah mualigh, RM100 juta sekolah agama bantuan kerajaan dan RM100 juta kepada Maktab Rendah Sains MARA.

Pada masa ini, pelajar masih dikenakan bayaran RM24.50 bagi sekolah rendah dan RM33.50 bagi sekolah menengah untuk bayaran ko-kurikulum, kertas ujian dalaman, Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia dan insurans takaful. Mulai sesi persekolahan 2012, bayaran ini akan dimansuhkan dan bermakna pendidikan rendah dan menengah di sekolah-sekolah kerajaan adalah disediakan dengan percuma. Pemansuhan semua bayaran ini akan melibatkan peruntukan sebanyak RM150 juta. Sektor swasta turut memainkan peranan penting dalam menyediakan pendidikan berkualiti untuk melahirkan generasi masa hadapan yang cemerlang. Oleh itu, kerajaan mencadangkan sekolah swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pelajaran dan memenuhi peraturan yang ditetapkan diberi galakan berikut:

- (i) pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70 peratus atau elauan cukai pelaburan sebanyak 100 peratus ke atas pelaburan modal dalam tempoh lima tahun.
- (ii) potongan dua kali bagi perbelanjaan promosi di luar negara bagi menarik lebih ramai kemasukan pelajar asing.
- (iii) pengecualian duit import dan cukai jualan ke atas semua peralatan pembelajaran.

Pembangunan modal insan, sektor swasta juga digalakkan untuk berganding bahu memantapkan modal insan berkemahiran tinggi. Untuk ini kerajaan mencadangkan pemberian galakan cukai seperti berikut:

- (i) potongan dua kali ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat dalam melaksanakan program *internship*.
- (ii) potongan dua kali ke atas pemberian biasiswa.
- (iii) potongan dua kali ke atas perbelanjaan bagi menyertai pameran kerjaya di luar negara.

Fokus ketiga, program Transformasi Luar Bandar. Tuan Yang di-Pertua, program Transformasi Luar Bandar atau RTP merupakan pelengkap program transformasi menyeluruh negara. RTP akan mentransformasikan kawasan luar bandar supaya mampu menarik pelaburan swasta, menyediakan peluang pekerjaan dan kegiatan ekonomi, serta menggalakkan generasi muda kembali berkhidmat.

Oleh itu kerajaan akan melaksanakan beberapa langkah termasuk mewujudkan Pusat Transformasi Luar Bandar atau RTC sebagai pusat integrasi perkhidmatan dan mewujudkan dana perkhidmatan profesional berjumlah RM100 juta bagi golongan profesional seperti peguam, doktor dan akauntan untuk membuka firma di pekan-pekan kecil. Infrastruktur asas luar bandar untuk memperkuuhkan pembangunan infrastruktur asas luar bandar secara lebih komprehensif, peruntukan RM5 bilion akan disediakan bagi tahun 2012. Peruntukan ini meliputi program jalan luar bandar, serta liputan bekalan elektrik dan air bersih. Kerajaan juga akan membekalkan 20 ribu tangki menggunakan kaedah tadahan air hujan untuk penduduk pedalaman Sabah dengan peruntukan RM50 juta. Di kawasan FELDA pula, kerajaan akan memperuntukkan RM400 juta bagi kerja-kerja menaik taraf infrastruktur bekalan air secara berperingkat. Sementara itu kerajaan akan menyediakan peruntukan RM50 juta untuk menambah baik kemudahan bekalan air yang melibatkan penyambungan dari estet ke paip utama sedia ada.

Masyarakat luar bandar sering menghadapi masalah perkhidmatan bas yang kurang memuaskan. Bagi menyediakan kemudahan yang lebih selesa, boleh dipercayai dan berkualiti, peruntukan tambahan RM150 juta akan di salurkan kepada Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam di SME Bank. Dengan yang demikian, pengusaha bas berhenti-henti, bas mini dan bas sekolah boleh memohon pinjaman mudah dengan kadar faedah 4 peratus untuk membeli atau membaik pulih bas mereka.

Pembangunan Dana Kebajikan Orang Asli terus menjadi agenda penting kerajaan. Bagi tahun 2012, kerajaan akan memperuntukkan RM90 juta untuk penyediaan kemudahan asas termasuk memperluaskan projek bekalan air terawat serta program penjanaan pendapatan. Kerajaan amat bersimpati dengan bencana tanah runtu yang berlaku kawasan Sungai Ruil, Cameron Highlands. Untuk memastikan keselamatan penduduk Orang Asli di kawasan tersebut, kerajaan dengan ini memperuntukkan RM20 juta bagi pemindahan penduduk ke kawasan perumahan baru yang lebih selamat.

Fokus keempat, memperkejap perkhidmatan awam. Tuan Yang di-Pertua, bermula 2012 kerajaan akan memperkenalkan Sistem Persaraan Baru Perkhidmatan Awam atau SBPA bagi menggantikan Sistem Saran Malaysia atau SSM. Antara elemen penting SBPA meliputi dasar pemisah, *exit policy* bagi penjawat awam yang berprestasi rendah dan mereka yang memilih untuk meninggalkan perkhidmatan, menambah baik struktur gaji penjawat awam, laluan kerjaya perkhidmatan dan kenaikan pangkat perguruan siswazah yang lebih baik serta kenaikan gaji tahunan penjawat awam antara RM80 hingga RM320 mengikut gred. Pelaksanaan SBPA ini juga akan dinikmati oleh lebih 600,000 pesara kerajaan melalui pelarasan pence yang melibatkan peruntukan RM600 juta. Mulai tahun 2013, kerajaan akan melaksanakan kenaikan tahunan pence pesara sebanyak 2 peratus setahun tanpa perlu menunggu semakan sistem saraan atau pelarasan gaji.

#### ■1540

Kerajaan bersetuju untuk melanjutkan umur persaraan wajib daripada 58 tahun kepada 60 tahun bagi mengoptimumkan sumbangan pegawai perkhidmatan awam yang ternyata masih boleh memberikan sumbangan berdasarkan kemahiran dan pengalaman mereka. Untuk menjadi pelaksana yang berkesan kepada dasar kerajaan, penjawat awam mesti sentiasa melengkapkan diri dengan pengetahuan, mempunyai pemikiran yang dinamik dan analitis. Bagi maksud ini, kerajaan akan menawarkan bantuan yuran pengajian kepada penjawat awam untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi secara separuh masa.

Kerajaan menghargai khidmat dan jasa kakitangan yang telah menamatkan kontrak daripada Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) yang berjumlah seramai 4,300 orang. Bagi membantu golongan ini meringankan kos sara hidup, kerajaan akan memberikan bayaran khas sebanyak RM3,000 secara *one-off*.

Negara memerlukan pasukan polis yang moden dengan latihan yang sesuai dengan era baru berteknologi moden, kelengkapan terkini dan cara penyiasatan dan pengumpulan bukti yang saintifik dan canggih.

Untuk ini peruntukan khas RM200 juta akan disediakan manakala kerajaan juga akan memperuntukkan sejumlah RM500 juta di bawah Program *Army Care* untuk menaik taraf dan menyelenggarakan kem dan kuarters tentera di seluruh negara. Di samping itu, bagi meringankan beban anggota tentera yang menamatkan perkhidmatan kurang daripada 21 tahun dan tidak menerima pence, peruntukan sebanyak RM50 juta disediakan bagi program latihan khusus untuk golongan ini menceburii bidang perniagaan serta membantu mendapatkan pekerjaan dalam sektor awam dan swasta kepada mereka yang layak.

Kerajaan amat menghargai khidmat bakti yang telah diberikan oleh lebih 48,000 orang bekas anggota polis khas dan polis tambahan yang pernah berkhidmat menjaga keselamatan negara semasa zaman darurat. Mereka terdiri daripada anggota *homeguard special constable, extra police constable, auxiliary police, women auxiliary police, women special constable, border scout* dan *jungle scout*. Sebagai mengenang jasa bakti mereka, kerajaan akan memberikan sumbangan RM3,000 secara *one-off* kepada setiap bekas anggota serta duda dan balu mereka yang kesemuanya berjumlah hampir 62,000 orang. Sumbangan ini sedikit sebanyak diharapkan dapat membantu meringankan kos sara hidup mereka.

Fokus kelima meredakan inflasi dan mengimarah kehidupan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani kenaikan harga barang terutamanya bahan makanan, kerajaan akan mengambil langkah yang bersepadu dalam membantu meringankan beban sara hidup rakyat. Antaranya meningkatkan pengeluaran makanan, meneruskan pemberian subsidi ke atas barangan makanan asas dan produk petroleum serta melaksanakan Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA) yang merangkumi bantuan kepada warga emas, miskin, kanak-kanak dan orang kurang upaya (OKU). Semua subsidi, insentif dan bantuan ini berjumlah RM33.2 bilion.

Kerajaan juga akan menambah bilangan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) ke seluruh negara yang menawarkan 250 jenis produk berjenama 1Malaysia pada harga sehingga 40 peratus lebih rendah, membuka 30 unit Agrobaazaar Kedai Rakyat, memperluaskan penjualan produk 1Malaysia di semua buah kedai di bawah Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR), kedai FELDA dan kedai serbaneka stesen minyak seluruh negara serta memperluas dan mempromosi Menu Rakyat 1Malaysia yang menawarkan pakej menu makanan popular pada harga cukup berpatutan.

Perumahan rakyat berkualiti – bagi memenuhi permintaan rumah golongan yang berpendapatan kurang daripada RM3,000, kerajaan telah melancarkan Skim Rumah Pertamaku pada bulan Mac 2011. Untuk menambah baik skim ini, kerajaan mencadangkan had maksimum harga rumah dinaikkan daripada RM220,000 kepada RM400,000. Penambahbaikan ini boleh dinikmati oleh pembeli rumah melalui pinjaman bersama suami isteri. Kerajaan telah menubuhkan Perumahan Rakyat 1Malaysia atau PR1MA sebagai agensi tunggal yang berperanan untuk membangunkan dan menyelenggarakan perumahan mampu milik berkualiti khususnya untuk memenuhi keperluan golongan yang berpendapatan sederhana. PR1MA akan berperanan sebagai pemaju untuk projek yang diadakan di tapak pemilikan kerajaan. PR1MA akan memainkan peranan supaya proses pengagihan untuk projek-projek ini dijalankan secara telus dan adil melalui sistem pengundian terbuka.

Pada kebiasaanannya rumah dijual sebelum pembinaan bermula yang mana pembeli akan menanggung risiko sekiranya rumah tidak siap atau lewat disiapkan. Bagi melindungi pembeli, kerajaan menggalakkan lebih banyak pembinaan rumah menggunakan kaedah bina kemudian jual.

Untuk tujuan itu, bank-bank Islam yang telah bersetuju akan menyediakan pembiayaan patuh syariah dan mengambil risiko pembinaan. Pembeli hanya membayar ansuran setelah rumah siap dibina. Skim ini akan dilaksanakan bagi rumah yang bernilai RM600,000 dan ke bawah.

Masih ramai lagi rakyat yang belum memiliki rumah terutamanya golongan yang berpendapatan rendah. Justeru, kerajaan akan meneruskan pelaksanaan Program Perumahan Rakyat di seluruh negara dengan membina lebih 75,000 unit rumah mampu milik di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Bagi tahun 2012, RM443 juta diperuntukkan bagi membina hampir 5,000 unit PPR disewa dan lebih 7,000 PPR dimiliki.

Selain itu Program Rumah Mesra Rakyat yang dikendalikan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad akan diteruskan bagi membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah lebih selesa. Di bawah program ini, mereka yang mempunyai tanah persendirian dan tidak memiliki rumah atau tinggal di rumah usang, boleh mendapatkan pembiayaan untuk membina rumah sendiri. SPNB akan membina 10,000 unit Rumah Mesra Rakyat pada tahun 2012. Kos rumah yang berharga RM65,000 ini akan dijual dengan harga RM45,000 sahaja. Bagi setiap unit rumah, kerajaan akan memberikan subsidi sejumlah RM20,000. Sebanyak RM200 juta akan diperuntukkan untuk program ini.

Tabung Khas Perumahan Nelayan – kita maklum bahawa kebanyakan nelayan memiliki rumah yang daif dan kurang selesa. Sehubungan itu kerajaan akan mewujudkan Tabung Khas Perumahan Nelayan dengan peruntukan RM300 juta untuk membina dan membaik pulih rumah mereka agar menjadi lebih selesa dengan prasarana asas.

Kerajaan akan terus menyediakan perkhidmatan kesihatan terbaik untuk rakyat terutamanya rawatan berkualiti, peralatan terkini serta persekitaran yang lebih selesa. Bagi tahun 2012, sektor perkhidmatan kesihatan akan diperuntukkan RM15 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM1.8 bilion bagi perbelanjaan pembangunan. Ini melibatkan antaranya pembinaan dan menaik taraf hospital termasuk di Bera, Kuala Krai, Dungun, Sri Aman dan Tuaran serta menambah baik blok bersalin di Hospital Putrajaya. Kerajaan juga akan menambah baik 81 buah klinik kesihatan luar bandar di seluruh negara dan membuka 50 buah Klinik 1Malaysia.

Kerajaan akan mengambil langkah untuk menambah baik Hospital Kuala Lumpur (HKL) yang merupakan nadi perkhidmatan kesihatan di kota dan dikunjungi hampir 3,000 orang pesakit luar setiap hari. Demi keselesaan warga kota, hospital yang berusia 141 tahun ini dan merupakan hospital tertua di Malaysia akan dinaiktarafkan supaya menjadi sebuah hospital *premier* negara dilengkapi dengan peralatan terkini dan canggih dengan peruntukan RM300 juta. Daripada peruntukan ini, RM50 juta akan digunakan untuk membina sebuah sayap baru HKL khususnya untuk rawatan pesakit luar.

Skim Amanah Rakyat 1Malaysia – untuk menambah pendapatan boleh guna dan menggalakkan minat melabur dalam kalangan golongan yang berpendapatan rendah, kerajaan akan memperkenalkan Skim Amanah Rakyat 1Malaysia (SARA 1Malaysia). Skim ini dibuka kepada isi rumah yang berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah dan akan memanfaatkan 100,000 orang isi rumah. Pelabur SARA 1Malaysia boleh memohon pinjaman RM5,000 dengan tempoh bayaran balik lima tahun. Pada akhir tempoh lima tahun, pelabur dijangka mendapat pulangan bersih yang menarik. Skim ini akan dikendalikan oleh Permodalan Nasional Berhad dengan kerjasama institusi kewangan terpilih mulai bulan Januari 2012.

Bagi memastikan masyarakat bumiputera bergerak seiring dengan perkembangan ekonomi, TERAJU akan membimbing secara berperingkat kira-kira 1,100 buah syarikat bumiputera yang berprestasi tinggi dan berpotensi untuk disenaraikan di bursa saham. Kerajaan juga akan memperuntukkan RM200 juta bagi program pembangunan usahawan bersepadu dan kontraktor bumiputera di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Di samping itu, baru-baru ini kerajaan juga telah mengumumkan penubuhan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera untuk meningkatkan taraf pendidikan serta pembiayaan kursus latihan dan profesional untuk meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman kerja di kalangan bumiputera.

Kerajaan sentiasa peka dan mengambil berat beban yang ditanggung oleh pemilik teksi bajet persendirian akibat kos operasi yang meningkat. Tambahan pula, sebahagian besar teksi yang dimiliki telah melebihi jangka hayat ekonomi.

#### ■1550

Selain menjaga kebijakan serta menambahbaikkan perkhidmatan teksi, kerajaan mencadangkan pemilik teksi bajet persendirian diberikan bantuan seperti berikut. Pertama pengecualian 100 peratus perkhidmatan teksi kerajaan mencadangkan pemilik teksi bajet persendirian diberikan bantuan seperti berikut:

- (i) penjualan 100 peratus duti eksais dan cukai jualan ke atas pembelian teksi baru buatan tempatan;
- (ii) pengecualian bayaran balik duti eksais dan cukai jualan ke atas teksi yang berusia lebih daripada tujuh tahun yang dijual atau ditukar milik;
- (iii) memansuhkan cukai jalan ke atas teksi bajet milik persendirian;
- (iv) pemberian subsidi kadar faedah 2 peratus ke atas pinjaman penuh untuk memiliki teksi buatan tempatan. Skim pinjaman ini diuruskan oleh BSN akan ditawarkan untuk tempoh dua tahun bermula 1 Januari 2012; dan
- (v) pemberian bantuan RM3,000 bagi melupuskan teksi lama yang berusia melebihi tujuh tahun tetapi kurang daripada sepuluh tahun. Bagi teksi yang berusia sepuluh tahun ke atas bantuan RM1,000 akan diberikan, bantuan ini ditawarkan bagi pembelian kereta baru buatan tempatan untuk tempoh dua tahun mulai 1 Januari 2012.

Kerajaan berharap dengan pemberian bantuan ini pemandu teksi dapat memberikan perkhidmatan yang lebih berkualiti, mesra pelanggan dan sekali gus menaikkan imej negara yang mesra pelancong. Bagi kesemua bantuan di atas setiap pemilik teksi bajet persendirian dijangka mendapat manfaat kira-kira RM7,560.00. pemberian bantuan kepada pemilik teksi bajet ini juga dipanjangkan kepada pemilik kereta sewa persendirian.

Mengiktiraf keupayaan wanita, kerajaan sentiasa mengiktiraf keupayaan wanita dalam bidang kepimpinan, kerajaan juga akan menjalankan program latihan bagi wanita yang berpotensi untuk diketengahkan sebagai pengarah syarikat dan mempergiatkan aktiviti *advocacy*, bagi menarik golongan profesional wanita untuk kembali ke pasaran pekerjaan kerajaan juga akan menyediakan program latihan yang bersesuaian, bagi melaksanakan program-program latihan ini kerajaan akan menyediakan peruntukan RM10 juta. Bagi terus merancakkan aktiviti ekonomi ini kepada usahawan kecil, TEKUN akan diperuntukkan sebanyak RM300 juta bagi tahun 2012, manakala Amanah Ikhtiar Malaysia pula akan menyediakan RM2.1 bilion untuk pembiayaan pinjaman mikro kepada usahawan terutamanya wanita.

Satu unit khas akan diwujudkan untuk menguruskan pinjaman dengan dana RM100 juta masing-masing kepada usahawan kaum India dan Cina, untuk mengurangkan kos pengendalian perniagaan kerajaan mencadangkan surat cara perjanjian pembiayaan mikro kredit diberikan pengecualian duti setem. Pada masa ini barah pangkal rahim, kanser serviks merupakan barah yang kedua tertinggi di kalangan wanita Malaysia. Bagi membolehkan lebih ramai wanita untuk mendapatkan kemudahan imunisasi, kerajaan akan menyediakan perkhidmatan suntikan percuma imunisasi HPV *Human Papillomavirus* yang akan dilaksanakan oleh Lembaga Pembangunan Perancang Keluarga Negara di seluruh negara. Kos imunisasi ini adalah RM150.00 bagi tiga suntikan dan untuk tujuan ini peruntukan RM50 juta akan disediakan pada tahun 2012.

Generasi muda perlu diperlengkap dengan latihan kemahiran untuk memastikan golongan ini dapat menyumbang dan merealisasikan wawasan negara, kerajaan akan memperuntukkan RM320 juta bagi menjalankan pelbagai aktiviti termasuk latihan kemahiran, program kepimpinan daya tahan dan keusahawanan di peringkat daerah dan negeri.

Selain itu juga kerajaan akan menubuhkan sebuah syarikat Modal Teroka *My Creative Venture Capital* dengan dana permulaan RM200 juta bagi membantu membangunkan idea-idea kreatif untuk golongan muda.

Manakala sebanyak RM200 juta lagi akan disediakan untuk latihan dan kemahiran belia yang tidak meneruskan pengajian persekolahan melalui program *Strategic Action for Youth* atau SAY 1Malaysia.

Memartabatkan sukan negara, bagi menggalakkan aktiviti sukan futsal, kerajaan akan menyediakan peruntukan RM15 juta bagi membina 150 gelanggang futsal tambahan agar matlamat 1Gelanggang 1Mukim dapat dicapai. Untuk sukan bola sepak kerajaan akan memperuntukkan RM50 juta bagi menyediakan kemudahan padang tiruan atau *artificial turf* yang dilengkapi dengan lampu limpah di 30 lokasi terpilih di seluruh negara. Program sukan berprestasi tinggi termasuk bola sepak, badminton, skuasy, boling, acara terjun, acara terjun, memanah dan lumba basikal juga akan diberikan tumpuan, untuk ini kerajaan akan menyediakan peruntukan tambahan RM30 juta bagi program mengasah bakat atlit muda supaya mereka dapat bersaing, berjaya dalam kejohanan sukan di peringkat antarabangsa.

Menghargai jasa warga emas tidak pernah dilupakan dan adalah kebajikan warga emas terutamanya untuk mereka mendapatkan kemudahan awam seperti perkhidmatan kesihatan dan pengangkutan. Mulai 1 Januari 2012, semua warganegara berumur 60 tahun dan ke atas akan dikecualikan cas pendaftaran pesakit luar di semua hospital dan klinik kesihatan termasuk Klinik 1Malaysia serta pergigian milik kerajaan mereka juga akan diberikan diskaun 50 peratus tambang LRT dan monorel. Bagi terus menjamin kesejahteraan rakyat di usia persaraan di samping mempromosikan skim persaraan swasta, kerajaan mencadangkan:

- (i) perlepasan cukai baru sehingga RM3,000 ke atas caruman dalam skim persaraan swasta dan anuiti insurans selama 10 tahun. Dengan ini pelepasan cukai sedia ada ke atas skim persaraan swasta dan anuiti insurans dirasionalkan;
- (ii) potongan cukai ke atas caruman majikan bagi pekerja dalam skim persaraan swasta; dan
- (iii) pengecualian cukai ke atas pendapatan dana skim persaraan swasta.

Kerajaan juga mencadangkan supaya caruman majikan dinaikkan daripada 12 peratus kepada 13 peratus bagi pencarum yang menerima gaji bulanan RM5,000 dan ke bawah dan langkah ini akan manfaatkan seramai 5.3 juta pencarum KWSP. Kerajaan akan memberikan nafas baru kepada kawasan pendalaman luar bandar termasuk kampung tradisional, rumah panjang dan kampung baru melalui program transformasi luar bandar dan RTP. Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM1 bilion untuk membina dan menaiktarafkan kemudahan seperti balai raya, surau, parit, jambatan kecil, lampu jalan termasuk memperbaiki rumah yang usang.

Meringankan kos sara hidup, Tuan Yang di-Pertua dalam usaha untuk terus meringankan belanja sehari-hari rakyat termasuklah dalam menyekolahkan anak-anak, kerajaan bercadang membuat pemberian tunai secara *one-off* atau sekali sahaja seperti berikut:

- (i) bantuan sebanyak RM500 kepada isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah. Ini meliputi individu yang berkahwin termasuk anak yang berkahwin dan tinggal bersama ibu bapa, ibu atau bapa tunggal yang mempunyai tanggungan, bujang yang mempunyai tanggungan dan warga emas sebatang kara seramai 3.4 juta isi rumah atau 53 peratus daripada jumlah keseluruhan isi rumah dijangka mendapat manfaat daripada bantuan ini. Pemberian ini melibatkan peruntukan sebanyak RM1.8 bilion dan bantuan ini akan disalurkan secara tunai;
- (ii) bantuan persekolahan RM100 diberikan kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah dari tahun satu hingga tingkatan lima di seluruh negara. Langkah ini telah dilaksanakan secara berperingkat dan dijangka dapat memberikan manfaat kepada kira-kira 5.3 juta pelajar serta melibatkan peruntukan RM530 juta; dan

- (iii) pemberian baucar buku bernilai RM200 kepada semua pelajar warganegara Malaysia di institusi pengajian tinggi awam dan swasta tempatan, matrikulasi serta pelajar Tingkatan 6 di seluruh negara, bantuan ini dijangka memberikan manfaat kepada kira-kira 1.3 juta pelajar dan melibatkan peruntukan RM260 juta.

Pendaftaran awal ibadah haji, kerajaan menyedari ramai golongan berpendapatan rendah menghadapi masalah untuk mendaftar dan mendapat giliran haji kerana tidak mempunyai tabungan yang minimum sebanyak RM1,300. Justeru bagi membolehkan bakal jemaah mendaftar untuk menunaikan ibadah haji, kerajaan membenarkan pencarum KWSP membuat pendaftaran awal melalui penghadangan atau *ring fencing* dengan izin, akaun dua pencarum sebanyak RM1,300. melalui kaedah ini wang pencarum sebanyak RM1,300 iaitu masih kekal dalam KWSP tetapi pencarum sudah boleh mendaftar giliran untuk menunaikan haji.

Kerajaan yakin penjawat awam akan terus mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dalam memastikan agenda pembangunan nasional menjadi kenyataan berdasarkan sokongan dan komitmen penjawat awam yang tidak ternilai dalam mencapai matlamat pembangunan negara, kerajaan mengumumkan tambahan bonus setengah bulan gaji dengan bayaran minimum RM500 dan bayaran bantuan RM500 kepada pesara kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Bajet 2012 meneruskan tradisi memberi keutamaan bagi membela rakyat dan menyejahterakan negara, adalah penting kita mencipta masa depan yang lebih cemerlang bagi setiap anak Malaysia. Masa depan yang penuh dengan harapan dan kemakmuran tanpa rasa takut dan dibenci.

Bajet 2012 juga membuktikan komitmen kerajaan untuk membantu rakyat di setiap pelosok negara dalam mengurangkan peningkatan kos sara hidup, kerajaan juga telah menyediakan pelbagai kemudahan dan bantuan di samping memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus kukuh.

#### ■1600

Saya berdoa ke hadrat Allah SWT agar negara tercinta ini terus dirahmati dan ia dianugerahkan dengan nikmat dan kemuliaan yang berkekalan. *Insya-Allah* kita mampu memacu Malaysia menjadi negara yang makmur dan sejahtera serta menjadi contoh yang berterusan kepada masyarakat dunia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, seorang yang menyokong.

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Datuk Maglin Dennis D'Cruz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2012 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sebelum saya membenarkan Ahli-ahli Yang Berhormat berbahas, izinkan saya memberi sedikit sebanyak peringatan bahawa Dewan ini akan mempunyai mulai hari ini sampai 15 Disember, hari Khamis untuk membahaskan rang undang-undang ini. Dalam hal ini saya memohon kerjasama semua Ahli Yang Berhormat yang ada di Dewan yang mulia ini supaya kemukakan, nyatakan kepada saya bila Yang Berhormat hendak berucap dan supaya senang saya hendak membuat peraturan caturan masa kerana buat hari ini saya hanya terima tiga nama sahaja iaitu pertama, Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman, Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar dan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali kerana saya buat catatan tadi bila hantar itu saya catatkan pukul dan jam berapa.

*So, first come, first serve. I like to be fair to everybody* dengan izin, dan saya ingin nyatakan kepada semua Ahli Dewan ini, tolong kemukakan kepada saya ataupun timbalan saya dan kita akan catatkan di sini bila Yang Berhormat hendak berucap. Pengalaman kita kebiasaan hari akhir esok semua hendak bercakap masa itu.

Masa sudah suntuk dan agaknya kadang kala itu hanya sepuluh minit sahaja. Terpaksa kerana kita duduk di sini, hendak mengawas masa itu amat susah. Kalau sekiranya dapat bekerjasama, saya akan buat congak, buat perkiraan berapa minit boleh saya hendak aturkan kepada semua Ahli Yang Berhormat berucap dan kalau lagi awal itu, lagi baik. Itulah harapan saya dan juga akhir sekali saya hendak minta kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang baru, saya pun hendak dengar Yang Berhormat berucap juga dan *your maiden speech*.

Akan tetapi ada juga yang menghantar kepada saya hendak tetapkan waktunya. Itu tidak dapatlah. Saya cuba, tarikh itu saya akan cuba benarkan tetapi hendak tetapkan waktu kerana ada *audience* dia, itu tidak boleh. *This is a Dewan agaknya kita terpaksa.* Akan tetapi masa, waktu, tarikh itu saya akan cuba benarkan tetapi hendak tetapkan pukul 2, pukul 3, itu tidak bolehlah kerana kadangkala kita termakan masa agaknya kepada rakan-rakan yang bercakap itu lebih sedikit. Itu boleh saya bantu dan timbalan saya pun akan bekerjasama tetapi saya mohon kerjasama daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat juga.

Saya berhasrat kalau boleh semua Ahli Yang Berhormat akan berucap tetapi cuba kemukakan kerjasama dengan saya. Sekarang tanpa membuang masa lagi, saya mempersilakan yang pertama sekali, yang menghantar nama pertama sekali tadi Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman. Selepas itu, Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar dan seterusnya Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali yang mengatakan hari ini dia hendak berucap. Tiga-tiga kalau masa itu agak suntuk dan buat masa ini kita cuba bagi masa lebih sedikit dan kita akan tamatkan Dewan kita ini pada jam 5.30 petang kerana Yang Berhormat semua mungkin hendak balik ke kawasan dan sebagainya, itu sebabnya hari ini kita tidak perlu sampai malam. Dipersilakan Yang Berhormat.

#### **4.04 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang sebagai pembahasan pertama sebab saya bagi nama awal untuk membahaskan Akta Perbekalan 2012 yang telah dibentang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan melalui Bajet 2012 di Dewan Rakyat baru-baru ini dan yang baru dibaca oleh Timbalan Menteri Kewangan daripada Bachok sebentar tadi.

Bajet berjumlah RM232.8 bilion ini bertemakan Dasar Transformasi Nasional, Bajet Membela Rakyat, Mensejahtera Negara. Untuk melaksanakan berbagai-bagai projek dan program di bawah *rolling plan* kedua, *National Key Economic Areas, National Key Result Areas* dan *Strategic Reform Initiatives*, dengan izin.

Matlamat utama Dasar Transformasi Nasional ini bukan sahaja untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi Malaysia, tetapi yang lebih utamanya kesejahteraan rakyat secara menyeluruh. Syabas saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak di atas pembentangan bajet yang begitu komprehensif. Untuk memberi laluan kepada kawan-kawan Yang Berhormat yang lain, pembahasan saya akan menyentuh empat topik utama sahaja dan akan mengambil masa tidak lebih daripada 10 ataupun 15 atau 20 minit.

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

Pertama ialah berhubung dengan masalah pemilikan rumah dan Dasar Perumahan Negara iaitu *my favorite topic*lah. Saya menyokong hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan untuk memastikan lebih ramai golongan berpendapatan rendah dan sederhana mampu memiliki rumah dengan membina lebih banyak rumah mampu milik bagi golongan ini seperti projek PR1MA. Kerajaan telah melancarkan Skim Rumah Pertamaku pada Mac 2011 dan telah menubuhkan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) untuk membangunkan perumahan mampu milik berkualiti khusus untuk memenuhi keperluan golongan berpendapatan sederhana.

Cuma saya berharap untuk memastikan hasrat kerajaan tercapai, pihak kerajaan perlu menimbang untuk memperkenalkan mekanisme masa kediaman minima atau *minimum occupancy period* yang akan dapat memastikan pembeli-pembeli akan terus tinggal di rumah-rumah yang dibeli. Mekanisme ini juga akan dapat mengelakkan aktiviti spekulasi dan juga mengelakkan daripada pembeli-pembeli menyewakan unit-unit rumah yang telah dibeli.

Untuk memastikan kadar pemilikan rumah yang tinggi dan mengelakkan spekulasi harta tanah, saya mencadang mewajibkan pembeli rumah-rumah yang dibina atau mendapat kemudahan kerajaan seperti projek-projek di bawah Skim Rumah Pertamaku dan juga PR1MA mendiami rumah-rumah itu pada tempoh masa sekurang-kurangnya lima tahun sebelum rumah itu disewa atau dijual. Skim seumpama ini akan dapat memastikan golongan sederhana terus memiliki rumah-rumah mereka dan juga akan mengurangkan harga harta tanah naik berterusan.

Bila bercakap berhubung dengan masalah perumahan, kita tentu sedar bahawa topik yang selalu dibincangkan bahkan dibincangkan pagi ini ialah masalah projek-projek yang terbengkalai, yang menjelaskan beribu-ribu pembeli dan keluarga sehingga banyak di antara pembeli rumah-rumah ini diisytiharkan muflis. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada menyatakan bahawa tindakan telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini. Di antaranya menyenaraikan hitam 1,000 pemaju perumahan dan hampir 5,000 pengarah syarikat perumahan.

#### ■1610

Juga pemaju-pemaju perumahan akan dikenakan denda yang lebih tinggi dan dipenjara jika terlibat atau menyebabkan projek-projek terbengkalai. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga ada menyebut untuk melindungi pembeli. Kerajaan menggalakkan lebih banyak pembinaan rumah menggunakan kaedah bina kemudian jual berbanding dengan kaedah jual sebelum pembinaan yang lazimnya diperlakukan oleh hampir semua pemaju perumahan di negara kita pada masa ini.

Kita difahamkan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 83 projek perumahan yang terbengkalai telah dapat diselesaikan dan peruntukan sebanyak RM63 juta telah diperuntukkan dalam Bajet 2012 untuk memulihkan 1,270 unit rumah dalam tahun 2012. Tindakan-tindakan ini amatlah dihargai dan ia menunjukkan betapa prihatinnya kerajaan terhadap masalah rakyat.

Akan tetapi, saya difahamkan ada lagi lebih kurang 50,000 keluarga di seluruh negara yang terjejas dengan projek rumah terbengkalai yang masih tidak dapat diselesaikan. Sungguhpun kebanyakan masalah adalah bersangkutan paut dengan masalah kewangan, tetapi ia juga ada terlibat dengan masalah-masalah lain seperti perundungan, perjanjian jual beli, perjanjian pinjaman dan perjanjian pembinaan. Saya fikir untuk mengatasi masalah ini, sudah tiba masanya kerajaan menggubal undang-undang memberi kuasa kepada kerajaan mengambil alih projek-projek ini ala Skim Dana Harta yang pernah diperkenalkan semasa kegawatan ekonomi dahulu.

Undang-undang seperti ini akan membolehkan pihak berkuasa berunding terus dengan pemaju, pembeli dan institusi kewangan untuk mencari penyelesaian secara *win-win* kepada semua pihak. Sementara memikirkan masalah projek-projek perumahan yang terbengkalai, kerajaan harus juga memikirkan masalah-masalah projek-projek komersial yang terbengkalai sehingga lima tahun atau sepuluh tahun sehingga projek-projek ini menjelaskan imej satu-satu bandar di Malaysia. Ada di antaranya menjadi sarang-sarang penjenayah dan membabitkan masalah kepada tuan-tuan tanah di sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, topik saya yang kedua ialah soal pemantauan istimewa pula projek-projek yang dibiayai oleh kerajaan. Pihak kerajaan telah memperkenalkan berbagai-bagi projek untuk menaik taraf kehidupan rakyat terutamanya golongan penduduk berpendapatan rendah dan di luar bandar. Bagi tahun 2012, Projek Paket Rancangan Khas berjumlah RM6 bilion akan dilaksanakan dan dibiayai melalui *private financing initiative*, dengan izin.

Beberapa projek telah dikenal pasti seperti pembinaan dan penyelenggaraan sekolah termasuk pembinaan blok baru, menaik taraf hospital, rancangan tambatan banjir, menaik taraf infrastruktur di luar bandar serta pembinaan perumahan rakyat termasuk perumahan golongan nelayan dan golongan berpendapatan rendah.

Untuk memastikan projek-projek ini mencapai objektif yang telah ditetapkan, adalah perlu untuk kerajaan mengenal pasti *Key Performance Indicators* (KPI) bagi setiap projek ini. KPI ini juga akan berfungsi sebagai mekanisme pemantauan untuk memastikan setiap projek memberi faedah kepada golongan yang disasarkan. Langkah pemantauan yang bercorak proaktif adalah perlu bagi memastikan projek-projek yang dibiayai oleh kerajaan akan mencapai matlamat yang ditetapkan dan juga untuk mengelakkan kegagalan yang dialami oleh beberapa projek yang pernah dibiayai sebelum ini.

Penerima mestilah dipertanggungjawabkan supaya mencapai KPI dengan meletakkan tahap pencapaian setiap bulan dan suku tahun yang akan diawasi oleh agensi yang berkenaan. Sebagai contohnya bagi projek menaik taraf hospital, sekiranya peruntukan telah disediakan sebanyak RM200 juta untuk menaik taraf lima buah hospital pada tahun 2012 dengan anggaran RM40 juta bagi setiap hospital, adalah perlu bagi agensi yang menyalurkan pakej ini untuk mengenal pasti beberapa KPI yang perlu dicapai dalam tempoh ini bagi setiap hospital yang akan dinaiktarafkan dan mengadakan *follow-up* dari semasa ke semasa supaya jumlah RM40 juta itu digunakan dengan sebaiknya.

Sebagai insentif untuk memastikan kos dikawal, hospital yang dapat mengurangkan perbelanjaan akan menerima ganjaran dalam satu bentuk yang akan menggalakkan budaya *prudent spending* dengan izin, bagi projek-projek yang akan dibiayai oleh kerajaan. Dengan tercapainya KPI ini yang telah ditetapkan, rakyat akan dapat menyaksikan lima buah hospital yang telah dinaiktarafkan bagi tahun 2012 dan seterusnya dapat menikmati kemudahan ini.

Ingin saya tegaskan sekali lagi, untuk memastikan setiap sen yang dibelanjakan membawa faedah kepada rakyat, pengurusan nilai mestilah diamalkan bagi setiap projek di bawah pakej ini sebagaimana yang biasa diamalkan bagi projek baru bernilai RM50 juta ke atas. Apabila bercakap berhubung dengan pemantauan, perkara yang amat relevan dan berkaitan ialah Laporan Ketua Audit Negara. Setiap tahun kita menerima laporan dan setiap tahun ia di bahas. Tahun hadapan kita terima laporan dan sekali lagi kita akan bahas. Masalahnya hampir sama iaitu bersangkut paut dengan penyalahgunaan kuasa dan kecuaian oleh pihak yang berkenaan.

Sementara kita semua berterima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan yang telah menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan tanggungjawab, kita berharap tindakan sewajarnya diambil ke atas segelintir mereka-mereka yang telah menyeleweng dan menyalahgunakan kuasa. Dengan wujudnya pasukan pemantauan yang bercorak proaktif, maka adalah diharapkan kita dapat mengurangkan masalah-masalah yang timbul seperti yang dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Tuan Yang di-Pertua, topik saya yang ketiga ialah berkenaan dengan menggalakkan industri pelancongan dengan memberi peluang kepada pembeli dan pelabur bangsa asing untuk memiliki harta tanah melabur di tapak yang berpotensi tinggi untuk menarik aktiviti pelancongan dan juga untuk membangunkan projek pelancongan yang mempunyai nilai strategik kepada masyarakat tempatan.

Seperti yang telah dibentangkan di dalam Bajet 2012, sebanyak RM420 juta akan diperuntukkan bagi membangunkan semula Pulau Langkawi. Pelan Induk Lima Tahun Pembangunan Pelancongan Langkawi akan dilancarkan dan di antara inisiatif yang akan dilaksanakan ialah menyusun semula Lembaga Pembangunan Langkawi, penubuhan pasukan *ranger* hutan, menaik taraf muzium, kawasan pantai dan perniagaan serta menyediakan sistem pengangkutan yang lebih efisien.

Pada pandangan saya, oleh sebab Pulau Langkawi sudah ternama di tahap antarabangsa sebagai destinasi pelancongan, pembangunan bertaraf antarabangsa perlu dikaji supaya rakyat tempatan dapat menerima faedah yang lebih besar dari segi memajukan tanah milik mereka dan juga dapat melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan untuk memenuhi kehendak-kehendak pelancongan tempatan dan juga antarabangsa.

■1620

Seperti yang kita sedia maklum, ada beberapa sekatan dikenakan ke atas pembelian oleh warga asing di Langkawi. Sekatan-sekatan ini telah dilihat sebagai *unfriendly*, dengan izin, kepada pelabur-pelabur asing. Sebagai contohnya, pemilik tanah yang mempunyai sebidang tanah menghadap pantai tidak akan dapat memajukan tanahnya untuk membangunkan *resort villa* misalannya, sekiranya 50 peratus daripada unit yang akan dimajukan mesti dijual kepada penduduk tempatan.

Thailand telah berjaya dalam industri pelancongan disebabkan di antara lain, penglibatan pelabur asing di kawasan-kawasan pelancongan yang strategik. Sebagai contoh, di mana pelabur asing tidak dibenarkan ataupun ditawar untuk membeli unit-unit secara *freehold*, dengan izin, mereka dibenarkan untuk menyewa selama 30 tahun dan mengandungi syarat-syarat pembaharuan. Memandangkan jumlah RM420 juta yang akan dilaburkan adalah jumlah yang besar, amat perlu bagi kerajaan tempatan mengkaji semula sekatan yang dikenakan kepada pembeli dan pelabur asing bagi membeli harta tanah dan juga membangunkan projek pelancongan di Pulau Langkawi. Infrastruktur yang canggih perlu juga dilengkapi dengan insentif-insentif yang dapat merancakkan industri pelancongan di Pulau Langkawi agar masyarakat tempatan berpeluang untuk mengambil bahagian.

Akhir sekali Yang Berhormat Tuan Penggerusi, saya ingin dengan secara ringkas memberi sedikit pandangan berhubung dengan perancangan kerajaan meliberalisasikan subsektor perkhidmatan untuk meligat pelaburan termasuk perkhidmatan perundingan. Sebagai seorang yang berkecimpung di dalam bidang perundingan, saya menyokong penuh perancangan ini memandangkan sektor perkhidmatan mencatat hampir 58 peratus kepada KDNK.

Oleh sebab itu misalannya, Dewan ini telah meluluskan Rang Undang-undang Penilai Pentafsir dan Agen Hartanah di dalam sesi yang lepas untuk membolehkan ekuiti syarikat-syarikat perundingan harta tanah dimiliki bukan sahaja mereka yang tidak berdaftar sebagai juru nilai atau agen harta tanah tetapi juga kepada syarikat-syarikat dari luar negara. Di dalam memperkenalkan dasar liberalisasi ini, saya minta Menteri Kewangan II dan Lembaga Penilai Pentafsir dan Agen Hartanah supaya janganlah mengetatkan syarat-syarat kepada firma-firma tempatan untuk berkembang dan membuka cawangan. Iktuthi semangat Bajet 2012 di mana dana sejumlah RM100 juta telah diperuntukkan secara pinjaman mudah untuk golongan profesional membuka firma di pekan-pekan kecil.

Satu lagi perkara ialah sambil membenarkan ekuiti ini dipegang oleh firma-firma luar negara, mereka mestilah dikenakan syarat-syarat yang sama seperti syarat-syarat yang dikenakan kepada firma tempatan. Misalannya, syarat di mana seseorang itu tidak boleh melabur di dalam lebih daripada satu firma untuk mengelak *conflict of interest*, dengan izin. Juga syarat-syarat lain seperti pendaftaran dengan Lembaga Kepakaran serta kelayakan profesional mestilah dipatuhi.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib selaku Menteri Kewangan di atas pembentangan Bajet 2012 yang begitu komprehensif di mana semua lapisan rakyat mendapat faedah. Dengan kerjasama semua pihak termasuk pegawai-pegawai kerajaan, ahli-ahli politik dan wakil-wakil rakyat serta rakyat jelata, *insya-Allah* hasrat Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib dan kita semua untuk menjadi negara Malaysia yang tercinta ini negara berpendapatan tinggi dan negara maju menjelang tahun 2020 akan tercapai, *insya-Allah*. Sekian, terima kasih. Saya pohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar. Selepas itu minta bersedia Yang Berhormat Dr. Syed Husin.

#### **4.25 ptg.**

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** *Bismillahi Rahmaniir Rahiim. Saya mahu mulakan perbahasan saya dengan satu ayat yang berbunyi... [Membaca sepotong ayat al-Quran]*

Maksudnya, “*Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan, pemilik rumah ini yakni Kaabah yang telah memberi makan kepada mereka untuk menghilangkan lapar dan mengamankan mereka daripada ketakutan*”. Ayat empat daripada Surah Al-Kautsar ini ialah yang dibaca oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia selaku Menteri Kewangan dalam penggulungan bajet beliau menandakan iaitu negara ini menuju sebuah kehidupan dalam suasana keamanan, kemakmuran, kesepaduan dan kesejahteraan. Jelas, bukan tidak jelas. Jelas daripada surah.

Oleh sebab itu, saya sangat kagum dan berterima kasih, bukan saya bernama hanya penyokong kerajaan tetapi saya bernama seorang insan yang rasional. Jadi, kita baru tadi disokong kenyataan ini oleh Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin iaitu hakikatnya negara ini daripada sebuah negara yang miskin, daripada sebuah negara watan, pertanian, bertukar menjadi sebuah negara industri moden. Tahniah dan syabas kepada Kerajaan BN.

Walau apa pun, kita tengok satu persatu. Pertama, prestasi dan cabang ekonomi. Dikatakan pelabur asing datang ke sini sudah lama dan terus meningkat. FDI meningkat, berkembang enam kali ganda kepada RM29 bilion pada tahun 2010, yang tertinggi di Asia Tenggara. Pembangkang tidak boleh nafikan. Hakikatnya, Malaysia nombor satu dalam Asia Tenggara. Tahniah sekali lagi kepada BN. Mahu tepuk, tepuklah. Tengok sahaja.

Jadi, apa yang saya minta ialah supaya pelabur asing ini meratakan bahagian ekonominya atau pelaburannya, bukan sekitar bandar besar sahaja seperti Penang, Kuala Lumpur, Johor Bharu, tidak. Saya minta baiki balik. Mesti mahu tengok balik supaya pelabur ini berkembang juga kepada negeri yang miskin atau negeri-negeri yang kurang maju seperti Terengganu, Pahang, Kedah, Perlis, hatta Kelantan pun. Tanpa mengira fahaman politik. Oleh sebab pelaburan memberikan kita pekerjaan dan merancakkan pertumbuhan ekonomi. Saya sudah baca kedudukan pelabur-pelabur melalui MITI, tidak sampai sepuluh. Kalau 200 orang pelabur datang setahun, tidak sampai sepuluh pergi ke negeri-negeri Pantai Timur.

#### **■1630**

Ini juga kerajaan mesti tengok, mesti cek dan semak. Itu pertama. Kedua, saya ingat kagum bilamana ekonomi kita berkembang dan dianggarkan pada tahun 2010 berkembang di antara lima hingga 5.5 peratus. Ini terbaik. Akan tetapi, bagi pembangkang khususnya dia kata tidak baik sebab macam-macamlah sebab. Saya kata baik sebab ekonomi dunia berkembang kepada 4 peratus sahaja tidak lebih purata. Manakala perdagangan dunia kepada 5.9 peratus sahaja. Jadi kita tengok negara kita berkembang yang kita minta ialah tidak adanya ganggu gugat daripada pihak-pihak atau anasir-anasir jahat, subversif dan tidak bertanggungjawab seperti perhimpunan Bersih baru-baru ini yang dikettuai oleh Ambiga. Disokong oleh PAS, disokong oleh DAP, disokong oleh PKR semua ini pengacau. Sebab apabila mereka kacau ekonomi kita *slow*, pelabur takut betul. Betul?

**Seorang Ahli:** Betul.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Jadi ketakutan ini tidak perlu dimunculkan dalam suasana hasrat kerajaan, hasrat Perdana Menteri, hasrat kita untuk merancakkan ekonomi, meningkatkan negara kepada negara yang maju menjelang tahun 2020. Kedua, saya hendak sebut juga dalam *Second Rolling Plan*. Dalam *Second Rolling Plan*, ada disebutkan sebanyak RM98.4 bilion diberikan. Menumpukan kepada projek-projek utama. Pertama projek landasan kereta api berkembar Gemas ke Johor Bahru. Kedua, projek Lebuhraya Pantai Timur Jabor ke Kuala Terengganu. Lebuhraya Pantai Barat, Banting-Taiping, Lebuhraya Segamat-Tangkak dan Lebuhraya *Central Spine* serta pembinaan jalan Kota Marudu ke Kota Ranau dan pembangunan semula Pangkalan Udara Sungai Besi Kuala Lumpur.

Saya hendak sebut pertama biarlah semua projek-projek ini siap dalam tempoh yang ditetapkan. Kalau lebih pun tiga bulan, dua bulan okeylah. Kalau sudah setahun, dua tahun cemar imej kita. Contoh, lebuh raya Pantai Timur yang jangka siap tahun ini. Siap tetapi yang siap hanya satu pakej sahaja daripada Bukit Besi ke Bukit Payung itu sahaja. Yang lain-lain dalam pembinaan. Yang tidak siap lagi kena siap. Contoh, pakej empat. Kedua, pakej tujuh. Ketiga, pakej 1A. Kena siap. Tidak boleh kata kita tidak ada duit sedangkan kita ada duit tetapi *move* ke lain tempat. Ini tidak baik.

Rakyat memerhatikan kita punya janji kena buat. Oleh itu, saya menyeru kepada pihak berkuasa agar Lebuhraya Pantai Timur menjadi kenyataan dan siap pada tahun ini juga. Kedua, rancangan untuk pembangunan semula Pangkalan Udara Sungai Besi. Ini tempat tanah yang amat-amat baik, yang amat-amat strategik, yang besar lebih besar lagi bekas Penjara Pudu maka saya syorkan buat betul-betul. Supaya canggih lebih canggih daripada Sogo, lebih canggih daripada KLCC, lebih canggih daripada Kuala Lumpur Sentral. Ada bangunan premis perniagaan, perumahan, penempatan *one stop centre*. Keduanya, saya hendak minta supaya semua kaum masuk ke dalam. Bukan satu kaum sahaja seperti di setengah-tengah *shopping complex*.

Orang Tionghoa, Cina sahaja tidak baik. Melayu pun kena masuk, India pun kena masuk, Kadazan, Iban kena masuk. Sebut perniagaan saya tidak mahu satu kaum sahaja monopoli. Sedangkan kita konsep 1Malaysia. Bab niaga kena campur, bukan satu kaum sahaja. Bukan orang Melayu sahaja, bukan orang Cina sahaja kena campur. Oleh itu, tanah yang berharga ini tanah di Lapangan Terbang Sungai Besi kena betul-betul cari kaedah supaya satu fizikalnya teratur, kemas, komprehensif. Kedua, melibatkan semua kaum di Malaysia.

*Point* saya yang seterusnya ialah pusat kewangan antarabangsa Kuala Lumpur. Saya sokong. Kedua, biarkan pasaran modal kewangan Islam. Saya pun sokong tidak ada hendak bahas.

Keempat, saya minta FELDA yang disenaraikan di Bursa Saham Utama teruskan, tahniah FELDA. Cuma saya hendak tegur sikit. Ada pihak-pihak yang tertentu kata FELDA ini bankrap. Kalau bankrap mana dia hendak senaraikan ke bursa saham, betul tidak? Jadi sudahlah. Kalau tidak ada modal jangan cakap lah. Kalau bangang sangat, kalau tidak tahu sangat jangan usik FELDA. Kedua, saya hendak minta FELDA buka lagi tanah-tanah baru, penempatan baru. Kalau FELDA sudah berjaya, sudah mampu jadi satu kaum yang berjaya minta buka lagi. Minta besarkan lagi. Itu permintaan saya.

Seterusnya saya hendak sentuh amanah pelaburan harta tanah. Ya, pihak kerajaan lancar. Akan tetapi faedah yang diterima oleh pelabur-pelabur sungguh kecil. Hanya 4 peratus lebih sahaja. Lebih rendah daripada AirAsia, lebih rendah daripada ASB maka amanah pelaburan harta tanah telah layu, tidak ada sambutan. Jadi kena kaji balik amaun, dividen, bonus, *interest* terhadap amanah pelaburan harta tanah.

Seterusnya sektor pelancongan. Saya sokong Langkawi ditambah sebanyak RM420 juta untuk *upgrade* mana-mana muziumkah, renjer hutankah, pantaikah dan pengangutankah? Akan tetapi, saya minta sungguh-sungguh sektor pelancongan pulau bukan sahaja hanya tertumpu pada Langkawi sahaja.

#### ■1640

Banyak lagi pulau-pulau yang cantik. Contohnya seperti Pulau Redang dan Pulau Perhentian. Lagi cantik daripada Langkawi. Tidak percaya semua Senator pergi sana. Ini termasuk juga Pulau Tioman. Oleh itu, kita minta kerajaan tumpukan juga kepada Pulau Redang, Pulau Perhentian, Pulau Tioman termasuk kawasan saya Marang iaitu Pulau Kapas.

Seterusnya saya hendak cakap juga bab Orang Asli. Saya cukup sedih. Dahulu Orang Asli merupakan golongan yang miskin sekali. Purata Orang Asli miskin lebih daripada 53 peratus. Kasihan dia. Saya campur Orang Asli di Rompin. Pergi rumah dia, pergi makan bersama dia. Rumah mereka kecil, anak sekolah bagus dan ada yang pandai komputer. Akan tetapi rumah mereka cukup daif, tanah mereka pun dikacau, tidak ada hak milik. Hak dia pun orang ambil.

Oleh itu saya minta supaya rumah-rumah Orang Asli yang moden dan selesa perlu dibina lagi, itu pertama. Kedua, tanah-tanah Orang Asli kena gazet. Kena beri hak milik. Betul wakil Orang Asli?

**Tuan Mohammad Olian bin Abdullah:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Kuat sikitlah. *Slow* macam... Jadi Orang Asli kena – sila.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Minta laluan, okey terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi Yang Berhormat bercakap mengenai Orang Asli. Orang Asli selama ini dijaga oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli selama 50 tahun lebih. Seperti Yang Berhormat pun cakap keadaan Orang Asli sangat susah hati tengok. Jadi bolehkah kita anggap bahawa Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah *let down* masyarakat Orang Asli. Kita mesti hapuskan jabatan ini dan mereka jadi bebas seperti masyarakat-masyarakat lain. Apa pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Saya sudah hendak sampai ke situ, akan tetapi Yang Berhormat cepat sangat. Akan tetapi tidak apa. Saya lihat jumlah Orang Asli banyak iaitu berjumlah 190 ribu orang. Kerajaan beri RM90 juta pada Orang Asli. Akan tetapi saya syorkan supaya Jabatan Orang Asli *reform* kembali. Transformasi perlu berlaku dan perlu *check* balik. Perlu semak balik, kena ubah suai balik, kena ubah suai sesuai dengan perkembangan semasa, setuju?

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Yang Berhormat, satu?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh, boleh.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih. Yang Berhormat, peruntukan yang diberi kepada Orang Asli. Berapa peratus daripada peruntukan ini digunakan untuk pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Saya sangka bahawa kebanyakannya ialah untuk satu *administrative cost* untuk Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Jadi ini tidak turun bawah. *Not given to the Orang Asli*. Jadi itulah sekali lagi pada pendapat saya jabatan tidak *uplift its purpose*. Bolehkah kita cadang bahawa ia dihapuskan? Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Saya tidak setuju dihapuskan. Ditambah kebaikan saya *agree*, saya setuju. Hendak hapus tidak boleh. Kalau hendak di *upgrade* boleh, ditingkatkan, dibaiki, ditambah baiki, itu boleh. Setuju dengan saya? *Okay, thank you*.

Satu lagi *point* saya mentransformasikan perkhidmatan awam. Orang-orang makan gaji dengan kerajaan sekarang ini jumlahnya 1.3 juta. Banyak itu. Kerajaan bagi macam-macam. Gaji naik, jawatan naik. Yang Berhormat Menteri kata membiayai pelajaran, pendidikan. Akan tetapi saya tidak setuju dengan seorang pembangkang DAP daripada Perak iaitu Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming. Beliau kata kalau DAP berkuasa dia hendak buang separuh. *You* tahu separuh banyak mana, sebanyak 80,000 orang. Kita hendak buat kebaikan. Sekolah hendak bina, hospital hendak buat, bangunan baru hendak buat. Banyak lagi Rancangan Malaysia Kesepuluh, Rancangan Malaysia Kesebelas hendak berkembang.

Kita perlukan pakar-pakar seperti doktor, *lawyer*, guru, saintis, angkasawan, *geologist* dan lain-lain. Adakah logik si DAP hendak buang separuh. Logikkah? Jawablah, kalau hendak jawab. Kalau tidak hendak jawab dia duduk diamlah... *[Ketawa]*

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, pemimpin DAP yang menyatakan begitu beliau tidak cakap bahawa mahu kurangkan separuh. Beliau menyatakan bahawa perlu dikurangkan. Bukan berapa banyak, itu tidak dikatakan oleh beliau, terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Kata separuh, *you* tidak ingat... *[Ketawa]* Tidak apalah *you* lupa. Kalau tidak separuh pun hendak kurang juga. Kita hendak tambah, *you* hendak kurang. Macam mana?

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya tambah?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Mengikut pandangan saya, Yang Berhormat timbulkan niat pemimpin DAP yang berangan-angan hendak berkuasa itu ingin mengurangkan saiz perkhidmatan awam, pada pandangan Yang Berhormat apa yang mendorong individu pemimpin DAP berkenaan bercakap begitu. Apa? Adakah kerana beliau nampak sebahagian besar daripada kakitangan awam itu adalah orang Melayu maka apa sahaja mengenai orang Melayu haruslah dikurangkan dan disabotaj. Tidak tahu saya. Saya hendak tahu pandangan daripada Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Saya fikir itulah hendak kurangkan orang Melayu. Beliau sakit hati benar dengan orang Melayu. Bukan semua DAP. Ada bagus macam-depan ini...

**Tuan Khoo Soo Seang:** [Bangun]

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Dua-dua pun bagus... [Ketawa]

**Tuan Khoo Soo Seang:** Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Ayahanda Syed Husin pun bagus... [Ketawa]

**Tuan Khoo Soo Seang:** Yang Berhormat boleh saya minta mencelah?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Ya.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah pihak yang kata bahawa bilangan anggota kakitangan kerajaan terlampaui banyak di Malaysia? Adakah mereka sedar bahawa di negara asing cikgu bukan kakitangan kerajaan, askar pun bukan, polis pun bukan.

Jadi beliau tidak boleh bandingkan satu perkhidmatan yang banyak jenis perkhidmatan dengan negara luar. Yang banyak perkhidmatan sebenarnya bukanlah kakitangan kerajaan. Kalau kita tolak cikgu, askar dan polis mungkin bilangan kakitangan awam Malaysia bukan begitu banyak.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Betul juga. Jadi DAP cakap tidak fikir, otak kurang gunalah. Ada otak tapi tidak guna. Sorrylah DAP.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Boleh minta mencelah?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh.

■1650

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta izin ya.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak izinkan lagi.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, nisbah *civil service* dengan *population*. Malaysia adalah yang paling tinggi berbanding dengan negara-negara yang lain. Oleh sebab itu— memang itu satu pandangan. Jadi apakah tindakan bergantung kepada kerajaan. Pandangan seseorang adalah nisbah yang paling tinggi di dunia. Kerajaan sekarang pun bajet kita pun defisit dan juga pencen dan juga banyak lagi kos perlu ditanggung. Jadi itulah pandangannya. Akan tetapi keputusan akhirnya adalah kepada kerajaan yang memerintah, terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Yang Berhormat salah baca *figure*. Sebanyak 1.3 peratus daripada RM28 juta hanya 0.5 peratus nisbah. You tengok kalau tidak percaya. Berapa? Amerika Syarikat berapa? *More than 1 percent* negara Australia, New Zealand, you ambil *figure* mana ini?... [Ketawa] *Figure* ini tidak betul Yang Berhormat. Kita bercakap dengan fakta, bukan dengan emosi. Bukan dengan gambar, cacamerba sahaja. Tidak, tidak, tidak. "Nahi, nahi khabi nahi" ... [Ketawa] dengan izin.

*Point* saya, subsidi barang asas dan bantuan. Kita sudah lama buat negara kebajikan. Macam-macam kita tolong. Semenjak merdeka iaitu pada tahun 1957, cukup dulu, sabar. Sehingga sekarang 50 tahun lebih kita adalah negara kebajikan. PAS baru sedar, baru bangun. Dahulu negara Islam. Takut DAP, negara kebajikan hendak ambil hati sahaja. Sekali lagi prinsip berubah, daripada negara Islam kepada negara kebajikan. Akan tetapi malangnya semua Barisan Nasional sudah buat. Hendak bukti? Saya baca bukti:

- (i) bagi setiap kilogram beras super tempatan. Harga asal RM2.40 sen. Rakyat hanya bayar RM1.80 sen. Oleh itu subsidi kerajaan berjumlah 60 sen atau 25 peratus daripada harga sebenar. PAS ada buat? PAS baru hendak buat, kita sudah lama buat. Itu contoh pertama;
- (ii) bagi setiap kilogram gula. Harga asal RM2.50 sen. Rakyat hanya bayar RM2.30 sen sahaja. Subsidi kerajaan 20 sen atau 8 peratus daripada harga sebenar;
- (iii) bagi minyak masak, harga asal RM4.75 sen. Rakyat hanya bayar RM2.50 sen. Subsidi kerajaan RM2.25 sen atau 47 peratus; dan
- (iv) bagi gandum harga asal RM1.90 sen. Rakyat bayar RM1.35 sen. Subsidi kerajaan 55 sen atau 29 peratus.

Kesimpulannya, kita kerajaan sudah lama beri kebajikan termasuk DAP, PAS dan PKR semua makan subsidi. Itu makanan. Minyak pula, bagi satu liter minyak petrol RON95, harga asal RM2.75 sen. Rakyat hanya bayar RM1.90 sen sahaja. Subsidi kerajaan 85 sen atau 31 peratus. Adakah PAS bayar penuh? Adakah kita bayar separuh? Baik PAS, UMNO, DAP dan baik apa-apa parti sekalipun semua alami subsidi kerajaan. Betul, betulkah? Jawablah! Betul. Tidak hendak jawab dia takutlah... *[Ketawa]*

Jadi subsidi kerajaan menggambarkan betapa prihatinnya begitu juga harga gas, diesel saya tidak hendak baca. Semua subsidi daripada Barisan Nasional. Jadi apalah malangnya kerajaan PAS di Kelantan. Dia hendak cakap subsidi kerajaan, akan tetapi air di Kelantan pun tidak boleh selesai. Penyakit teruk, penyakit rosak gigi yang terbanyak di Kelantan. Maaf, Yang Berhormat Kelantan.

Akan tetapi saya bercakap atas fakta. Kalau lah hendakkan kebajikan air di Kelantan saya dulu. Ini hendak minta air daripada Kerajaan Persekutuan, daripada kerajaan Barisan Nasional. Kerajaan Barisan Nasional Pusat hantar subsidi tiap tahun sebanyak RM700 juta. Masa cenderung padi, masa tabur padi, letak kafir, Yahudi, Israel akan tetapi air yang dia pakai air kerajaan. Subsidi daripada kerajaan. Kerajaan sudah lama beri bentuk bantuan barang asas dan subsidi.

Itulah kerajaan Barisan Nasional. Bukan cakap sahaja. Akan tetapi melaksanakan cakap. Okeylah saya beralih kepada *point* lain. Perumahan rakyat berkualiti. Saya sokong Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman. Banyak rumah dibina, akan tetapi banyak juga yang pemaju menipu kerajaan. Buat tidak siap, buat tidak siap. Yang Berhormat kata tadi tidak kurang daripada 500 projek yang terbengkalai. Ini termasuk saya. Bayar duit rumah tidak siap. Banyak.

Jadi, saya syorkan supaya Kementerian Perumahan dan Tempatan bagilah lesen kepada pemaju-pemaju yang berkualiti, berwibawa, amanah dan bertanggungjawab. You tidak usah baca, you tidak usah bagi yang temberang, bohong, penipu. Saya syorkan supaya pemaju-pemaju perumahan yang tidak siap perumahan, sedangkan rakyat bayar, pinjam duit bank. *Interest* bank berjalan tetapi rumah tidak siap-siap. Tiga tahun, empat tahun, lima tahun, enam tahun, tujuh tahun, lapan tahun. Saya sudah lapan tahun tidak siap rumah. Ini supaya kerajaan:

- (i) *blacklist*; dan
- (ii) ambil tindakan saman hantar ke mahkamah. Penjarakan mereka, padan muka.

Penipu ini. Ini penjara curi durian RM5 kena penjara bolehlah. Saya tidak *condemn* hukuman. Undang-undang tidak komen. Curi duit orang rampas ragut RM10, penjara.

Ini berjuta-juta ringgit lepas begitu sahaja. Konon-kononnya bankrap, tidak upaya. Oleh sebab itu saya syorkan supaya sebarang pemaju perumahan yang hendak buat rumah kena hati-hati, kena teliti.

#### ■1700

Maka, dengan ini saya syorkan buat satu *guideline, term and condition*, terma dan syarat supaya elakkan penipuan, elakkan kegagalan. Saya juga hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan mengenai Tabung Khas Rumah Nelayan. Saya syorkan supaya tahun ini dijalankan di tambah juga dengan peruntukan yang lebih besar kerana golongan ini sesak, daif, miskin dan kurang berasib baik.

Saya juga bersetuju akan meningkatkan perkhidmatan kesihatan. Saya syorkan supaya Kementerian Kesihatan *check* balik. Ada hospital, rumah-rumah kakitangan macam doktor, macam kakitangan kesihatan terlalu daif. Ada banyak doktor-doktor duduk di rumah *flat*, pangapuri, sesak, kotor. You pergi tengok GH sekarang. Lapuk, kotor, sesak, bertabur barang, usang, lapuk. Pergi *check* lah. Saya biasa pergi GH, naik turun, naik turun. Jadi, kerajaan bila hendak tingkatkan kesihatan, perlu tingkatkan premis dan juga tempat-tempat tinggal mereka.

Seterusnya memacu pembangunan masyarakat bumiputera. Saya kagum tengok usaha terbaru kerajaan untuk menubuhkan teraju, Unit Peneraju Agenda Bumiputera Teraju. Lebih terasa lagi untuk saya menyatakan tidak boleh simpan-simpan, rasa syukur saya bila mana kerajaan berusaha untuk melahirkan sekurang-kurangnya 1,100 orang syarikat bumiputera untuk disenaraikan di Bursa Saham. Ini langkah yang baik. Melayu ramai, Melayu banyak tetapi miskin pun banyak. Kurang Melayu jadi jutawan atau apakah lagi *billionaire* kurang sekali.

Saya juga hendak ucapkan terima kasih kepada kerajaan tentang meringankan beban pemilik teksi persendirian. Cukai 100 peratus hapus. Tahniah, bagus. Cukai duti eksais dan jualan ke atas teksi juga yang berumur tujuh tahun yang dijual, ditukar milik dikecualikan, ini bagus. Cukai jalan pun dimansuhkan tetapi kadang-kadang teksi ini kita malu, buruk dan sebagainya. Saya syorkan supaya berilah bantuan untuk teksi supaya kelihatan segar, menarik, sesuai dengan negara Malaysia yang cantik dan menarik.

Saya juga hendak sebut tentang belia. Belia, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM320 juta untuk gerakan pelbagai aktiviti termasuk kemahiran, kepimpinan, daya tahan dan keusahawanan belia. Akan tetapi malangnya kita tengok di kampung-kampung dan di desa-desa, semua tempat kelab-kelab belia hidup segan, mati tidak mahu, daif. Apa sudah jadi? Kebanyakan belia tidak suka kelab belia, jauh daripada belia, semua mati. Kebanyakan hidup hanya 20 peratus sahaja. Yang lain-lain mati. Jadi, kerajaan di samping menekankan kepada sukan, saya suka sukan tetapi dalam masa yang sama juga perlu tumpu kepada kelab-kelab belia. Tidak kiralah MAYC atau pun 4B atau pun apa-apa sahaja kelab yang penting kita perlu bantu mereka.

Sekarang orang muda kalau sebut kelab belia, dia hambar, pudar, tidak syok, tidak suka sebab tidak ada cara baru, tidak ada usaha baru hendak memotivasi mereka dan hendak angkat mereka menjadi lebih baik.

Saya juga hendak sentuh ibadat haji. Sekarang, ramai rakyat Malaysia Muslim pergi haji tetapi ramai juga orang Islam tidak boleh pergi haji. Konon-konon kuota sudah cukup. Saya syorkan ada satu kategori. Contohnya yang tiga tahun tunggu boleh pergi. Jangan ambil yang satu tahun atau dua tahun pergi dahulu. Itu saya syorkan.

Kedua, minta juga dengan Kerajaan Arab Saudi supaya mereka naikkan kuota *percentage* kita. Sekarang dia bagi 1.0 peratus *only* untuk semua negara. Sesuai dengan pembesaran kawasan sekitar Kaabah, Masjidil Haram dan juga Madinah serta juga tempat melontar Jamrah sudah moden sekarang. Ada kereta api yang dibuat oleh rakyat Malaysia. Jadi, saya syorkan supaya kuota haji dinaikkan sekurang-kurangnya 2 peratus lagi. Daripada 10 peratus sekurang-kurangnya jadi 15 peratus.

Jadi, kesimpulannya saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2012 di luluskan dengan suara majoriti. Jangan bangkang lagi pembangkang. Dahulu, dua hari lepas dia berdiri tunjuk pandai. Undi kalah juga. Jadi, hari ini jangan bangun lagi, jangan buang masa. Yang lepas buang masa 30 minit, hilang deposit, malu. *Thank you.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Kali ini ada masa lebih sedikit sebab pembahasan kita tinggal seorang sahaja. Silakan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali.

### 5.09 ptg

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet 2012.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau tidak cukup masa, boleh sambung hari Isnin.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih banyak, terima kasih. Waktu membentangkan belanjawan 2012 di Dewan Rakyat pada 7 Oktober, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri menyatakan "hakikatnya, Malaysia adalah negara yang berjaya. Dalam tempoh yang singkat kita telah merubah wajah Malaysia dari sebuah watan pertanian berpendapatan rendah menjadi negara perindustrian moden berpendapatan sederhana tinggi".

#### ■ 1710

Saya tidak menafikan bahawa Malaysia telah mencapai kejayaan dalam banyak bidang sejak mencapai merdeka pada tahun 1957. Akan tetapi jika dibandingkan dengan beberapa buah negara sebaya, kejayaan tidaklah begitu memberangsangkan. Misalnya dari segi pendapatan per kapita, sekitar tahun 1960, Malaya waktu itu, Singapura, Taiwan dan Korea Selatan hampir sama pendapatan per kapita mereka. Akan tetapi sekarang ini walaupun pendapatan per kapita kita sudah mencapai RM28,000 namun kita dapatti bahawa kedudukan Singapura adalah tiga kali ganda dan kedudukan Taiwan dan Korea Selatan adalah lebih daripada dua kali ganda.

Jadi bagaimanakah pada permulaannya sama tetapi sekarang sudah ketinggalan kita? Dikatakan tadi bahawa kita telah berpindah daripada pertanian kepada perindustrian moden. Memang benar jika dikatakan Malaysia tidak lagi sepenuhnya berwajah pertanian walaupun aktiviti pertanian masih luas diamalkan dan memberi pekerjaan kepada sebilangan besar rakyat. Akan tetapi tidak tepat sama sekali manakala didakwa bahawa Malaysia sudah menjadi negara perindustrian moden iaitu perkataan digunakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jika dibandingkan dengan Korea Selatan misalnya, kita dapatti pencapaian negara kita masih terkebelakang. Korea Selatan jauh lebih maju bahkan boleh menyaingi negara-negara Barat dalam bidang perkembangan elektronik dan digital. Akan tetapi Malaysia tidak memperlihatkan tanda permulaan pun.

Dalam industri permotoran, kemampuan Korea Selatan juga mengatasi Malaysia. Kereta-kereta buatan mereka boleh bersaing dengan model-model kereta terkenal dari Amerika dan Eropah. Akan tetapi kereta-kereta kita belum mempunyai enjin sepenuhnya yang dicipta sendiri dan lebih bergantung hidup kepada pasaran tempatan yang dilindungi. Bahkan kita lihat sekarang ini walaupun kereta Korea Selatan begitu banyak di negara ini, saya ingin bertanya adakah sebanyak itu pula kereta-kereta dari Malaysia yang terjual di Korea Selatan? Sekarang ini kita lihat bahawa kadar kemajuan yang dicapai oleh beberapa buah negara seperti Vietnam, Thailand bahkan juga Indonesia mulai mencabar kedudukan Malaysia selain daripada negara-negara yang saya sebutkan tadi. Mengapakah ini berlaku?

Tentu banyak faktornya yang menyebabkan ini dan semua faktor ini menunggu untuk dikaji secara halus dan mendalam. Akan tetapi oleh kerana kita membicarakan belanjawan, mungkin tepatlah jika kita lihat faktor ini dari segi belanjawan itu sendiri. Dalam hal ini saya ingin merujuk kepada perbelanjaan urusan dan pembangunan yang diperuntukkan dalam Belanjawan 2012 ini. Kita dapatti bahawa anggaran bagi 2012 ialah sebanyak RM232.83 bilion dan bagi pembangunan peruntukannya ialah RM51.25 bilion. Ini bermakna bahawa untuk pembangunan, peruntukannya ialah hanya 22 peratus, manakala untuk pengurusan ialah 78 peratus.

Peruntukan 22 peratus bagi pembangunan ini bagi tahun 2012 adalah yang terkecil sekali saya percaya dalam sejarah belanjawan negara ini. Kalau kita ambil 12 tahun yang lalu, kita lihat misalnya pada tahun 2000 peruntukan bagi pembangunan ialah 31.62 peratus. Pada 2004, peruntukannya ialah 28.41 peratus, pada tahun 2008, peruntukannya ialah 27.20 peratus. Akan tetapi pada tahun 2011 sudah merosot kepada 23.9 peratus dan untuk tahun 2012 merosot lagi kepada 22 peratus sahaja bagi pembangunan.

Jadi kebimbangannya ialah kita lihat bahawa nampaknya berat sebelah, berat kepada pengurusan dan kurang kepada pembangunan. Saya bimbang ini mungkin merupakan salah satu mengapa pembangunan kita tidak begitu lancar.

Berhubung dengan belanjawan juga, ada satu perkara yang hendak disebutkan sebelum saya meneruskan perbahasan. Kita lihat bahawa belanjawan mempunyai dua peranan yang besar. Pertama, ia harus cuba mengatasi secara progresif kelemahan struktural jangka panjang sesebuah negara dan ekonomi. Jadi belanjawan tidak terbatas hanya bagi menentukan pendapatan dan perbelanjaan mengikut jangka pendek bagi satu-satu tahun sahaja. Bahkan ia harus melihat bagaimana hendak membaiki keadaan-keadaan struktural yang lemah. Kedua, ia harus mengulang kaji kemajuan serta masalah bagi tahun-tahun tertentu dan membuat ramalan untuk tahun berikutnya serta mengemukakan syor-syor untuk menumbuhkan ekonomi sambil mengatasi masalah serta kesulitan yang mungkin timbul.

Ada pelbagai kelemahan struktur yang saya percaya perlu diperbaiki. Kelemahan pertama ialah dalam struktur ekonomi Malaysia ini terbukanya ia kepada pengaruh ekonomi global. Ini telah disebutkan juga oleh timbalan menteri tadi. Ekonomi Malaysia bergantung kuat kepada perdagangan dan pada masa yang sama kepada pelaburan langsung iaitu FDI. Permintaan dari luar adalah sebahagian penting daripada keseluruhan permintaan. Pusat pasaran dunia terutama sekali Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun sekarang ini sedang menghadapi masalah besar dengan kadar pertumbuhan yang perlahan, kadar pengangguran yang tinggi dan meningkat, hutang isi rumah dan sektor awam yang tinggi dan sektor kewangan yang boleh membawa kepada kemelesetan.

Segala ini sudah pasti akan mempunyai kesan buruk ke atas eksport yang boleh mengakibatkan kelembapan pertumbuhan ekonomi negara kita terutama sekali bagi tahun akan datang. Sektor yang paling kuat bergantung pada eksport seperti pengilangan atau pembuatan dan perkhidmatan, terutama sekali pelancongan mungkin mengalami keadaan merudum akibat daripada kejutan luar yang mendadak. Sebahagian besar tenaga kerja di sektor-sektor yang terjejas ini mungkin akan menghadapi ancaman bahaya terjebak dalam kancang masalah ekonomi seperti kehilangan ataupun pembuangan kerja.

Tuan Yang di-Pertua, kelemahan kedua ialah trend bertambah besarnya jurang perbezaan dalam pengagihan pendapatan di Malaysia.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya mencelah?

**Dr. Syed Husin Ali:** Ya, sila.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya maklumlah masalah kelemahan struktur Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali timbulkan itu.

Akan tetapi yang menjadi kemasukan saya, apakah pilihan yang kita ada. Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali menyebut tentang kelemahan ini dan kelemahan itu tetapi tidak memberikan alternatif apa yang patut dibuat. Jadi saya rasa di dalam mengemukakan kritikan-kritikan yang supaya kritikan itu lebih konstruktif, cubalah juga kemukakan cadangan-cadangan yang konstruktif. Terima kasih.

■1720

**Dr. Syed Husin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang menjangka soalan standard ini. Sebenarnya selepas daripada ini saya akan kemukakan cadangan-cadangan. Jadi sabarlah sikit dahulu, ya.

Kelemahan kedua ialah trend bertambah besarnya jurang perbezaan dalam pengagihan pendapatan di Malaysia. Hal ini memang sering berlaku dalam semua masyarakat kapitalis. Pada ketika ini, lapisan 20 peratus di atas isi rumah dalam negara memiliki 52 peratus daripadakekayaan negara manakala 40 peratus yang dari yang bawah sekali memiliki 15 peratus. Angkali gini atau *Gini-coefficient* masih tinggi lagi iaitu di sekitar 0.462. Akibatnya di negara Malaysia ini, segelintir kecil golongan elit terutama yang 5 peratus di atas mempunyai lebihan ataupun surplus yang banyak. Pada masa yang sama, majoriti besar yang meliputi mereka dalam lapisan pendapatan rendah dan menengah menghadapi banyak defisit ataupun kekurangan. Berhubung dengan ini saya ingin merujuk apa yang telah disebut oleh pembicara lebih awal tadi tentang subsidi. Sebenarnya memang diterima bahawa subsidi diberi gula misalnya. Akan tetapi subsidi 20 sen diberi selepas tiga kali harga gula naik. Subsidi untuk gula ini bukan hanya untuk orang miskin yang 52 peratus tadi tetapi untuk orang terkaya yang 5 peratus juga.

Yang lebih serius lagi ialah kita dapati bahawa IPP iaitu *independent power producers* atau pengeluar tenaga bebas yang dimiliki oleh beberapa orang kroni yang paling kaya, bukan semuanya Melayu, mereka mendapat subsidi sebanyak RM19 bilion.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh mencelah sedikit, Yang Berhormat? Boleh celah sikit, Yang Berhormat Dr. Syed?

Kalau tadi Yang Berhormat Dr. Syed menyebut orang yang kaya hanya 5 peratus sahaja dan orang yang kaya ini pun turut mendapat subsidi. Ini bermakna yang mendapat subsidi orang kaya itu hanya sedikit bilangannya sedangkan kebanyakan subsidi lebih diperuntukkan kepada orang-orang miskin seperti mengikut nisbah yang Yang Berhormat Dr. Syed sebutkan itu. Jadi janganlah penggunaan angka-angka seperti itu boleh mengelirukan. Terima kasih.

**Dr. Syed Husin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya sahabat saya yang baik hati itu tidak mengikuti apa yang saya katakan tadi.

Sungguhpun 5 peratus tetapi ada 10 hingga 12 kerat sahaja yang mendapat subsidi IPP sebanyak RM19 bilion dan ini jauh lebih banyak daripada yang diperoleh oleh 50 peratus orang-orang yang susah tadi dan kebanyakannya di kampung. Oleh kerana itu, tidak peliklah sebahagian besar dari rakyat Malaysia terbeban dengan jumlah hutang yang membimbangkan.

Pada akhir tahun 2010, jumlah hutang isi rumah yang ditanggung oleh rakyat Malaysia telah mencecah RM577 bilion bersamaan 77 peratus dari KDNK. Ada di kalangan mereka yang banyak berhutang daripada bank, khidmat kad kredit, syarikat hutang beli (*higher purchase*) untuk membeli rumah, kereta dan juga menampung perbelanjaan pendidikan anak. Ada pula yang terpaksa hidup menanggung penggunaan yang rendah atau *under consumption*. Pada keseluruhan, akibatnya ialah ekonomi menanggung kekurangan permintaan yang disebabkan salah satunya oleh masyarakat yang bertambah tidak saksama.

Saya masih membincangkan tentang kelemahan lagi. Kelemahan yang ketiga ialah tampungan kemahiran dan pengetahuan yang kecil serta terbatas disebabkan oleh pengaliran keluar bakat atau *brain drain* dan kemasukan besar-besaran pekerja separuh mahir atau tidak mahir dan juga asas teknologi yang lemah. Pertumbuhan produktiviti terbatas. Malaysia terus terperangkap dalam *middle income trap* dan tidak dapat keluar dari perangkap ini oleh kerana kemahiran yang terbatas. Masalah ini berkaitan dengan masalah mutu pendidikan yang merosot, usaha penyelidikan yang lemah dan kekurangan sifat inovasi oleh kerana amalan kronisme dan juga kurang mengikuti kecemerlangan.

Kelemahan keempat, dan penting kita mengenal pasti kelemahan-kelemahan ini sebelum kita boleh dapat menyelesaikan masalahnya, ialah wujudnya negara yang lemah, tidak cekap, tidak telus serta tidak *accountable* dan luasnya institusi yang *corrupt* seperti polis, kehakiman, birokrasi, Suruhanjaya Pilihan Raya dan juga SPRM. Ini membawa kepada bertambah kurangnya keyakinan terhadap tata kelola baik ataupun *good governance* secara keseluruhannya.

Keempat-empat kelemahan yang saya jelaskan tadi merupakan kelemahan-kelemahan jangka panjang. Selain itu ada dua kelemahan jangka pendek yang kita hadapi. Pertama ialah ekonomi Malaysia pada tahun depan mungkin menghadapi suasana antarabangsa yang tidak menetap dan tinggi risikonya. Ia boleh mengakibatkan pertumbuhan lebih perlahan serta pembuangan kerja yang besar dan mendadak. Keduanya, orang ramai terutama sekali golongan pekerja di bandar terus menghadapi tekanan yang timbul dari kos hidup meningkat. Ini mengakibatkan kejatuhan pendapatan sebenar. Ertinya dengan pendapatan yang sama, bertambah kurang barang yang boleh dibeli.

Sekarang baru sampai saya kepada nilai belanjawan dan kemudian untuk menjelaskan apa yang dapat dilakukan. Memandang kepada golongan pekerja bandar yang sekarang ini boleh dikatakan paling terdedah kepada kejutan luar ataupun *outside shock* ini, sangat perlu dikaji semula jaringan keselamatan iaitu *safety net* yang disediakan untuk mereka. Akan tetapi perkara ini tidak kelihatan dalam Belanjawan 2012 dan ini sangat mengecewakan. Kini, kalau seseorang pekerja dibuang kerja dan mungkin tahun depan ramai akan dibuang kerja, beliau berhak mendapatkan hanya sedikit faedah atau ganti rugi mengikut Akta Kerja 1955 akibat dibuang kerja. Ada beberapa perkara yang boleh dilakukan untuk mengatasi perkara ini. Saya syorkan tiga perkara. Pertama, hanya pekerja-pekerja yang mempunyai pendapatan pada peringkat tertentu sahaja yang berhak menerima ganti rugi. Walaupun paras pendapatan yang ditentukan telah dinaikkan, namun patutnya ia boleh dinaikkan lagi supaya boleh meliputi golongan pekerja yang lebih ramai. Jadi ertinya kita tumpukan untuk membantu golongan ini.

Keduanya, bilangan berapa bulan dalam setahun perkhidmatan yang harus dikira untuk mendapatkan ganti rugi sepatutnya ditambah juga. Jadi ertinya kalau dia lama kerja, berapa bulan dia dapat ganti rugi itu, itu pun harus ditambah juga. Ketiga ialah penguatkuasaan bagi melaksanakan syarat ganti rugi ini masih lemah. Prestasi jabatan pekerjaan dalam hal ini belum memuaskan lagi. Jadi ertinya kita harus bukan sahaja membaiki *safety net* tetapi pentadbiran untuk memastikan penumpuan bantuan yang diberi kepada golongan pekerja.

Ada satu lagi masalah yang menunggu golongan pekerja yang mudah terjejas ini. Seperti yang kita ketahui, Kementerian Sumber Manusia sedang meminta kelulusan untuk membuat pindaan tertentu pada Akta Kerja 1955. Mereka cuba hendak *outsourcekan* dengan izin pekerja-pekerja yang diambil bekerja. Saya tidak hendak berbincang panjang tentang hal ini kerana ada undang-undang yang akan kita bincangkan nanti berhubung dengan ini. Namun apa yang hendak saya jelaskan ialah membenarkan kontraktor untuk mengambil pekerja-pekerja bagi majikan adalah amalan seperti zaman penjajahan dulu iaitu amalan Kangani. Kangani di mana misalnya pekerja-pekerja estet diambil oleh kontraktor-kontraktor tertentu dan diambil bekerja pula oleh ladang-ladang tertentu. Ini melemahkan kedudukan pekerja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan. Yang Berhormat boleh menyambung perbahasan pada hari Isnin nanti.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih banyak, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin 12 Disember 2011. Terima kasih.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*